



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 841]

USUL:

Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984
[Ruangan 924]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 951]

Rang Undang-undang Hakmilik Strata [Ruangan 970]

Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 982]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).

TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).

TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

DATO S. GOYINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).

PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).

PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- .. TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilanlik).
 - .. TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
 - .. DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
 - .. PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
 - .. TUAN KEE YONG WEE (Dilantik Wilayah Persekutuan).
 - .. TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
 - .. DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
 - .. TUAN KUAN FENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
 - .. DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
 - .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
 - .. CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
TUAN LOO SEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
 - .. TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
 - .. TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
 - .. PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
 - .. TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
 - .. TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
 - .. TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
 - .. DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 - .. TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,
(Dilantik).

TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

TUAN WONG YAU KET (Sabah).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B., Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.
Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 22hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROTON SAGA—JADUAL
PENGELUARAN**

1, Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah unit kereta Proton Saga yang akan dikeluarkan dalam tahun 1985 hingga 1990;
- (b) kedudukan permintaan dari luar negeri sehingga sekarang;
- (c) sama ada rekabentuk kereta Malaysia ini akan diubah-suaikan tiap-tiap tahun atau dalam beberapa tahun; dan
- (d) kemungkinan pengeksporan kereta Proton Saga pada tahun-tahun akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, jadual pengeluaran Proton Saga dari bulan Julai 1985 hingga 1990 adalah seperti berikut:

Julai-Disember, 1985	7,500 unit
Januari-Disember, 1986	40,250 unit
Januari-Disember, 1987	67,600 unit
Januari-Disember, 1988	84,400 unit
Januari-Disember, 1989	95,200 unit
Januari-Disember, 1990	100,200 unit

Setakat ini kita ada menerima beberapa permintaan dan hasrat dari beberapa buah negara asing untuk mengimport dan membeli kereta nasional. Bilangan yang dinyatakan oleh negara tersebut adalah di dalam lingkungan antara beberapa ribu hingga melebihi 100,000 unit.

Pada umumnya pertukaran model Kereta Malaysia akan dibuat dalam masa lima tahun sekali dan dalam tempoh itu juga dua pertukaran "cosmatic" akan dilaksanakan. Memang kita bercadang untuk mengeksport kereta nasional. Walau bagaimanapun, di peringkat awal ini kita belum lagi bersedia. Kajian dan persiapan yang rapi dan lengkap mestilah dibuat sebelum kita mengeksport kereta nasional.

Tuan Ahmad bin Othman: Soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapakah pihak Syarikat Proton Saga hanya menggunakan wang pertaruhan \$500 kalau sekiranya kita hendak memesan sebuah motokar tetapi harga yang sebenarnya tidak disebut berapa harga sebenarnya dan mengapakah tidak dibuat sekali dengan sebutan harganya?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, ini strategi jualan kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kereta Proton Saga adalah satu imej dan kemegahan negara kita yang pertama sekali dapat dikeluarkan tetapi mengapakah

rekabentuk fizikal Proton saga ini betul-betul mirip potongan kereta-kereta Jepun. Jadi, sekali wajah kita lihat bukan seperti buatan Malaysia tetapi buatan dan ciptaan jati negara Jepun, mengapa terjadi demikian?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mengatakan kereta Proton Saga merupakan imej dan kemegahan kita. Barangkali Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan daripada kartunis Lat supaya bumbung berbentuk Minang, kalau itu barangkali Yang Berhormat maksudkan, saya rasa dari segi aerodynamic dan sebagainya perlu dipikirkan. Walau bagaimanapun, bentuk kereta ini merupakan bentuk-bentuk universal, tidak semestinya bentuk kereta Jepun.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa peratuskah bahan-bahan tempatan dan jenis-jenis yang telah digunakan untuk Proton Saga?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengirakan peratusan tertentu sebenarnya yang mana bahan-bahan tempatan telah pun dikira dan ini akan dijelaskan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan beberapa negara telah menyatakan minat mereka terhadap kereta tersebut. Saya minta Yang Berhormat Menteri sebutkan negara-negara tersebut. Yang keduanya, adakah pihak Mitsubishi Jepun menawarkan rangkaian pasaran yang sedia ada di pasaran dunia untuk Proton Saga?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, antara negara-negara yang telah menunjukkan minat untuk sama-sama memohon ialah

sebuah syarikat daripada United Kingdom, sebuah syarikat daripada Bahrin, sebuah lagi syarikat daripada United Kingdom juga, sebuah syarikat daripada Austria, sebuah syarikat daripada Kanada dan juga minat yang ditunjukkan daripada pihak negeri China.

Dari segi pasaran, sudah tentulah pihak EON memikirkan kalau kita dapat merangkaikan bersama-sama saluran jualan yang sudah ada melalui badan-badan syarikat international ini memang molek sekali. Walau bagaimanapun, kita berusaha juga sendiri melalui saluran-saluran kita untuk memperkenalkan dan akhirnya sekiranya kita mengeksport memasarkan kereta-kereta nasional kita.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, bahawa Mitsubishi Jepun tidak menawarkan rangkaian pasarnya untuk Proton Saga. Saya ingin menyambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerjasama ekonomi dalam bidang automotive antara Indonesia dan Malaysia juga bermakna bahawa pasaran Indonesia dalam bidang automotive kereta juga ditawarkan kepada Proton Saga.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Yang pertama kita memang ada Perundingan dan Perbincangan dengan Mitsubishi tetapi macam saya menjawab tadi di peringkat awal ini kita memikirkan untuk memasarkan di negara kita dahulu sebelum kita menjangkau ke peringkat eksport.

Yang kedua, dari segi sama ada kita membuat kerjasama dengan pihak-pihak automotive di Indonesia sama ada kita, akan menjadikan Indonesia sebagai pasaran, seperti yang diketahui baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya juga mengiringi Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri melawat ke Indonesia dan kita juga ada membincang perkara-perkara kemungkinan kerjasama dalam bidang ini tetapi dari segi pasaran itu kita sudah pun menghantar pegawai-pegawai kanan kita untuk meninjau dengan lebih jauh lagi akan hal ini.

Puan Hafsah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah segala-gala alat-alat ganti Proton Saga dibuat di Malaysia? Jika dibuat di Malaysia berapakah syarikat-syarikat yang telah diberi lesen oleh Kerajaan hari ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Matlamat sepenuhnya ialah sebanyak-banyaknya kita hendak mengeluarkan bahan-bahan ini daripada pasaran tempatan dan yang kedua, tadi Ahli Yang Berhormat menanyakan siapakah syarikat-syarikat itu, saya minta notislah.

Tuan Haji Husein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang Proton Saga menjadi kebanggaan dan kemegahan kita. Apakah bagi pihak pemerintah sudah merancang dan bila semua kenderaan Kerajaan ataupun pembelian yang berkaitan dengan Kerajaan akan menggunakan Proton Saga?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan ini. Memang kita juga mengkaji setakat mana yang perlu kita arahkan untuk membolehkan kegunaan kereta-kereta ini oleh pejabat-pejabat, agensi-agensi mahupun pegawai-pegawai kita khususnya dari segi kereta rasmi. Dalam hal itu kita juga perlu meninjau dari segi saiz, dari segi kegunaan dan sebagainya dan bolehlah saya katakan di sini kajian akan hal ini memang kita buat dan saya juga mengucapkan terima kasih sekali lagi Ahli Yang Berhormat mengatakan ini merupakan kereta kemegahan bagi

kita dan memandangkan kepada soalan-soalan yang banyak daripada Ahli Yang Berhormat, saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita juga sedang pun bersedia hendak membeli kereta-kereta ini untuk kegunaan rasmi mereka juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang akhir sebab kita ada 60 lebih pertanyaan. Tidak mengapa ini sekali sahaja lagi. Selepas ini sudahlah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah syarat yang penting dikenakan kepada pengedar Proton Saga, adakah modal, show-roomnya atau berpandukan kepada status bumiputeranya sahaja?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pihak HICOM telah mempelawa beberapa syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dalam pemasaran kereta untuk bersama-sama menjayakan Projek Kereta Nasional. Pada peringkat ini HICOM seperti jua beberapa agensi jelaskan sedikit, EON yang terbesar sebanyak 45%, Perusahaan Sepadu Sdn Bhd iaitu anak Syarikat UMW memegang 35% saham EON dan 20% lagi dipegang oleh dua syarikat hakmilik penuh bumiputera, iaitu United Assembly Services yang memegang saham sebanyak 15% dan Edaran Pekemas Bhd sebanyak 5%. HICOM seperti jua beberapa agensi Kerajaan memegang saham di waktu risiko tinggi. Apabila sahaja keuntungan didapati biasanya saham dalam agensi seperti ini dipindahkan kepada ASN untuk bumiputera. Oleh yang demikian, adalah tidak benar sebahagian besar akan dikuasai oleh pihak-pihak lain.

Sebagai pengedar tunggal kereta nasional EON akan mengedar 100%

kereta nasional di dalam Malaysia. Jadi, yang harus diingat ialah bilangan pengedar bumiputera yang berminat adalah banyak dan tidak mungkin semua mereka menjadi pengedar. Walaupun demikian, kita amalkan lebih-dari Dasar Ekonomi Baru dan memang membuat perkiraan dari angka-angka, dari tawaran-tawaran yang kita terima siapakah yang sepatutnya kita jadikan sebagai pengedar.

JEMAAH HAJI—KEMUDAHAN

2. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan hasil rundingan di antara Kerajaan kita dengan kerajaan Saudi Arabia sempena lawatan Menteri Wakaf dan Saudi Arabia baru-baru ini bagi membetulkan kemudahan-kemudahan untuk jemaah haji kita tahun ini dan pada tahun-tahun akan datang supaya mereka dapat menunaikan fardhu haji dengan lebih selesa lagi dan nyatakan juga semua rancangan yang telah dibuat untuk urusan haji tahun ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, satu rombongan Kerajaan Malaysia yang diketuai oleh saya dan di anggotai oleh Pengarah Besar Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Timbalan Pengarah Besar Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Ahli Penasihat Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan disertai oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Malaysia di Arab Saudi telah berada di Arab Saudi antara 14 hingga 18 April, 1985 dan mengadakan rundingan dengan pihak berkuasa Arab Saudi mengenai perkara-perkara dasar yang melibatkan pelaksanaan Sistem Muassasah yang dikenakan kepada jemaah haji Asia Tenggara termasuk Malaysia mulai tahun lalu.

Saya telah mengadakan 3 perbincangan dengan Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi, Syekh Abdul

Wabab Abdul Rashid atas perkara-perkara melibatkan perumahan jemaah haji di Mekah, makan minum di Arafah/Mina serta pengangkutan bagi jemaah haji Malaysia di tanah suci yang dianggarkan kira-kira 24,000 orang.

Saya juga mengadakan perjumpaan berasingan dengan Yang Amat Mulia Putra Saud Al-Faisal, Menteri Luar Arab Saudi dan Yang Amat Mulia Putra Naif Ibnu Abdul Aziz, Menteri Dalam Negeri Arab Saudi yang juga adalah pengerusi jemaah tertinggi hal ehwal Haji Kerajaan Arab Saudi, mengenai perkara-perkara seperti keselamatan, kebajikan dan peraturan serta keselesaan jemaah-jemaah haji Malaysia di tanah suci.

Hasil yang telah tercapai dalam perbincangan saya adalah seperti berikut:

- (1) Bagi perumahan dan penempatan jemaah-jemaah haji Malaysia di Mekah. Tabung Haji dengan kerjasama Muassasah dibolehkan berunding terus dengan tuan-tuan punya rumah untuk menentukan jenis tempat, sewa rumah, muatan, kemudahan-kemudahan air api, kebersihan rumah-rumah dan lain-lain. Satu perjanjian di peringkat Tabung Haji, Muassasah dan tuan rumah sedang diadakan dengan disaksikan dan diturunkan jaminan oleh wakil Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi untuk menentukan pelaksanaan butir-butir perjanjian dan menentukan pembetulan jika berlaku masalah yang meliputi kebajikan jemaah haji kita. Salinan perjanjian akan diserahkan kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi untuk perhatiannya. Perkara perumahan pada tahun lalu telah menimbulkan banyak

masalah kerana jenis rumah, sewa, bayaran pengurusan dan lain-lain hanya ditetapkan oleh Muasassah sambil pihak kita tidak mempunyai tempat yang bertanggungjawab untuk membuat aduan-aduan.

- (2) Mengenai makan minum di Arafah/Mina dan persediaannya. Secara prinsip pihak Tabung Haji dibolehkan memilih kontraktor untuk menyediakan makanan dan berunding apa jenis layanan dan berapa kali hidangan yang boleh ditentukan. Muasassah akan memberi kerjasama dalam menguruskan hal makanan serla bayarannya. Tabung Haji dibolehkan memilih maktab-maktab yang diterima untuk tujuan ini. Pada tahun lalu Tabung Haji tidak dapat buat pilihan mengenai persediaan dan urusan makanan di Arafah/Mina. Masalah makanan yang tidak memuaskan pada tahun lalu melalui peraturan ini dijangka boleh diatasi.
- (3) Mengenai pengangkutan. Sudah pun diputuskan sebelum rundingan saya dengan bantuan Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi. Pihak Tabung Haji boleh menempah dan berunding terus dengan Mengabah atau Badan Pengawal Syarikat-syarikat Bas untuk memastikan jenis bas, muatan, bayaran dan lain-lain. Pungutan baksis tidak dibenarkan lagi dikutip oleh pemandu-pemandu bas. Hal ini juga satu perubahan dari segi kerjasama.

Selepas perjanjian di peringkat Menteri yang ditandatangani, satu rundingan di peringkat pegawai antara Tabung Haji dan Lembaga Muasassah telah diadakan yang mana beberapa perkara terperinci telah diputuskan

khususnya mengenai sewa rumah, bayaran khidmat muasassah, peringkat bayaran kepada tuan rumah, perkara makanan dan lain-lain yang telah juga ditandatangani dan disaksikan oleh Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi.

Perlu saya jelaskan berikutan dengan masalah-masalah yang dialami oleh jemaah kita pada tahun lalu, usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah tersebut sudah pun dijalankan melalui saluran-saluran Kedutaan kita, rundingan saya dengan Timbalan Menteri Haji Arab Saudi, Sheikh Abdullah Bugis pada bulan Disember, 1984 dan di antara Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan Pengerusi Muasassah pada awal tahun ini, serta yang terakhir ialah di antara rombongan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Haji dan Wakaf serta Muasassah pada akhir bulan Mac baru-baru ini.

Pihak saya berpuas hati mendengar penerangan yang diberikan oleh Menteri-menteri Arab Saudi mengenai perlunya diadakan muasassah, iaitu sebagai satu dasar pendekatan oleh Kerajaan Saudi Arabia untuk mewujudkan pengurusan Haji yang lebih sistematik bagi memperbaiki kebajikan jemaah Haji yang sedang meningkat sekitar 2 juta tiap-tiap tahun yang tidak lagi mungkin diuruskan secara lama di bawah cara pengendalian Syeikh-syeikh Haji.

Saya dijelaskan iaitu Kerajaan Arab Saudi sendiri adalah terbuka untuk mendengar pandangan-pandangan negara-negara Islam bagi memperbaiki bersama sistem ini termasuklah penerangan Malaysia untuk menyesuaikan keperluan kita dengan sistem muasassah. Saya juga berpuas hati bahawa pandangan dan cadangan kita mengenai pelaksanaan muasassah, khususnya bagi jemaah kita, telah diterima dengan semangat

persaudaraan Islam oleh Kerajaan Saudi. Insya Allah, melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kita dan mendapat kerjasama yang ikhlas dari pihak Kerajaan Saudi Arabia dengan penuh persefahaman dalam suasana persaudaraan Islam yang mendalam, maka dengan hal yang demikian kebajikan jemaah Haji kita pada tahun ini akan menjadi lebih baik dan selesa lagi, sambil kita perlu mengingati bahawa dalam menunaikan ibadah Haji yang mengandungi ujian dan dugaan dengan keadaan jemaah Haji yang ramai itu, kesulitan-kesulitan perlu dihadapi dengan sifat sabar dan tawakkal oleh jemaah Haji kita.

Antara butir-butir yang ingin saya sebutkan di sini ialah jemaah Malaysia telah pun ditetapkan kepada 10 maktab yang mengendalikan antara 2,000 sehingga 2,500 jemaah dengan tidak bercampur dengan jemaah Haji dari negara-negara lain. Peruntukan jemaah Haji kepada maktab-maktab akan dilakukan pada masa mereka tiba di Jeddah dan jemaah Haji dalam satu penerbangan akan diperuntukkan kepada maktab yang sama. Ini akan mengatasi masalah perpecahan antara keluarga atau kumpulan jemaah Haji yang juga berlaku pada tahun lalu.

Pihak LUTH akan meningkatkan perkhidmatan sampingan dan tambahan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Saudi seperti Panduan Jemaah Haji bagi Tawaf dan Sa'i dan menjaga mereka untuk membantu jemaah-jemaah yang sesat dan meluaskan tanda-tanda Malaysia di pusat-pusat perkhidmatan seperti Pejabat-pejabat Zon dan Klinik. Di Mekah, Pejabat Cawangan Tabung Haji akan ditubuhkan di tiap-tiap maktab dan jumlah Petugas Kebajikan dan Perubatan akan ditambah pada tahun ini kepada peringkat 36% lebih daripada tahun dahulu.

USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM KONTEKS DEB

3. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bekalan bakal-bakal usahawan yang berpotensi mencukupi untuk memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan mata pelajaran keusahawanan di peringkat sekolah dan universiti untuk menanam sifat keusahawanan tersebut lebih awal lagi.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Pembangunan usahawan bumiputera adalah salah satu asas yang penting bagi mencapai matlamat pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya maju.

Dalam usaha untuk membangun dan seterusnya meningkatkan bekalan usahawan-usahawan ini, banyak langkah telah pun diperkenal dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, khususnya menerusi kegiatan-kegiatan agensi-agensi amanah dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti MARA, UDA, PERNAS, PKEN-PKEN Negeri, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Bank Negara Malaysia dan Unit Penyelarasan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Langkah-langkah ini bukan sahaja berbentuk bantuan dan sokongan secara langsung seperti pengwujudan kemudahan-kemudahan kredit, pengeluaran permit dan lesen-lesen, pemberian kontrak kerja dan bekalan dan tawaran latihan, tetapi juga berupa bantuan tidak langsung

seperti kawasan-kawasan perniagaan, khidmat nasihat dan berbagai corak galakan menerusi sistem pentadbiran Kerajaan.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai peranan Kerajaan atau sektor awam, saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat merujuk juga kepada beberapa dokumen Rancangan Lima Tahun kita yang telah disiapkan, misalnya Buku Rancangan Malaysia Keempat. Langkah dan strategi pembentukan latihan misalnya, bukan sahaja bertujuan untuk menimbulkan semangat dan kemahiran dalam dunia, perniagaan dan persaingan tetapi juga bertujuan menyediakan bakal-bakal usahawan yang bersikap profesional dan berani menghadapi cabaran-cabaran besar dalam pengurusan perniagaan.

Selain daripada itu Kerajaan juga telah merangka dan melaksanakan strategi-strategi penyusunan semula dalam bidang hakmilik sektor syarikat dan corak pekerjaan. Ini juga bertujuan untuk membolehkan dan menggalakkan pertumbuhan usahawan-usahawan bumiputera selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Satu perkara yang perlu saya tegaskan dalam hal ini ialah bahawa soal memastikan bekalan usahawan-usahawan bumiputera yang mencukupi bukanlah dan tidak sepatutnya dianggap menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan sahaja. Ahli Yang Berhormat sendiri tentu bersetuju bahawa peranan usahawan-usahawan itu sendiri paling penting dalam menyertai dan mengekalkan tahap pencapaian bumiputera keseluruhannya. Kegiatan dan sokongan Kerajaan pada prinsipnya haruslah dianggap sebagai suatu galakan positif yang membolehkan golongan usahawan terus bertapak dan berdaya maju

dalam dunia perniagaan dan persaingan.

Di samping itu, kerjasama dari institusi-institusi sektor swasta misalnya dalam melatih usahawan-usahawan baru bumiputera juga penting bagi membolehkan matlamat pembentukan masyarakat usahawan bumiputera tercapai dengan sepenuhnya.

Kerajaan memang bercadang untuk memperkenalkan matapelajaran Keusahawan di peringkat sekolah dan universiti. Sebagai langkah pertama, Kementerian Pelajaran telah mewujudkan matapelajaran Perdagangan dan Keusahawan di peringkat Sekolah Menengah Rendah. Melalui langkah ini pada tahun 1987 merupakan tahun pertama murid-murid ini akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang mengandungi matapelajaran tersebut.

Di beberapa institusi pengajian tinggi tempatan, pelajaran Keusahawan sudah diperkenalkan sebagai satu matapelajaran yang khusus. Sebagai contoh, di Universiti Kebangsaan Malaysia sedang dikaji untuk menubuhkan satu Jabatan Keusahawan di bawah Fakulti Pengurusan Perniagaan. Universiti Pertanian Malaysia dan Institut Teknologi MARA adalah dua buah institusi yang sudah pun mewujudkan unit khusus yang menyediakan beberapa kursus berkaitan dengan Keusahawan dan Pengurusan Perniagaan yang boleh melahirkan para graduan yang berkeupayaan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

PERATURAN BEKERJA 5 HARI SEMINGGU

4. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji dengan seriusnya perkhidmatan 5 hari

bekerja seminggu (5 day week) iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 atau 5.30 petang tiap-tiap hari seperti diamalkan di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan masih berpendapat bahawa peraturan bekerja 5/2 hari seminggu adalah yang paling sesuai bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Peraturan waktu bekerja yang diamalkan sekarang adalah yang terbaik demi kepentingan kemajuan dan kemakmuran negara. Oleh itu buat masa ini Kerajaan masih tidak bercadang untuk melaksanakan peraturan bekerja 5 hari seminggu.

PERDAGANGAN DENGAN NEGARA ASIA TENGGARA

5. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk melipatgandakan dagangan dengan negara-negara di Asia Tenggara.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, perdagangan Malaysia dengan negara-negara di Asia Tenggara pada masa kini tertumpu kepada negara-negara ASEAN dan Burma. Oleh kerana keadaan yang sedang melanda di negara-negara Indochina, maka perdagangan Malaysia dengan negara-negara di kawasan tersebut tidak dapat berjalan dengan baik.

Berbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian saya untuk meningkatkan perdagangan dengan negara-negara di Asia Tenggara terutama dengan negara-negara ASEAN. Pejabat-pejabat

Perdagangan telah ditubuhkan di negara-negara ASEAN kecuali di negara Brunei Darussalam dengan tujuan meningkat dan meluaskan eksport negara kita.

Di samping itu, satu skim peraturan perdagangan yang dikenali dengan Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Preferential Trade Arrangement) juga telah ditandatangani oleh semua negara ASEAN bagi meningkatkan perdagangan intra-ASEAN. Di bawah skim ini perdagangan antara negara-negara ASEAN akan diberi layanan istimewa melalui pengurangan duti tarif dan adalah diharapkan dagangan antara negara-negara ASEAN akan terus meningkat dengan adanya peraturan tersebut.

Bagi peningkatan perdagangan dengan negara Burma, beberapa lawatan peringkat Menteri telah dilakukan, umpamanya Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah melawat negara tersebut pada tahun 1982 dan diikuti oleh lawatan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Burma ke Malaysia pada tahun 1983. Sementara itu pada bulan Februari dan Mac yang lalu Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam juga telah melawat Burma bagi tujuan meningkatkan hubungan duahala antara Malaysia dengan Burma termasuk juga hubungan perdagangan duahala.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan tambahan, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di Dewan yang mulia ini, berapakah jumlah eksport negara yang ditujukan kepada negara-negara di Asia Tenggara? Keduaanya, dapatkah Yang Berhormat Menteri juga memberi tahu Dewan ini tentang peratusan yang sama juga bagi tahun yang selepas dua atau tiga tahun yang lampau?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan peratus eksport ini, saya mohon minta notis oleh sebab mengenai tahun-tahun ada berkaitan dengan satu-satu statistik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

PRESTASI KERJA PEGAWAI KERAJAAN

6. Dato G. Pasamanickam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk memperkenalkan sistem untuk menilai kualiti daya pengeluaran kakitangan Kerja; jika ya, nyatakan bila dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini sudah ada sistem untuk menilai prestasi kerja dan mutu perkhidmatan-perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan. Sistem ini berasaskan kepada laporan penilaian prestasi tahunan pegawai-pegawai. Di dalam laporan penilaian prestasi tahunan itu bukan sahaja aspek mengenai pengetahuan kerja bahkan juga mengenai minat mutu perkhidmatan serta daya pertimbangan dan juga kebolehan membuat keputusan pegawai-pegawai berkenaan dinilai. Laporan penilaian prestasi tahunan yang telah disediakan serta lengkap adalah disimpan oleh Urusetia Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tun Paramjit Singh.

Dato K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

MAHKAMAH SESYEN— MENAIKKAN BIDANG KUASA SIVIL

7. Dato K. Kumaran (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kehakiman menyatakan:

(a) sama ada Kerajaan akan mengkaji untuk menaikkan bidang kuasa civil Mahkamah-mahkamah Sesyen ke \$50,000; dan

(b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk melantik lebih ramai Majistret dan Presiden untuk mengisi kekosongan-kekosongan jawatan di di seluruh negara ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji bagi menaikkan bidang kuasa civil Mahkamah-mahkamah Sesyen ke \$50,000. Walau bagaimanapun, jika keadaan memerlukan, perkara ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk mengisi sebolehnya semua kekosongan jawatan Yang di-Pertua, Mahkamah Sesyen dan Majistret di seluruh negara ini. Bagi tahun ini selain daripada pengisian jawatana-jawatan tersebut dari kalangan lulusan ijazah undang-undang yang diiktiraf, pesara-pesara yang terdiri dari bekas Pegawai-pegawai Polis, Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Negeri telah dan akan dilantik secara kontrak untuk mengisi kekosongan yang ada sekarang.

**RUMAH HARGA MURAH—
SUBSIDI**

8. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) perihal "gross subsidy" yang diberikan kepada pemaju perumahan;
- (b) langkah Kerajaan untuk memastikan pemaju-pemaju perumahan membina rumah harga murah dan nyatakan juga purata harga rumah, dan jumlah unit yang telah siap sehingga Disember 1984; dan
- (c) sebab-sebab mengapa pembinaan rumah-rumah harga murah tergendala dan tindakan Kerajaan membantu pemaju perumahan di dalam hal seperti ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) "Gross Subsidy" bukanlah satu subsidi yang diberi kepada pemaju perumahan swasta oleh Kerajaan. Ia merupakan satu cara atau langkah yang diambil oleh pihak pemaju di mana keuntungan yang diperolehi daripada perumahan jenis kos sederhana dan tinggi serta rumah-rumah kedai yang dibina digunakan sebahagiannya untuk menampung pembinaan perumahan kos rendah dalam satu-satu projek perumahan yang dimajukan terutamanya dalam keadaan di mana kos tanah adalah tinggi.
- (b) Dalam tempoh Rancangag Malaysia Keempat, Kerajaan telah mensyaratkan supaya sekurang-kurangnya 30% daripada projek perumahan

swasta mengandungi rumah kos rendah. Syarat tersebut dikenakan kepada pemaju-pemaju swasta pada peringkat kelulusan projek, tukar syarat tanah ataupun peringkat pecah sempadan tanah oleh Kerajaan Negeri. Harga jualan bagi rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta ditetapkan oleh Kerajaan di paras tidak melebihi \$25,000 seunit. Dari segi pencapaian program perumahan kos rendah oleh pemaju swasta setakat Jun 1984 sejumlah 14,288 unit rumah kos rendah telah disediakan. Daripada jumlah sasaran program pemaju swasta bagi tempoh R.M.E. adalah dianggarkan sehingga akhir tahun 1984 sejumlah kira-kira 15,300 unit rumah kos rendah dapat disediakan oleh pemaju swasta.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya pembinaan rumah-rumah harga murah yang tergendala adalah disebabkan oleh beberapa masalah seperti berikut-
 - (1) masalah pengurusan tarikh pemaju yang tidak cekap;
 - (2) kenaikan harga bahan binaan di luar jangkaan;
 - (3) pemaju tidak memahami peraturan-peraturan pihak berkuasa;
 - (4) pemaju baru mencebur diri dalam industri perumahan dan kurang pengalaman; dan
 - (5) penganan syarat-syarat tambahan oleh pihak berkuasa yang mengakibatkan pertambahan dalam kos pembinaan yang ketara tinggi.

Untuk membantu pemaju-pemaju perumahan menyiapkan pembinaan

rumah-rumah murah, Kementerian saya telah menggariskan beberapa tindakan iaitu:

- (1) membuat kajian kemungkinan (feasibility study) terhadap projek-projek yang terbengkalai;
- (2) membuat perundingan dengan pihak-pihak terlibat iaitu pemaju, pembeli rumah dan pihak berkuasa berkaitan bagi tujuan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi; dan
- (3) menasihatkan pemaju atau pembeli supaya bersikap tolak ansur dalam perkara-perkara seperti sumbangan kos tambahan yang minima, perubahan-perubahan kecil terhadap perincian pembangunan dan sebagainya.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengarahkan bank-bank supaya memberikan pinjaman perumahan kepada pemohon-pemohon rumah murah dengan mengenakan kadar faedah seperti pinjaman Kerajaan iaitu 4% sahaja untuk membantu pemohon-pemohon dari golongan berpendapatan rendah membayar balik pinjaman dengan mudah sekali mengikut NEP Kerajaan kita.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengarahkan bank-bank supaya membuat pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah. Tetapi apa yang dilakukan oleh Kerajaan ialah Kerajaan sendiri dalam tiap-tiap negeri dalam negara kita membina rumah harga kos rendah dan bayaran balik bagi rumah-rumah ini daripada golongan yang berjaya memperolehi rumah-rumah ini adalah mengikut 4-5/2% kadar faedahnya.

Selain dari itu Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan kepada bank-bank perdagangan untuk memberi pinjaman kepada pembeli-pembeli, pinjaman dengan kadar faedah tidak melebihi 10% bagi rumah-rumah yang berharga kurang dari \$60,000 seunit dan kalau lebih daripada \$60,000 sehingga \$100,000 seunit kadar faedah yang dikenakan ialah tidak melebihi 11% setahun.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan. Rakyat mengalu-alukan rumah-rumah murah yang dibuat oleh Kementerian berkenaan tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rumah-rumah murah yang dibuat, bukan semua; terdapat kadangkala belum diduduki pagarnya sudah tumbang terlebih awal, begitu juga simennya retak dan ini adalah mendatangkan kesulitan kepada pembeli-pembeli, apatah lagi yang membeli ini orang-orang yang berpendapatan rendah.

Soalan saya adakah Kementerian yang berkenaan menghantar pegawai yang berkenaan untuk mengawal pemaju-pemaju yang membuat rumah tersebut. Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan didapati masalah pemaju-pemaju yang tidak mempunyai pengalaman dan berbagai-bagai lagi. Dan apakah syaratnya pemaju-pemaju yang boleh dapat membuat rumah daripada Kementerian yang tersebut.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa di antara projek-projek perumahan terdapat juga projek-projek di mana rumahnya belum diduduki mempunyai banyak kekurangan dari segi beberapa perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Perkara ini sentiasa dikawal; pertamanya tiap-tiap projek dikawal oleh profesional seperti akitek dan engineer dan

mereka adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa rumah-rumah itu dibina mengikut pelan-pelan yang diluluskan.

Yang kedua, sebelum Certificate of Fitness dikeluarkan bagi projek-projek itu, rumah itu diperiksa terlebih dahulu oleh pegawai-pegawai dari Penguasa Tempatan dan selain dari itu perjanjian untuk membina rumah-rumah itu adalah mengandungi satu syarat bahawa rumah-rumah itu akan perlu dibaiki jika terdapat kekurangan dalam satu tempoh yang tertentu.

Tentang soalan yang kedua, bahawa kita dapati kesedaran pemaju-pemaju yang kurang berpengalaman ini adalah memang besar. Ini khasnya pemaju-pemaju yang kecil atau baru ingin masuk dalam bidang perumahan untuk mendapat keuntungan maka Kementerian saya sendiri sekarang telah meminta pemaju-pemaju supaya mendapat orang-orang yang mempunyai pengalaman untuk menjalankan pentadbiran syarikat-syarikat masing-masing.

ROTAN—RANCANGAN PENANAMAN

9. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa rancangan penanaman rotan secara besar-besaran di negara ini menemui kegagalan dan selama rancangan ini dijalankan nyatakan hasil yang telah diperolehi dari rancangan itu.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong); Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang memberi keutamaan kepada penyelidikan dan tanaman rotan seperti jenis Manau, Sega dan rit. Sehingga akhir tahun 1984 seluas 6,803 hektar telah pun ditanam dengan

rotan di mana 458 hektar darinya ditanam di Semenanjung Malaysia, 6,340 hektar di Sabah dan 5 hektar di Sarawak.. Pencapaian penanaman rotan masih rendah disebabkan bekalan biji benih yang berpunca dari keadaan berikut:

- (a) sukar untuk menemui pokok rotan yang berbuah dan biasanya dalam dua atau tiga bulan sahaja;
- (b) bagi mendapatkan biji yang bermutu, buah rotan perlu diambil dari pokoknya. Oleh itu hanya buah yang berdekatan dengan pokok yang boleh dipanjat sahaja boleh diambil;
- (c) sifat buah rotan yang mudah rosak sama ada oleh serangan serangga atau kulat; dan
- (d) kesusahan menyimpan biji rotan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah mendapatkan bekalan benih ini antaranya:

- (a) menubuhkan kebun biji benih seluas 33 hektar, di - Kuak Lipis, Pahang pada tahun 1983.
- (b) menjalankan kajian penyediaan benih rotan melalui tisu didik dengan bantuan Kerajaan Kanada;
- (c) menjalankan kajian penyediaan benih secara pembiakan tampang; dan
- (d) melaksanakan penyelidikan penyimpanan bijih benih rotan supaya biji benih yang diperolehi dalam jumlah yang banyak di satu ketika dapat disimpan tanpa merosakkan kadar percambahannya.

Selain dari penyelidikan bagi penyediaan benih, Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI) telah

dan akan terus menjalankan penyelidikan penanaman bagi menentukan projek penanaman rotan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antara kajian yang diutamakan:

- (a) menjalankan kajian tapak se-maian bagi menentukan teknik semaian yang betul terutamanya secara semaian, penjagaan anak serta campuran tanah;
- (b) menjalankan kajian pe-nyesuaian penanaman dalam hutan bagi menentukan kesesuaian tanah, naungan, rawatan, pembajaan serta kesesuaian lokaliti, melibatkan rotan jenis Manau, Sega, Semambu dan Irit;
- (c) menjalankan kajian penanaman rotan dalam kebun getah sebagaimana tanaman di-Dengkil, Selangor dan Kota, Negeri Sembitan. Usaha-usaha sedang dibuat mulai tahun ini bagi menubuhkan dusun contoh rotan dalam kebun getah di setiap negeri.

Mengenai pencapaian ke atas usaha yang telah dijalankan sukalah saya memaklumkan bahawa penanaman rotan memang boleh dilaksanakan dan dari pemerhatian ke atas pertumbuhan rotan yang telah ditanam adalah dijangka ianya boleh diusahakan hasil dalam tempoh 15 tahun dan menguntungkan.

BUMIPUTERA DI SARAWAK— MENEMPATKAN SEMULA

10. Tuan Kenneth Kanyan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan Bumiputera di Sarawak masih bertaburan di kawasan-kawasan luar bandar di negeri itu; jika sedar, sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menempatkan semula mereka ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, penduduk Sarawak yang terdiri daripada berbagai suku kaum tinggal di merata pelusuk negeri dan kebanyakannya tinggal di kawasan pendalaman dan pada kebiasaannya mereka di antara suku kaum dengan satu suku kaum tinggal berjauhan.

Menyedari hakikat inilah Kerajaan secara langsung memainkan peranan di dalam membantu untuk membawa pembangunan kepada penduduk luar bandar terutamanya golongan bumiputera. Projek-projek prasarana seperti jalan raya, sekolah dan klinik dan projek ekonomi seperti projek projek pertanian yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan secara tidak langsung membawa kepada tumpuan kepada penempatan penduduk-penduduk ke kawasan-kawasan yang ada kemudahan ini.

Sebagai contohnya projek-projek pembangunan pertanian bersepadu Kalaka-Saribas di Bahagian Kedua dan Lembangan Sungai Samarahan di Bahagian Pertama yang dirancangkan masing-masing yang dapat menempatkan lebihkurang 49,000 orang dan 47,120 orang penduduk. Dari jumlah penduduk tersebut masing-masing seramai 46,000 dan 35,000 orang penduduk adalah terdiri daripada bumiputera. Mereka akan mendapat faedah dari projek tersebut yang mana kegiatan perladangannya akan dijalankan secara berkelompok.

Kedua-dua, projek ini yang dijangka dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima akan dijalankan oleh Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Secara tidak langsung juga peruntukan melalui Belanjawan Persekutuan kepada agensi-agensi pembangunan tanah di Sarawak bagi menjalankan dan menjayakan aktiviti akan membantu di dalam proses penempatan semula penduduk terutamanya bumiputera.

Mengikut buku Belanjawan Persekutuan 1985 agensi-agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS) dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak masing-masing mendapat peruntukan anggaran 1981-1985 sebanyak \$41,983,323 dan \$6,956,900.

Di samping usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan kampung contoh yang akan menempatkan semula penduduk yang berselerak ke suatu kawasan yang lebih besar bagi memudahkan lagi usaha-usaha pembangunan dijalankan, Kerajaan Persekutuan melalui Surat Pekeliling Perdana Menteri bertarikh 10-7-1984 telah mengeluarkan garis panduan mengenai pembangunan kampung dan luar bandar. Melalui Pekeliling ini Kerajaan sedang memperkenalkan satu hala cara baru dalam usaha pembangunan kampung dan desa, hala cara ini melibatkan kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan moden bagi kebun-kebun kecil dan bendang-bendang, pengwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian, pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membibitkan pusat-pusat pertumbuhan baru. Pihak Kerajaan Negeri telah memilih Kampung Telaga Air, Kuching sebagai projek perintisnya. Kejayaan projek perintis ini akan menjadi contoh dan teladan untuk pembangunan kampung dan luar bandar yang seumpamanya di tempat-tempat lain di Sarawak nanti.

MARA—ANAK-ANAK SYARIKAT RUGI

11. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar bahawa kebanyakan

anak-anak Syarikat MARA mengalami kerugian berpuluh-puluh juta ringgit; jika benar nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian yang berkenaan.

MARA mempunyai dua buah syarikat induk iaitu Kumpulan Kenderaan Malaysia Berhad yang mengendalikan perusahaan pengangkutan serta bidang-bidang yang berkaitan dengan Kumpulan Industri Nasional Sdn Bhd yang mengendalikan bidang perdagangan dan perindustrian. Pada amnya kebanyakan anak-anak syarikat yang berada di bawah kedua-dua syarikat induk tersebut mengalami kerugian di awal tahun-tahun penubuhannya. Di samping itu dengan berlakunya kemelesetan ekonomi semenjak tahun 1980 menyebabkan beberapa syarikat tersebut terus mengalami kerugian. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk memulihkan keadaan tersebut sedang di dalam tindakan.

Sehingga akhir tahun 1984 sebanyak 24 buah anak-anak syarikat berada di bawah pengendalian syarikat-syarikat induk tersebut. Dari jumlah tersebut sebanyak 10 buah anak-anak syarikat telah mempunyai keuntungan dan 14 lagi mengalami kerugian untuk tahun 1984. Tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kerugian yang berterusan adalah:

- (i) meninggikan kecekapan cara mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif bagi tujuan pengurangan kos.
- (ii) mengadakan penswastan dan kawalan yang lebih ketat ke atas aktiviti anak-anak syarikat dari segi perjalanan anak-anak syarikat berkenaan.

- (iii) memperluaskan pasaran keluaran mereka dari pasaran tradisional dan kontrak Kerajaan kepada pasaran terbuka melalui pelaksanaan rancangan peningkatan kualiti dan lain-lain rancangan pelbagai.
- (iv) anak-anak syarikat yang mengalami kerugian dan tidak lagi mempunyai potensi perkembangan di mana bidang aktiviti juga dijalankan oleh agensi Kerajaan lain ataupun telah boleh diceburi dengan jayanya oleh usahawan bumiputera akan ditutup.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah penuntut-penuntut yang memasuki ke institusi-institusi pengajian dengan mengambil pinjaman dari MARA atau meminjam wang telah pun menjelaskan hutang-hutang mereka kalau tidak apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini lain daripada soalan asal.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada 14 anak syarikat yang mengalami kerugian, adakah kerugian itu berpunca daripada kelemahan pihak pentadbir atau berlaku kecurangan di dalam syarikat-syarikat itu?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Kerugian ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berpunca dari itu, tetapi dari berbagai aspek.

ASAM JAWA—BAHAN CICAK DAN LIPAS

12. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah kawalan yang

diambil oleh Kementerian terhadap barang makanan yang dijual di pasar-pasar yang mengandungi bahan-bahan najis seperti yang didakwa oleh oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bahawa ekor-ekor cicak dan lipas telah dijumpai dalam bungkus asam jawa dan apakah tindakan yang diambil terhadap penjual barang-barang sedia terbungkus untuk menjamin kebersihan barang-barangnya demi kepentingan pengguna.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, cara kawalan mutu makanan yang dilakukan oleh Kementerian saya dan di bawah Ordinan Jualan Makanan dan Dadah Tahun 1952, terhadap makanan yang siap dibungkus adalah melalui dua peringkat iaitu:

(a) *Peringkat Pemerosesaan Makanan*

Pegawai-pegawai Kementerian saya memeriksa kesesuaian pemerosesan makanan dari segi kebersihan persekitaran, susunatur kelengkapan dan kemudahan bekerja, pengendalian bahan-bahan makanan secara terselamat dari pencemaran dan pekerja-pekerja sihat dan telah lulus pemeriksaan kesihatan. Selepas itu sahaja lesen dikeluarkan untuk premis tersebut.

Perlu saya jelaskan bahawa kuasa pelesenan Kementerian Kesihatan hanyalah untuk kawasan yang di luar kawasan liputan Badan-badan Berkuasa Tempatan Kawalan ke atas kilang-kilang dan penjual-penjual dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan adalah tanggungjawab Penguasa-penguasa Tempatan itu. Dalam perkara ini Kementerian memang sentiasa

berhubung rapat dengan Penguasa-penguasa Tempatan.

(b) *Peringkat Pasaran*

Makanan yang siap dibungkus diambil sample untuk cerakinan di kilang-kilang itu sendiri ataupun di mana-mana sahaja ianya dijual kepada orang ramai. Cerakinan yang dilakukan termasuklah analisa mengesan kimia, pencemaran bacteriology, pematuhan piawaian dan mengesan adukan barang asing.

Tindakan yang diambil terhadap penjual-penjual ataupun pengilang-pengilang makanan yang mana jualan-jualannya didapati melanggar Peraturan Jualan Makanan dan Dadah 1952, dari segi kebersihan ialah pendakwaan di mahkamah di bawah undang-undang tersebut.

Pada tahun 1984 sebanyak 828 kes pendakwaan telah dibuat dan di antaranya 755 kes telah didapati salah di bawah undang-undang tersebut dan didenda sejumlah \$213,205.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Kita mengucapkan terima kasih di atas penguatkuasaan yang telah diambil oleh pihak Kementerian yang telah mendakwa dan mendapati lebih daripada 700 kes-kes kesalahan-kesalahan di bawah Akta Jualan Makanan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi sayangnya, pendedahan kepada mass-media tidak dibuat, publisiti maksud saya. Adakah pihak Kementerian Kesihatan pada masa akan datang akan mengadakan publisiti terhadap pekilang-pekilang yang telah didenda dan dihukum serta dinyatakan kesalahan-kesalahannya supaya menjadi panduan kepada orang ramai untuk memboikot hasil-hasil keluaran daripada kilang-kilang yang melakukan kesalahan ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian bertujuan untuk memberi publisiti yang luas terhadap penangkapan-penangkapan seperti itu dan Kementerian saya rasa tiap-tiap bulan mengeluarkan angka-angka mengenai perkara-perkara ini. Apabila sesebuah syarikat atau kilang didakwa di mahkamah, saya rasa publisiti melalui suratkhbar juga diperolehi, walau bukan setiap masa, tetapi Kementerian akan berusaha untuk memberi publisiti yang lebih luas terhadap kes-kes ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Loo Swee Mok.

Tuan Loo Swee Mok': Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pada 18 haribulan yang lepas.

**UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA—PELAJAR ORANG
ASLI**

14. Tuan Hassan bin Nam. minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk ke Universiti Kebangsaan (UKM) mengikut Kursus berbagai bidang dan nyatakan jumlah yang telah lulus dan gagal.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk ke Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1981 sehingga sekarang ialah 4 orang.

<i>Bil pelajar</i>	<i>Kursus</i>	<i>Lulus/Gagal</i>
2 orang	Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	Masih menuntut
1 Orang	Sains Sumber Alam	Masih menuntut
1 orang	Pengurusan Perniagaan	Masih menuntut

**GURU SEKOLAH
BERASRAMA PENUH**

15. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebahagian guru-guru di Sekolah Berasrama Penuh menghasut pelajar-pelajar menentang Kerajaan; jika ya:

- (a) berapa ramaikah guru-guru yang terlibat; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran ada menerima aduan dari ibubapa dan pemimpin masyarakat mengenai guru-guru Sekolah Berasrama Penuh yang menghasut pelajar-pelajar menentang Kerajaan. Kementerian sedang menyiasat tohmah-tohmahan ini dan tindakan disiplin akan diambil ke atas guru-guru yang berkenaan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, soalan yang sama telah pun saya kemukakan pada Mesyuarat Dewan yang baru lepas, iaitu pada bulan Disember yang lepas, soalannya lebih kurang sama. Jawapan pihak Kementerian Pelajaran mengatakan perkara ini sedang disiasat. Jadi, saya ingin tahu berapa lama kalau hendak buat siasatan yang begini?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, siasatan ini bergantung kepada kesnya. Kalau kesnya senang terbukti bahawa ada saksi-saksi (witness) yang nyata itu mungkin satu jam boleh dapat, kalau kes itu rumit (complicated) mungkin 10 tahun pun tak boleh hendak dapat keputusannya. Jadi, Kementerian Pelajaran, Kerajaan kita ini adil, kita tak mahulah hendak ambil tindakan sewenang-wenangnya terhadap seseorang yang didengar, diberitakan

melakukan sesuatu, kemudian kita terus tangkap. Yang kita perlukan ialah mengambil tindakan untuk menyiasat dengan sebetul-betulnya, seadil-adilnya selepas didapati beliau atau sesiaspa yang membuat kesalahan itu bersalah betul-betul, baru kita ambil tindakan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa ada terdapat aduan guru-guru menghasut murid-murid. Tidakkah ini merosakkan pelajaran penuntut-penuntut dengan adanya hasutan-hasutan itu?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, hasutan ini kadang-kadang hanya hasutan berita angin dan kesan terhadap pelajaran anak-anak itu setakat ini belumlah kita tahu sama ada kesannya buruk atau tidak. Namun demikian, dari segi apa yang dialami oleh pihak Kementerian, kesan buruknya begitu kecil dan kadang-kadang tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 65 adalah diberi di bawah ini).

**PANEL PENGAWASAN
PENYIASATAN SWASTA**

16. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Menteri Penerangan menyatakan apakah garis panduan dan bidang tugas yang telah diberikan kepada Panel Pengawasan Penyiasatan-Swasta (PPPS) yang ditubuhkan baru-baru ini bagi menilai program yang disiarkan oleh televisyen supaya tidak bertentangan dengan nilai-nilai budaya masyarakat di negara ini.

Dato Rais Yatim: Seperti yang tersedia maklum, asas pertimbangan

disebalik pertubuhan Panel Pengawasan Penyiaran Swasta (PPPS) ialah untuk menjamin perkembangan industri penyiaran swasta yang sihat, terutamanya menentukan bahawa segala kandungan siaran tidak mempunyai unsur-unsur negatif yang bercanggah dengan nilai-nilai dan norma masyarakat dan aspirasi negara.

Selaras dengan tujuan yang tersebut itu, bidang tugas Panel Pengawasan Penyiaran Swasta telah pun ditetapkan seperti berikut:

- (i) mengawasi isi kandungan rancangan-rancangan TV terutamanya aspek-aspek penggunaan bahasa, penonjolan adegan-adegan keganasan dan unsur-unsur lucu;
- (ii) mengawasi isi kandungan, corak dan amalan dalam penerbitan rancangan-rancangan pengiklanan;
- (iii) mengawasi aspek-aspek dasar penjadualan rancangan rancangan (programming) supaya tidak bercanggah dengan pembahagian waktu kepada tiga kumpulan sasaran tertentu, iaitu waktu siaran kanak-kanak, waktu siaran keluarga dan waktu siaran orang dewasa; dan
- (iv) mengawasi secara am semua aspek penyiaran swasta demi mengelakkan dari timbulnya kesan-kesan negatif terhadap pelaksanaan dasar-dasar negara dan cita-cita RUKUNEGARA.

PINJAMAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

17. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara yang dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri, mengikut negeri-negeri;

(b) jumlah hutang yang dipinjam kepada Badan-badan Berkanun Kerajaan; dan

(c) langkah yang diambil bagi menentukan supaya perbelanjaan wang awam di atas pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan, dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan mendapat bayaran balik mengikut jadual.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):

(a) Baki pinjaman belum selesai (outstanding amount) atas pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri pada 31-12-84 ialah \$5,391.3 juta. Pecahan bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah (\$Juta)</i>
1. Johor ..	716.6
2. Kedah	436.1
3. Kelantan	582.9
4. Melaka	203.4
5. Negeri Sembilan	313.6
6. Pahang ..	294.0
7. Pulau Pinang ..	301.4
8. Perak ..	504.4
9. Perlis ..	100.2
10. Sabah	204.8
11. Sarawak	657.6
12. Selangor	591.8
13. Terengganu ..	484.5
	5,391.3

(b) Baki pinjaman belum selesai atas pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Badan-badan Berkanun pada 31-12-84 ialah \$9,202.6 juta.

(c) Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil oleh

Kementerian Kewangan bagi menentukan supaya perbelanjaan wang awam digunakan dengan sebaik-baiknya dan bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual ialah:

- (i) Wang-wang pinjaman hanya dikeluarkan bagi membiayai projek-projek pembangunan yang telah diluluskan dalam Rancangan Pembangunan Negara;
- (ii) Pengeluaran wang pinjaman dibuat berasaskan kepada keperluan kewangan sebenar bagi projek-projek yang diluluskan pinjaman; dan
- (iii) Memberi peringatan kepada peminjam-peminjam untuk membayar balik pinjaman apabila tempohnya matang.

PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK— PENGAMBILAN CALON

18. Dato' S. Govinda Raj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pengambitan kakitangan Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Luar telah diadakan dalam tahun 1983 dan 1984 dan sekiranya ada sila nyatakan bilangannya mengikut pecahan kaum bagi tempoh tersebut.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Perkhidmatan Awam Am dan Perkhidmatan Luar seperti ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak wujud. Jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik bolehlah saya memberi jawapannya.

Urusan pengambilan tidak dibuat bagi tahun 1983. Bagi tahun 1984 satu urusan pengambilan telah dijalankan di mana seramai 100 orang calon telah dipilih. Bilangan calon yang dipilih mengikut kaum ialah 80 orang

keturunan Melayu, 11 orang keturunan China, 8 orang keturunan India dan seorang lain-lain keturunan.

GURU-GURU LELAKI— PENGAMBILAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diatur oleh Kementerian untuk menambah lagi pengambilan guru-guru lelaki untuk mengimbangkan jumlah guru perempuan yang sedia ada; dan nyatakan sebab-sebab berlakunya pengambilan yang tidak seimbang.

Tuan Bujang bin Haji Uli: Usaha-usaha memang sentiasa dijalankan bagi menambah bilangan guru lelaki supaya seimbang dengan guru-guru perempuan yang sedia ada. Calon-calon lelaki yang mempunyai kelulusan akademik yang minima pun akan diambil sekiranya. Mereka lulus ujian kelayakan (UKELP) dan lulus ujian temuduga.

Sebab-sebab berlakunya pengambilan yang tidak seimbang sebelum ini ialah kerana calon-calon perempuan lebih ramai memohon dari calon-calon lelaki. Calon-calon lelaki pula ramai yang menolak tawaran, terutama setelah ditawarkan untuk Kursus Pendidikan Sekolah Rendah (PSR).

JAWATANKUASA ASEAN MENGENAI MAKANAN, PERTANIAN/ PERHUTANAN

20. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana pencapaian Jawatankuasa Asean mengenai Permakanan, Pertanian dan Kehutanan atau Asean Committee on Food, Agriculture and Forestry dalam peningkatan penggunaan dan pemasaran hasil yang berasaskan pertanian di kalangan anggota-anggota Negara Asean.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Sejak ditubuhkan dalam tahun 1977, Jawatankuasa ASEAN mengenai Makanan, Pertanian dan Perhutanan (ASEAN-COFAF) telah melaksanakan berbagai-bagai Projek yang merangkumi bidang-bidang pertanian, ternakan, perikanan, perhutanan serta penyelidikan.

Mengenai projek-projek peningkatan penggunaan dan pemasaran hasil yang berasaskan pertanian di kalangan negara-negara anggota ASEAN, Jawatankuasa ini (ASEAN-COFAF) telah dan sedang melaksanakan beberapa projek pengendalian makanan (food handling projects). Di bawah projek-projek ini, usaha-usaha telah dan sedang giat dijalankan untuk mengurangkan kerosakan dan pembaziran hasil-hasil pertanian. Berbagai-bagai sistem dan peralatan baru telah dicipta dan diperkenalkan untuk menggantikan yang lama seperti penggunaan bekas-bekas plastik untuk menyimpan ikan-ikan di dalam sampan (returnable fish containers); menggunakan tangki-tangki khas untuk mengangkut susu segar; penggunaan sistem pengudaraan yang moden di dalam silo-silo menyimpan padi dan juga pembinaan billk-bilik sejuk yang moden untuk menyimpan sayuran dan lain-lain hasil tanaman. Pengenalan dan penggunaan ciptaan-ciptaan dan sistem baru ini telah dapat mengatasi masalah kerosakan hasil-hasil petani dan seterusnya meninggikan hasil kualitinya dan dengan itu pemasaran hasil-hasil pertanian di dapati lebih menguntungkan.

Selain dari itu, Jawatankuasa ini sedang melaksanakan projek Ternakair ASEAN-EEC. Di bawah projek ini, pihak EEC memberikan khidmat kepakaran, latihan dan peralatan kepada negara-negara ASEAN dalam memajukan usaha-usaha menternak ikan air tawar secara

moden. Selain dari itu terdapat beberapa projek lain yang sedang dalam peringkat perancangan yang akan dilaksanakan di masa-masa akan datang.

Sebagai kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa melalui program dan projek-projek yang sedang dilaksanakan, Jawatankuasa tersebut telah dapat meningkatkan hasil dan kualiti keluaran pertanian petani di negara-negara ASEAN. Peningkatan kepada kualiti hasil-hasil tersebut telah menaikkan harga di pasaran yang seterusnya meninggikan pendapatan petani-petani di ASEAN umumnya.

MAKTAB PERGURUAN—CALON

21. Tuan Ng Ah Pot minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar mengikut kaum yang telah dipilih masuk ke Maktab Perguruan tahun ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Jumlah bilangan calon yang telah ditawarkan untuk mengikuti kursus perguruan di Maktab-maktab Perguruan Malaysia (seperti pada 18 Februari, 1985) ialah seperti berikut:

Bumiputera	5,807 orang
BukanBumiputera ..	1,790 orang
Jumlah	7,597 orang

BAHASA TAMIL SEBAGAI BAHASA IBUNDA

22. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah kelas Bahasa Tamil yang diajar sebagai Bahasa Ibunda di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan dalam tahap I Tahap III KBSR 1985;
- (b) jenis latihan yang diberi kepada guru-guru mengajar Bahasa Ibunda di kelas KBSR ini; dan

- (c) langkah-langkah yang diambil untuk melatih lebih banyak lagi guru bagi pengajaran KBSR Bahasa Ibunda pada masa akan datang.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

- (a) Jumlah Kelas Bahasa Tamil yang diajar sebagai Bahasa Ibunda dalam Tahap I, Tahun III sehingga masa kini ialah sebanyak 258 kelas.
- (b) Guru-guru yang mengajar bahasa Tamil di-Ketas KBSR diberi kursus asas perguruan 3 tahun sepenuh masa, sama seperti yang diberikan kepada guru-guru lain yang mengajar mata pelajaran KBSR.
- (c) Kementerian Pelajaran telah merancang untuk melatih lebih ramai lagi guru bagi Bahasa Tamil di kelas KBSR. Dalam anjuran pengambil guru-guru jenis ini, seramai 860 orang akan diambil untuk dilatih dari tahun 1985 hingga 1990.

PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH

23. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa masa yang dikhaskan untuk mengajar agama di sekolah-sekolah adalah tidak mencukupi, hanya 150 minit sahaja dalam masa 5 hari; jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah masanya, sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam di negara kita.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Agama Islam di Sekolah Rendah dan Menengah adalah sesuai dan mencukupi bagi mengajar sukatan

pelajaran yang disediakan. Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk menambah peruntukan masa bagi mata pelajaran tersebut.

PELANCONG KE MALAYSIA

24. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pelancong yang datang ke Malaysia dan pendapatan daripadanya setiap tahun untuk masa lima tahun yang lepas dibandingkan dengan jumlah pelancong yang keluar dan jumlah wang yang dibawa keluar; dan
- (b) nyatakan langkah-langkah yang positif yang akan memastikan kejayaan industri pelancongan negara ini bila dibandingkan dengan lain-lain negara dalam Asean.

Dato Oo Gin Sun:

- (a) Untuk makluman "Ahli Yang Berhormat, angka-angka ketibaan pelancong dan pendapatan bagi daripadanya, bagi jangkamasa 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelawat</i>	<i>Pendapatan (Juta Ringgit)</i>
1980	2,250,070	713.1
1981	2,533,606	1000.9
1982	2,775,675	1131.5
1983	2,923,595	1329.3
1984	3,057,041	1511.8

(Anggaran)

Jumlah Warganegara Malaysia yang keluar dari Semenanjung

Malaysia bagi jangkamasa yang sama adalah seperti berikut:

Tahun.	Jumlah Pemergian	Melalui Jalan Raya Tambak Johor	Laut. Udara. Keratapi dan Melalui Pintu Keluar Jalan Raya ke Negeri Thai
	(A)=B+C	(B)	(C)
1980	7,860,141	6,121,785	1,738,356
1981	8,398,511	6,753,622	1,614,889
1982	8,831,710	6,247,373	2,584,337
1983	8,673,720	6,226,446	2,447,274
1984	8,830,07	6,901,107	1,928,969

Walau bagaimanapun, perangkaan mengenai jumlah wang yang dibawa keluar oleh rakyat Malaysia yang keluar adalah sukar untuk diperolehi. Namun begitu adalah dianggarkan bahawa sebanyak \$2,089.9 juta ringgit telah dibelanjakan oleh rakyat Malaysia untuk tujuan perjalanan dalam tahun 1983. 80% daripadanya adalah untuk tujuan-tujuan tertentu seperti pelajaran di luar negeri, menunaikan fardhu haji dan urusan perniagaan. Ini bermakna sebanyak \$417.98 juta ringgit dianggarkan telah dibelanjakan oleh mereka yang keluar bagi tujuan "pelancongan" (leisure travel) dalam tahun itu.

- (b) Berbagai langkah positif telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kejayaan industri pelancongan negara. Dari segi pemasaran, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah merancang antara lain langkah-langkah berikut:

meningkatkan tahap kesedaran mengenai Malaysia sebagai destinasi pelancongan di pasaran-pasaran yang telah dikenalpastikan melalui

kempen pengiklanan di media pengguna dan perdagangan di pasaran-pasaran tersebut dan juga melalui aktiviti-aktiviti perhubungan awam.

memperhebatkan kempen penggalakan di pasaran-pasaran tertentu melalui

penyertaan penggalakkan pelancongan antarabangsa, pesta makanan dan kebudayaan, penganjuran misi jualan ke pasaran-pasaran tertentu dan sebagainya.

mengekalkan perhubungan erat dan memberi galakan serta membantu peng-usaha-pengusaha pelancongan luar negeri yang mengendalikan lawatan ke Malaysia dalam memperbaiki, meninggikan mutu dan memperluaskan program lawatan ke Malaysia.

menambahkan penerbitan bahan penggalakan seperti risalah-risalah pelancongan dalam beberapa bahasa asing serta memperluaskan penyebaran mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia juga menganggotai Jawatankuasa-jawatankuasa seperti Majlis Pelancongan Singapura/Malaysia (Malaysia/Singapore Tourism Council) dan Jawatankuasa Kecil Pelancongan Asean (ASEAN SCOT) yang bertujuan mengendalikan aktiviti-aktiviti penggalakan bersama di antara negara-negara ASEAN. Selain dari itu Kerajaan sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada sektor swasta untuk memajukan industri pelancongan negara.

**KETENGAH—TANAMAN
JAMBU BATU/BETIK**

25. Puan Hajah Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar bahawa Badan Perundingan yang ditubuhkan oleh Kementerian yang dirasmikan pada tahun 1984 oleh Menteri Pelajaran kurang berkemampuan untuk mengkaji selidik projek Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) untuk Tanaman Jambu Batu dan Betik, sehingga KETENGAH terpaksa mengundang agensi perundingan dari luar negara (Amerika Syarikat) untuk menjalankan projek tersebut.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Badan Perundingan untuk mengkaji selidik projek Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) untuk tanaman jambu batu dan betik tidak pernah ditubuhkan di Kementerian saya. Oleh itu soal sama ada benar Badan Perundingan itu kurang berkemampuan adalah tidak timbul. Untuk makluman Yang Berhormat juga pihak KETENGAH tidak pernah mengundang agensi perunding dari Amerika Syarikat untuk menjalankan kajian ke atas projek tersebut.

**LEBUHRAYA TOL—
MENGADAKAN TEMPAT
REHAT**

26. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian akan membina tempat-tempat rehat di kawasan-kawasan tol di sepanjang lebuh raya dengan menyediakan beberapa kemudahan seperti surau dan kantin bagi kemudahan pengguna-pengguna lebuh raya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Kementerian saya memang ada rancangan untuk membina kawasan-kawasan rehat dan rawat di sepanjang lebuh raya tol utara-selatan. Kawasan-kawasan ini akan mempunyai restoran, gerai-gerai makanan, tempat letak kereta, surau, pondok polis, stesyen petrol, woksyp, telefon dan tandas awam.

INDUSTRI KECIL

27. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa industri kecil dan sederhana mempunyai peranan penting dalam pembangunan sektor perindustrian sekarang dan lebih-lebih lagi pada masa hadapan, tetapi pengabaian dan diskriminasi terhadap industri tersebut berterusan sama ada melalui sistem pelepasan cukai menurut nilai pelaburan modal, bilangan pekerja, kemudahan kredit dan infrastruktur; jika sedar nyatakan tangkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana seiring dengan industri berat dan besar supaya struktur sektor perindustrian lebih lengkap melengkapi antara satu dengan lain.

Tuan Oo Gin Sun: Galakan-galakan cukai adalah diberi kepada projek-projek berdasarkan beberapa kriteria seperti kedudukan industri/keluaran, lokasi, pelaburan, darjah integrasi, pekerjaan dan sebagainya. Projek-projek kecil dan sederhana biasanya mengilangkan keluaran-keluaran yang telah tertubuh. Oleh yang demikian pada umumnya mereka tidak layak mendapatkan galakan-galakan cukai. Walau demikian setengah projek-projek kecil dan sederhana adalah diberi pertimbangan untuk galakan-galakan cukai sekiranya layak diberi

dari segi sebahagian daripada faktor-faktor di atas terutama sekali jika dianjurkan oleh pihak Bumiputera dalam mana Kredit Cukai Pelaburan asas sebanyak 25% telah pun diberi.

Pihak Kerajaan yang memberi perhatian terhadap peranan penting projek-projek saiz kecil dan sederhana dalam pembangunan perindustrian negara telah memberi berbagai jenis bantuan kepada projek-projek tersebut. Di antaranya, yang jelas ialah penubuhan bahagian perusahaan Kecil di bawah Kementerian saya bagi membantu perniagaan-perniagaan kecil. Projek-projek kecil dan sederhana juga boleh memperolehi kemudahan-kemudahan pinjaman dengan kadar yang lebih rendah.

Sebagai usaha mengatakkan pertumbuhan industri kecil supaya ianya dapat berkembang seiring dengan industri besar dan berat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui kerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan dibidang kewangan, infrastruktur, teknikal dan teknologi, pengurusan dan latihan serta pasaran. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

(i) *Kemudahan Kewangan*

Satu skim istimewa untuk membangunkan perusahaan kecil telah dirangka melalui pembiayaan Kerajaan dan pinjaman daripada Bank Dunia. Jumlah yang telah diperuntukkan di bawah skim ini ialah sebanyak \$230 juta. Pinjaman-pinjaman istimewa untuk perusahaan-perusahaan kecil juga disediakan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan seperti Bank Pembangunan Malaysia Berhad, MIDF, MARA, Bank Pertanian Malaysia dan sebagainya. Sementara itu

melalui arahan Bank Negara, Bank-bank Perdagangan juga ada menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk perusahaan-perusahaan kecil.

- (ii) Pembangunan kawasan-kawasan perindustrian kecil yang lengkap juga sedang diatur untuk menampung keperluan pengusaha-pengusaha kecil mendapatkan ruang-ruang operasi dan perniagaan dengan harga yang berpatutan. Melalui rancangan yang sedang diatur adalah diharapkan kawasan-kawasan ini akan dapat dimajukan di setiap negeri. Perundingan-perundingan dengan Kerajaan Negeri telah pun dibuat untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai.

(iii) *Kemudahan-kemudahan teknikal dan teknologi*

Perusahaan kecil boleh juga mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan dibidang teknikal dan teknologi yang disediakan oleh agensi-agensi teknikal bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Agensi-agensi seperti MARDI, SIRIM, FRI, RRI, PORIM dan sebagainya sentiasa bersedia memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan. Sementara itu sebagai langkah untuk mendedahkan usahawan-usahawan kecil dibidang teknologi yang sesuai dan moden, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah pun menubuhkan Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil mendapatkan maklumat-maklumat yang berhubung dengan teknologi yang kemaskini. Melalui kemudahan Pusat Rujukan yang disediakan

maklumat-maklumat projek yang boleh diceburi dan berpotensi dayamaju juga disediakan.

(iv) *Kemudahan pengurusan dan latihan*

bantuan-bantuan di bidang pengurusan dan latihan ada disediakan oleh agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Pusat Pembangunan Usahawan (MEDEC) di ITM di samping latihan-latihan khusus yang disediakan oleh agensi-agensi teknikal untuk usahawan-usahawan kecil.

(v) *Kemudahan pasaran*

Kerajaan juga cuba membantu pengusaha-pengusaha kecil memasarkan keluaran-keluaran mereka melalui Skim Pembelian Kerajaan dan juga melalui saluran-saluran kemudahan yang disediakan oleh Pemas Edar Sdn Bhd.

Sementara itu sebagai usaha untuk menjalinkan hubungan lengkap-melengkapi di antara sektor industri kecil dan sektor industri besar seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat, Kementerian saya pada masa ini sedang berusaha untuk melaksanakan Skim Sub-contracting di mana perusahaan-perusahaan kecil akan bertindak membekalkan keperluan-keperluan komponen-komponen dan bahan-bahan kepada industri-industri besar. Skim ini bersesuaian dengan usaha untuk menggalakkan lagi perkembangan industri-industri sokongan di negara ini. Melalui konsep ini juga industri-industri besar akan dapat memainkan peranan untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil berkembang menjadi perusahaan-perusahaan yang berdaya maju dan cekap.

RANCANGAN HIBURAN—ADEGAN BERPELUK-PELUK

28. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa siaran TV Malaysia menayangkan rancangan hiburan seperti nyanyian, lakunan atau tarian yang dilerbitkan oleh RTM sendiri di mana penyanyi atau pelakon Islam masih kedapatan bergaul, berpegang tangan, kadang-kadang berpeluk-pelukan antara lelaki dan perempuan, bersesuaian dengan konsep penerapan, nilai-nilai Islam yang diamalkan sekarang.

Dato' Rais Yatim: Adegan berpeluk-peluk dalam masa menyampaikan nyanyian oleh peserta-peserta Islam tidak kedapatan lagi pada masa ini di Rancangan-rancangan Hiburan. Sebaliknya dalam lakunan, ianya bergantung kepada inti cerita sesuatu persembahan. Walau bagaimanapun, RTM sentiasa mengawasi dengan penuh tanggungjawab.

Untuk makluman, Kementerian saya sememangnya sentiasa berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam sebanyak yang boleh dalam rancangan-rancangan TV Malaysia sesuai dengan usaha-usaha tersebut sebagai salah satu daripada dasar-dasar negara.

PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

29. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) program penswastaan Jabatan Telekom; dan
- (b) sama ada penswastaan Jabatan Telekom akan diserahkan kepada satu syarikat sahaja untuk dimonopolikan atau pun dibahagi-bahagikan kepada beberapa syarikat untuk bersaing.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Program penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia (JTM) sebenarnya sudah lama dijalankan. Ini boleh dilihat dengan adanya beberapa bentuk perkhidmatan telekomunikasi seperti penjualan radas-radas telefon, PABX dan "radio paging" yang dikendalikan secara langsung oleh pihak swasta setelah ianya mendapat kelulusan "type approval" dari JTM. Pihak swasta juga telah diberikan "franchise" untuk mendirikan pondok-pondok telefon awam terutamanya di bandar-bandar besar.

Pengswastaaan pengendalian "public telecommunication network" pula sedang dikaji bagi membolehkannya dikendalikan oleh satu organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Besar kemungkinan pada peringkat awalnya, syarikat ini akan dimodali sepenuhnya oleh Kerajaan dan menjalankan operasinya secara monopoli.

SYARIKAT INSURANS BUMIPUTERA

30. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat insurans nyawa kepunyaan Bumiputera;
- (b) bilangan syarikat insurans am (general insurans) kepunyaan Bumiputera di negara ini.

Tuan Daim Zainuddin: Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) bilangan syarikat insurans yang mempunyai 51% atau lebih penyertaan ekuiti Bumiputera pada masa ini adalah seperti berikut:
 - (i) bagi syarikat Insurans nyawa 4 buah;

(ii) bagi syarikat insurans am 14 buah.

(b) senarai syarikat insurans berkenaan adalah seperti berikut:

Syarikat Insurans Nyawa Bumiputera

1. Malaysia Co-operative Insurance Society Ltd.
2. Talaco Insurance Sdn Bhd.
3. Universal Life and General Insurance Sdn Bhd.
4. Malaysia National Insurance Sdn Bhd.

Syarikat insurans am bumiputera

1. Amanah Insurance Sdn Bhd.
2. American Malaysia Insurance Sdn Bhd.
3. Malaysia dan Nippon Insurans Bhd.
4. Malaysia Co-operative Insurance Society Ltd.
5. Progressive Insurance Sdn Bhd.
6. Talasco Insurance Sdn Bhd.
7. Trader & Merchants Insurance Sdn Bhd.
8. United General Insurance Co Sdn Bhd.
9. Universal Life and General Insurance Sdn Bhd.
10. Malaysia National Reinsurance Bhd.
11. Malaysia National Insurance Berhad.
12. Capital Insurance Bhd.
13. Capital Insurance Bhd.
14. Mercantile Insurance Sdn Berhad.

LEBUHRAYA SEREMBAN- JOHOR BAHRU

31. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kerja Raya menyatakan bila lebuhraya Seremban-Johor Bahru akan siap dilaksanakan.

Dato' S. Samy Vellu: Lebuhraya Seremban-Johor Bahru adalah merupakan sebahagian daripada lebuhraya tol utara-selatan yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Keseluruhan projek lebuhraya tol utara-selatan itu dijadualkan siap pada tahun 1990.

Bagi lebuhraya tol Seremban-Johor Bahru, pelaksanaannya adalah di dalam berbagai peringkat. Bahagian Seremban ke Pagoh adalah sedang dalam pembinaan dan dijadualkan siap pada akhir tahun 1987. Manakala bagi bahagian Pagoh ke Johor Bahru pula urusan pengambilan tanah sedang dijalankan. Memandangkan keadaan kewangan negara sekarang ini, adalah sukar untuk menjangkakan bilakah bahagian ini akan siap dibina. Sungguhpun begitu adalah dirancang supaya bahagian ini siap dibina menjelang tahun 1990.

LEMBAGA PERANCANG KELUARGA

32. Tuan M. G. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan peranan yang akan dimainkan oleh Lembaga Perancang Keluarga selepas pengisytiharan 70 juta penduduk untuk Malaysia, dan apakah kemungkinan masalah-masalah seperti pengangguran, perumahan dan pendidikan yang sedang dialami sekarang dapat diatasi apabila matlamat 70 juta penduduk itu dicapai nanti.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Lembaga Perancang Keluarga Negara sekarang dipanggil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Pertukaran ini telah diluluskan oleh Parlimen pada sesi bulan Mac, 1984 memandangkan peranan Lembaga yang telah banyak berubah dan menjadi lebih meluas setelah pengisytiharan dasar ke arah pencapaian 70 juta penduduk. Peranan Lembaga kini terbahagi kepada tiga bidang yang besar iaitu kependudukan, reproduksi manusia dan pembangunan keluarga.

Di bawah bidang kependudukan Lembaga akan memajukan dan melaksanakan satu mekanisme penilaian dan penyelidikan supaya dinamik penduduk dapat diawasi dengan rapi. Keutamaan akan diberi kepada kajian ke atas dasar dan pertalian di antara penduduk dan pembangunan dan membuat anjuran penduduk untuk memperlihatkan implikasi perkembangan penduduk ke atas pembangunan sosio-ekonomi.

Peranan Lembaga di bawah bidang reproduksi manusia pula akan diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan reproduktif dan kesihatan keluarga dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan keluarga melalui rawatan dan rundingcara mengenai kesuburan, kemandulan, kebakaan, penzuriatan dan pengesanan barah kaum wanita. Di samping itu perkhidmatan perancang keluarga akan diteruskan supaya bilangan dan jarak kelahiran anak dapat dirancang dengan baik.

Dalam bidang pembangunan keluarga, satu program pembangunan keluarga yang menyeluruh akan dimajukan. Tujuan usaha ini ialah untuk memperkukuhkan institusi keluarga sebagai satu unit asasi masyarakat melalui penerapan nilai-nilai kekeluargaan yang sewajarnya. Dalam hal ini Lembaga akan memainkan peranan penting dalam

mendidik ibubapa dan bakal pasangan suami isteri dalam cara-cara kekeluargaan (parenting). Sesuai dengan ini klinik Lembaga akan ditukar menjadi Pusat Keluarga di mana salah satu daripada aktiviti-aktiviti ialah menjalankan kursus keibubapaan (parenting technique). Dalam bidang klinikal, khidmat khas dalam bidang perkembangan kanak-kanak dan "family counselling" akan juga dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Lembaga adalah selaras dengan strategi-strategi yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Ad-hoc Isu Kependudukan di dalam laporannya "Ke arah 70 Juta Penduduk" yang telah diterima oleh Kerajaan.

Berhubung dengan masalah-masalah seperti pengangguran, perumahan dan pendidikan pula, ingin dijelaskan bahawa matlamat penduduk 70 juta ini merupakan satu perancangan kependudukan jangka masa panjang iaitu bagi kira-kira 115 tahun dan ianya dirancang dalam konteks perindustrian yang moden, kemampuan ekonomi negara yang berkembang dan juga penyediaan peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi.

Dalam lain-lain perkataan, perancangan kependudukan adalah diberi perhatian yang wajar, selaras dengan keperluan-keperluan sosio-ekonomi.

Perlu ditegaskan bahawa perancangan tersebut memerlukan penduduk yang rajin dan berkemampuan tinggi, penyertaan dalam bidang-bidang yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi dan juga pergerakan penduduk yang teratur supaya kesannya ke atas pengangguran, perumahan dan pendidikan adalah minima dan terkawal dan tidak membebani masyarakat keseluruhannya.

"GAGAK HITAM"—KUMPULAN PELAJAR-PELAJAR

33. Tuan. Jaafar bin Harun minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar kumpulan "Gagak Hitam" telah ditubuhkan di Sekolah-sekolah oleh pelajar-pelajar, jika benar nyatakan:

- (a) jumlah pelajar yang terlibat dan nama sekolah-sekolah tempat pelajar ini menuntut;
- (b) tujuan kumpulan ini ditubuhkan dan aktiviti yang dijalankan; dan
- (c) langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghancurkan kumpulan ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada maklumat yang ada, Kementerian Pelajaran tidak dapat membuktikan wujudnya kumpulan yang dinamakan "Gagak Hitam" di sekolah-sekolah. Keadaan sebenarnya berlaku ialah terdapat sebilangan kecil pelajar yang membuat tanda didagu dengan menggunakan duit syilling panas, daun mempelas atau daun palas. Mereka melakukan demikian untuk meniru kawan-kawan dan kumpulan-kumpulan penyanyi barat.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mencegah perbuatan tersebut ialah dengan mengadakan perbincangan dengan ibubapa pelajar yang terlibat, mengadakan mesyuarat khas PIBG, mengadakan perhimpunan untuk memberi nasihat dan memberi amaran dan khidmat kaunseling.

GURU-GURU SISWAZAH

34. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula kategori guru-guru di sekolah menengah supaya menjadikan guru-guru memandangkan kebanyakan guru-guru siswazah yang tidak mendapat kepujian menghasilkan

keputusan peperiksaan yang lebih baik daripada guru-guru yang mendapatkan kepujian dan guru-guru yang tidak mendapatkan kepujian adalah guru-guru mempunyai bakat yang tertentu selain daripada ilmiah sahaja.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Skim Perkhidmatan Pegawai; Perkhidmatan Pelajaran sentiasa diteliti untuk diperbaiki. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang mengkaji cadangan mengadakan dua skim Perkhidmatan, iaitu Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang berijazah dan yang tidak berijazah. Sebuah Jawatankuasa Khas telah pun ditubuhkan untuk mengkaji dan membincangkan dari semua segi termasuk masalah Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang mempunyai ijazah kepujian dan yang tidak mendapat kepujian.

HICOM—JUALAN SAHAM KEPADA RAKYAT

35. Tuan D. P. Vijandran minta Perdana Menteri menyatakan sama ada HICOM akan menjualkan sahamnya kepada rakyat; dan jika ya, sama ada skim ini akan dijual kepada Amanah Saham Nasional sahaja atau kepada rakyat jelata amnya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Buat masa ini belum ada sebarang rancangan dibuat untuk menjual saham-saham HICOM kepada rakyat. Ini adalah kerana HICOM baru sahaja ditubuhkan yakni pada 27 November, 1980. HICOM yang ditubuhkan oleh Kerajaan diberi tugas untuk mengenalpasti, melaksanakan dan mengurus projek-projek di bidang industri berat. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, projek-projek industri berat ini memerlukan jumlah modal yang tinggi dan jangka masa yang lama sebelum ianya boleh memperolehi keuntungan. Oleh yang demikian adalah wajar bagi Kerajaan memastikan bahawa projek-projek yang dilaksanakan ini berjalan

dengan baik dan memperolehi keuntungan sebelum sebarang keputusan dibuat untuk menjualkan saham-saham pegangan HICOM kepada umum.

Oleh kerana belum ada rancangan dibuat terhadap penjualan saham-saham HICOM maka tidak dapat ditentukan buat masa ini sama ada cara penjualan ini dilakukan melalui Amanah Saham Nasional sahaja atau kepada rakyat jelata.

JURUTERA—TENAGA PENGAJAR DI UNIVERSITI

36. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(i) matlamat bilangan jurutera yang diperlukan oleh negara sehingga tahun 1990 atau selepasnya yang akan dikeluarkan oleh semua universiti tempatan yang terlibat serta mengambil kira kebuluteraan siswazah kejuruteraan dan luar negeri mengikut bidang masing-masing:

- (a) Jentera
- (b) Letrik/Letronik
- (c) Sivil/Struktur
- (d) Lain-lain.

(ii) untuk mencapai matlamat di atas sama ada negara mempunyai cukup tenaga pengajar pensyarah mememandangkan tidak terdapat insentif tertentu yang dapat menarik dan mengekalkan ahli-ahli iktisas menjadi pensyarah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut anjuran Kementerian Pelajaran yang dibuat berdasarkan kepada perkembangan ekonomi dan keperluan tenaga manusia bilangan jurutera yang akan dikeluarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi

tempatan sehingga tahun 1990 dianggarkan lebih daripada 13,000. Kementerian Pelajaran tidak mempunyai rekod bilangan pelajar-pelajar kejuruteraan yang pulang dari luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pengajar di bidang kejuruteraan. Di antara insentif-insentif yang diberi kepada tenaga pengajar ini ialah dengan menghantar mereka ke luar negeri untuk membuat ijazah lanjutan. Apabila kembali, mereka dikehendaki bekhidmat dengan Universiti-universiti yang membiayai pengajian mereka di luar negeri.

Masalah kekurangan tenaga pengajar juga cuba diatasi dengan mengambil pensyarah-pensyarah kontrak dari luar negeri.

RUMAH KOS RENDAH

37. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan rumah kos rendah adalah bagi golongan yang berpendapatan rendah, mengapa Kerajaan tidak menghadkan bank-bank supaya mengutip 4% faedah untuk pinjamannya seperti perumahan kerajaan.

Tuan Daim Zainuddin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kadar faedah tertinggi yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan adalah sebanyak 10% setahun bagi pinjaman-pinjaman perumahan yang baru di mana harga rumah dan tanahnya adalah kurang dari \$60,000 sebuah. Kadar faedah ini adalah lebih rendah dari kadar pasaran yang biasa dikenakan untuk pinjaman-pinjaman perumahan. Oleh yang demikian, sudah terdapat unsubsidi di dalam kadar faedah tersebut.

Kadar faedah sebanyak 4% yang dikenakan ke atas pinjaman perumahan bagi kakitangan Kerajaan adalah dibiayai oleh Kerajaan sebagai sebahagian dari syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangannya. Kadar faedah ini tidaklah seharusnya dibandingkan dengan pinjaman-pinjaman perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan kerana institusi-institusi ini menjalankan operasinya dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berpatutan untuk terus berniaga.

PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN—KEMASUKAN

38. Puan Sri Janski Athi Nahappan minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut, mengikut kaum yang telah diberi tempat di keenam-enam universiti di negara ini dalam tahun 1985.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kemasukan pelajar ke universiti-universiti tempatan bagi tahun 1985 sedang berjalan sekarang. Oleh yang demikian bilangan penuntut yang telah diberikan tempat di keenam-enam buah universiti tidak dapat dinyatakan.

PETANI/NELAYAN— MENAIKKAN TARAF HIDUP

39. Datuk Abang Hj Ahmad Urai minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian ada rancangan untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum-kaum petani dan nelayan di negara ini seperti yang terdapat di negara lain seperti Jepun, Taiwan dan Korea yang menggunakan teknologi baru untuk menjamin pendapatan yang lebih dan kehidupan yang lebih tinggi selaras dengan dasar dan tujuan Kerajaan kita.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kementerian Pertanian memang

sentiasa berusaha mempertingkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup para petani dan nelayan bukan sahaja melalui penggunaan teknologi baru tetapi juga menerusi pengembelian modal, amalan pertanian secara komersial serta bantuan perkhidmatan sokongan seperti penyelidikan, pengembangan dan pemasaran. Program-program pembangunan pertanian yang telah dirangka mengikut Dasar Pertanian Negara seperti perlaksanaan usaha pertanian secara berkelompok, kemudahan kredit untuk nelayan memiliki bot besar meneroka lautan dalam, perusahaan ternahair serta pelaksanaan projek-projek pembangunan pertanian bersepadu (IADP) merupakan beberapa contoh usaha-usaha Kementerian membaiki kehidupan para petani dan nelayan.

PROTON SAGA BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

40. Tuan Mg. Pandithan minta Perdana Menteri menyatakan apakah penyertaan teknologi Jepun dalam kereta buatan Malaysia, dan apakah benar bahawa kakitangan Kerajaan yang mengambil pinjaman kenderaan itu akan diwajibkan membeli PROTON SAGA, dan adakah kemungkinan kereta ini menjadi kereta resmi disegala jabatan Kerajaan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Keseluruhan teknologi dalam mengeluarkan kereta Malaysia adalah berasaskan teknologi Jepun, antara lain termasuk perancangan tenaga manusia, kelengkapan dan peralatan kilang, penyelidikan dan pembangunan serta kaedah pengeluaran kereta.

Kerajaan belum lagi mempunyai dasar untuk mewajibkan kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman untuk membeli kenderaan membeli kereta PROTON SAGA. Buat masa

ini Kerajaan belum lagi bercadang hendak menjadikan kereta ini sebagai kereta resmi jabatan Kerajaan.

PENUNTUT MELAYU MALAYSIA DI SINGAPURA

41. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan penuntut Melayu Malaysia yang menuntut di Singapura dan sama ada kurikulum mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah di sana diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran kita; jika tidak sama ada Kementerian akan menarik balik kebenaran yang telah diberikan kepada mereka yang menuntut di sana dan menempatkan mereka di sekolah-sekolah di Malaysia.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada maklumat berkenaan dengan bilangan penuntut-penuntut Melayu Malaysia yang menuntut di Singapura dan juga kurikulum mata-mata pelajaran di sekolah-sekolah di Singapura.

FILEM MALAYSIA- INDONESIA—PERTUKARAN

42. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah hubungan dua hala dan pertukaran kebudayaan antara Kerajaan Malaysia dengan Indonesia dan nyatakan:

- (a) jumlah filem-filem yang di bawa masuk dari Indonesia ke Malaysia; dan
- (b) jumlah filem-filem Malaysia yang dibawa masuk ke Indonesia.

Tuan Oo Gin Sun: Mengenai perkara sejauh mana hubungan dua hala dan pertukaran kebudayaan di antara Kerajaan Malaysia dengan Indonesia, Kementerian saya tiadalah berkenaan.

Walau bagaimanapun mengenai jumlah filem Indonesia yang dibawa masuk ke Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	1981	1982	1983	1984
Jodol	87	88	71	46

Dalam tempoh yang sama, tiada filem-filem Malaysia yang telah dibawa masuk ke Indonesia, melainkan 5 jodol di bawah skim pertukaran filem di antara kedua-dua negara. Di bawah skim yang sama sebanyak 3 jodol filem Indonesia telah dibawa masuk ke Malaysia.

PIRING TERBANG (UFO) LAPORAN AKHBAR

43. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar apa yang dilaporkan baru-baru ini bahawa Piring Terbang atau Unidentidied Flying Object (UFO) kelihatan dekat Sungai Telomong, Hulu Terengganu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Pihak Kementerian saya tidak menerima apa-apa laporan rasmi berkenaan dengan Piring Terbang atau Unidentified Flying Object (UFO) kecuali diketahui melalui laporan akhbar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita tidak mempunyai sebuah institusi berkenaan teknologi angkasa lepas untuk mengesan sama ada wujudnya perkara-perkara seumpama ini. Walau apa pun, tiada laporan dari mana-mana negara bahawa UFO melakukan apa-apa kejadian buruk kepada manusia.

MINYAK KELAPA SAWIT— PENGELUARAN

44. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan rancangan serta program yang dirancang oleh pihak

Kementerian untuk menambah pengeluaran minyak kelapa sawit.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Sukacita saya memaklumkan bahawa dalam tempoh yang singkat Malaysia telah mencapai taraf pengeluar dan pengeksporth minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia. Pada tahun 1984, pengeluaran minyak kelapa sawit negara melebihi paras 3.7 juta tonne atau mencatatkan peningkatan sebanyak 23% dari tahun 1983. Adalah dijangkakan bahawa pengeluaran minyak kelapa sawit negara akan mencapai paras 6.5 juta tonne pada tahun 1990.

Di bawah Dasar Pertanian Negara Kerajaan telah pun menetapkan kira-kira 60,000 hektar setahun tanah baru untuk tanaman kelapa sawit. Peranan ini akan dikelolakan oleh beberapa agensi Kerajaan dan pihak swasta. Di samping peningkatan keluasan, Kementerian saya melalui PORIM telah berusaha meningkatkan pengeluaran menerusi peningkatan produktiviti dengan menggunakan teknologi baru seperti pembaik-biak bioteknologi, memperluaskan kawasan tanaman kelapa sawit di tanah gambut, kejenteraan ladang dan amalan agronomi.

Pada masa ini pihak PORIM sedang mengumpul kelon-kelon bermutu tinggi melalui teknik Kultura Tisu yang menghasilkan baka tanaman yang bermutu tinggi. Kejayaan penghasilan baka tersebut akan meningkatkan sehingga maksima 30% keluaran minyak kelapa sawit berbanding dengan baka anak benih. Sementara itu kaedah menanam kelapa sawit di tanah gambut secara saintifik telah berjaya ditemui bagi tanah gambut sedalam 3 meter. Kajian selanjutnya sedang dijalankan untuk menghasilkan teknik yang sama di tanah gambut yang lebih dalam. Bagi kejenteraan ladang pula pihak PORIM telah mencipta jentera-jentera untuk memetik, mengumpul dan mengangkut buah di

ladang serta mencipta pisau pemotong buah dan galah yang inovatif dan sesuai dikendalikan di kawasan ladang kepala sawit tempatan. Penggunaan kejenteraan ini nanti bukan sahaja dapat mengatasi masalah-masalah kekurangan buruh di ladang-ladang kelapa sawit tetapi juga membantu mempertingkatkan pengeluaran kelapa sawit. Di dalam bidang agronomi, teknik-teknik penyenggaraan tadang yang teratur dan saintifik yang dihasilkan dari penyelidikan PORIM disalurkan kepada sektor pengeluar dengan jayanya untuk membantu peningkatan produktiviti industri kelapa sawit negara.

SYARIKAT INSURANS DI MALAYSIA

45. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kewangan:

- (a) bilangan syarikat insurans di Malaysia;
- (b) bilangan syarikat insurans tempatan; dan
- (c) bilangan syarikat insurans luar negeri yang masih belum diubah bentuk.

Tuan Daim Zainuddin: Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) bilangan syarikat insurans yang didaftarkan untuk menjalankan perniagaan pada masa ini berjumlah 63 buah;
- (b) bilangan syarikat insurans tempatan ialah 51 buah;
- (c) setakat ini 12 cawangan asing masih belum disusun semula.

Senarai syarikat-syarikat insurans serta lain-lain makluman yang berkenaan boleh didapati dalam Laporan Ketua Pengarah Insurans yang ke 22 yang

telah dibentangkan di Dewan Negara pada 16hb April, 1985.

MAS—TAMBANG KE JEDDAH

46. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tambang bagi penerbangan MAS Kuala Lumpur/London/Kuala Lumpur adalah lebih murah dari tambang Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur jika sedar, nyatakan sebab-sebabnya dan sama ada beliau akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya lebih ramai rakyat Malaysia yang beragama Islam digalakkan untuk pergi menunaikan fardhu Haji dan Umrah.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tambang-tambang di antara destinasi-destinasi antarabangsa adalah satu perkra yang ditentukan oleh Pertubuhan Pengangkutan Syarikat Penerbangan Antarabangsa (IATA) dan juga dengan perundingan di antara syarikat-syarikat penerbangan kebangsaan yang menjalankan perkhidmatan dalam sektor-sektor berkenaan. Tambang ini adalah merupakan tambang rasmi atau "published fares". Dalam hal ini, tambang rasmi bagi sektor Kuala Lumpur ke London dan sebaliknya adalah lebih tinggi dari tambang rasmi bagi sektor Kuala Lumpur ke Jeddah dan sebaliknya.

Walau bagaimanapun, adalah memang menjadi satu kebiasaan bagi syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa untuk menawarkan tambang-tambang istimewa atau diskaun, yang lebih rendah dari tambang rasmi, sebagai satu langkah untuk menarik lebih lagi penumpang-penumpang dan juga untuk menggalakkan lebih ramai orang membual perjalanan bagi tujuan-tujuan tertentu seperti pelancongan, perniagaan, mengerjakan fardhu Haji

dan Umrah dan sebagainya. Dalam hal ini, MAS juga adalah menawarkan berbagai tambang istimewa dan diskaun untuk membolehkan orang ramai membuat perjalanan di antara Malaysia dan destinasi-destinasi antarabangsa termasuk ke London dan Jeddah.

Sebagai Yang Berhormat mungkin maklum, kebanyakan dari penumpang-penumpang yang membuat perjalanan di antara Kuala Lumpur dan Jeddah adalah terdiri daripada jemaah-jemaah yang mengerjakan fardhu Haji dan Umrah. Dalam hal ini, untuk menggalakkan lebih ramai jemaah pergi menunaikan fardhu Haji dan Umrah, MAS telah pun menawarkan tambang-tambang diskaun bagi sektor Kuala Lumpur ke Jeddah dan sebaliknya untuk digunakan oleh para jemaah tersebut. MAS juga sedang mengadakan rundingan dengan syarikat penerbangan kebangsaan Arab Saudi untuk mengkaji kemungkinan menurunkan lagi tambang dari Kuala Lumpur ke Jeddah dan sebaliknya sebagai satu langkah menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang beragama Islam untuk pergi menunaikan fardhu Haji dan Umrah.

PEKMOHONAN KEWARGANEGARAAN

47. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes kewarganegaraan yang diminta dalam tahun 1984 mengikut pecahan kelas dan sama ada angka-angka ini melebihi jika dibandingkan pada tahun sudah dan sama ada kes-kes Borang C itu diberi jawapan sebelum pemohon mencapai umur 21 tahun supaya mereka tidak patut ditolak di dalam kes Borang "G" akibat kelambatan memberi jawapan.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima dalam tahun

1984 mengikut pecahan perkara adalah seperti berikut:

<i>- Perkara</i>	<i>Jumlah</i>
1. Seksyen 1(c)	291
2. Seksyen 15(1)	1,541
3. Seksyen 15(2)	165
4. Seksyen 15(3)	-
5. Seksyen 15(a)	30
6. Seksyen 16 ..	176
7. Seksyen 19(1)	283
8. Seksyen 19(2)	8
JUMLAH	2,494

Mumlah ini adalah kurang daripada jumlah yang diterima pada tahun sudah. Seperti perangkaan yang terdapat tidak ada permohonan yang menggunakan borang "C" diterima dalam tahun 1984.

KAMPUCHEA—PERSIDANGAN ANTARABANGSA

48. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang diambil oleh negara Malaysia dan ASEAN untuk mengadakan Persidangan Antarabangsa mengenai masalah Kampuchea;
- (b) pendirian-pendirian Vietnam, Kampuchea dan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea terhadap persidangan antarabangsa ini; dan
- (c) sama ada Menteri Luar Australia Encik Bill Hayden berjaya mengatur persidangan ini; jika tidak mengapa.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Alhaj): Sepertimana yang kita sedia maklum, ASEAN telah berjaya dalam usahanya untuk mengadakan satu Persidangan Antarabangsa mengenai masalah Kampuchea di bawah anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

pada bulan Julai, 1981 di New York. Persidangan tersebut telah pun mengeluarkan satu Deklarasi yang mengandungi prinsip-prinsip bagi menyelesaikan masalah Kampuchea secara politik yang menyeluruh. Malangnya persidangan itu teiah tidak dihadiri dan tidak disokong oleh Vietnam dan sekutu-sekutunya.

Baru-baru ini, Putera Sihanouk ketika melawat Australia telah mengemukakan satu cadangan untuk mengadakan satu Persidangan Antarabangsa mengenai masalah Kampuchea. Beliau telah mencadangkan bahawa Persidangan itu diadakan tanpa dikenakan apa-apa syarat oleh mana-mana pihak dan dihadiri oleh semua puak-puak Kampuchea, negara-negara anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, negara-negara Indochina, negara-negara ASEAN, Australia, New Zealand, India dan Jepun. Beliau juga telah mencadangkan Canberra sebagai tempat Persidangan tersebut.

Malaysia menyokong apa-apa saja cadangan yang akan membawa kepada penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Mengenai cadangan Putera Sihanouk itu, untuk menjayakan Persidangan tersebut, ianya hendaklah dipersetujui oleh semua pihak-pihak yang terlibat.

Namun demikian, oleh kerana cadangan itu masih merupakan idea Putera Sihanouk sahaja dan belum menjadi satu cadangan yang konkrit lagi, pihak-pihak yang terlibat seperti Yietnam dan Australia belum lagi memberi pandangan-pandangan mereka mengenai cadangan Putera Sihanouk tersebut.

KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

49. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) jumlah Kedutaan Malaysia di luar negeri;

(b) bilangan bangunan yang dibeli oleh Kerajaan Malaysia untuk Kedutaan dan luas tanah yang dimiliki;

(c) jumlah Bangunan dan Tanah yang dimiliki oleh Kedutaan Luar Negeri di Malaysia dan harganya; dan

(d) jumlah negara yang mempunyai hubungan Dagangan dengan Malaysia dan jumlah Impot dan Export barangan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen

AI-Haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Kedutaan Malaysia di Luar Negeri adalah 56. Ini termasuk 6 Konsulat dan 2 Perwakilan Tetap ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York dan Geneva. Bilangan bangunan yang dibeli oleh Kerajaan berjumlah 76. Ini termasuk bangunan canseri, tempat kediaman Ketua Perwakilan dan beberapa tempat tinggal pegawai kanan. Luas tanah yang dimiliki oleh Kerajaan berjumlah 340,982.94 meter persegi.

Bagi menjawab soalan (c), terdapat 50 Perwakilan-perwakilan Asing yang bertempat di Kuala Lumpur, Daripada 50 Perwakilan-perwakilan Asing tersebut sebanyak 23 Perwakilan Asing adalah diketahui memiliki bangunan dan tanah. Perwakilan-perwakilan Asing yang lainnya tidak memiliki bangunan dan tanah sendiri dan bangunan-bangunan yang diduduki mereka adalah disewa daripada pihak lain.

Kementerian Luar Negeri telah pun meminta semua Perwakilan-Perwakilan Asing mengemukakan butir-butir mengenai semua harta-harta yang dimiliki mereka bagi mengemaskinikan rekod-rekod di Kementerian. Setakat ini, cuma 12 buah Perwakilan-perwakilan Asing sahaja yang telah mengemukakan butir-butir tersebut dan nilai harga bagi bangunan-bangunan dan tanah-tanah yang dimiliki oleh ke 12

Perwakilan-Perwakilan Asing ini berjumlah M\$25,086,824 semuanya. Buat masa ini, Kementerian masih lagi menunggu butir-butir yang dikehendaki daripada II buah Perwakilan-perwakilan Asing yang masih belum berbuat demikian.

Bagi menjawab soalan (d), Malaysia mempunyai hubungan dagangan dengan kesemua negara kecuali Israel dan Afrika Selatan. Ini adalah selaras dengan dasar negara yang liberal dan terbuka dalam perhubungan perdagangan antarabangsa dengan semua negara yang terbaik dengannya, tanpa mengira sistem ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara-negara berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, Malaysia telah menandatangani Perjanjian-Perjanjian Perdagangan dengan dua puluh buah negara. Bagaimanapun ketiadaan Perjanjian sedemikian dengan lain-lain rakan dagangannya tidak sama sekali menjejaskan perhubungan dagangannya dengan rakan-rakan dagangan ini.

Menyentuh mengenai jumlah import dan eksport barangan Malaysia pula, dari perangkaan awal, adalah dianggarkan bahawa dalam tahun 1984 kita telah mengimport barang-barang bernilai \$32,999.3 juta dan mengeksport barang-barang bernilai \$38,667.5 juta. Hasil dari itu kita telah memperolehi lebih dagangan sebanyak \$5,688.2 juta dalam tahun 1984.

SISTEM PENDAFTARAN SATU NOMBOR SEORANG

50. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meminda sistem pendaftaran di negara ini supaya nombor-nombor kad pengenalan, pasport antarabangsa, lesen pemandu, surat daftar kelahiran dan lain-lain

dokumen penting diserupakan dan setiap nombor itu dikhasikan kepada seorang warganegara seperti yang dilaksanakan oleh setengah-setengah negara yang akan memudahkan semua pihak.

Dato Musa Hitam: Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk mengadakan sistem satu-nombor-seorang bagi gunaan dalam semua dokumen penting peribadi seseorang warganegara atau penduduk negeri ini.

PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG

51. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram di Pulau Bidong di masa ini dan bila ke semua mereka ini akan dihantar ke negara ketiga.

Dato Musa Hitam: Pada 15hb April 1985, seramai 7,914 orang pendatang haram Vietnam berada di Malaysia. Seramai 2,713 orang pendatang haram Vietnam berada di Pulau Bidong dan 2,714 orang ditempatkan di kem sementara Sg. Besi, Kuala Lumpur.

Pendatang haram Vietnam yang berada di kem sementara Sg. Besi menunggu masa untuk ditempatkan di negara ketiga. Mereka yang berada di Pulau Bidong kini sedang dipilih oleh pihak negara ketiga sebelum ditempatkan semula di negara-negara berkenaan.

BUDAK JAGA KERETA

52. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa budak-budak yang menjaga kereta, khasnya di sebelah malam, adalah terlibat dengan penagihan dadah, yang akan menjadi lebih tidak terkawal sekiranya tindakan segera tidak diambil jika ya, nyatakan akan diambil supaya tidak didapati lagi

budak-budak menjaga dan mencuci kereta tanpa mendapat kebenaran dan lesen daripada yang berkenaan.

Dato Musa Hitam: Pihak penguatkuasaan sentiasa mengawasi kegiatan penagihan dadah di kalangan masyarakat dari semua golongan pekerjaan, termasuk mereka yang menjaga kereta. Bagi bulan Januari hingga Mac, 1985, sebanyak 50 serbuan telah dibuat di sekitar kawasan-kawasan penagih dadah di Kuala Lumpur termasuk 12 serbuan di tempat-tempat menjaga kereta. Dalam serbuan ke tempat-tempat menjaga kereta tersebut seramai 18 orang telah dapat ditangkap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tindakan memberkas mereka yang terlibat dengan penagihan dadah sentiasa diambil oleh pihak penguatkuasa.

LAPANGAN TERBANG BARU SIBU

53. Tuan Kenneth Kanyan minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila pembinaan lapangan terbang baru di Sibu akan bermula kerana lapangan terbang yang ada sekarang adalah terlalu kecil dan tidak berupaya menampung bilangan penumpang yang semakin bertambah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kementerian saya sedar bahawa Lapangan Terbang Sibu yang sedia ada adalah terlalu kecil dan hanya berupaya menampung operasi pesawat kecil sahaja. Oleh kerana masalah keadaan fizikal yang terhad lapangan terbang ini tidak dapat diperbesarkan bagi menampung operasi pesawat yang lebih besar. Oleh hal yang demikian Kementerian saya telah mengambil tindakan supaya sebuah lapangan terbang baru diadakan.

Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini kerja-kerja penyediaan Rekabentuk Kejuruteraan Terperinci bagi Lapangan Terbang Baru Sibu

sedang dijalankan dan akan siap pada penghujung tahun 1985. Lapangan terbang ini akan dibina di sebuah tapak baru yang membolehkan operasi pesawat jet. Kementerian saya telah mengambil tindakan supaya peruntukan kewangan peringkat pelaksanaannya diberi dan dapat dimulakan pada awal tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

54. Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan sama ada lawatan rasmi Yang Amat Berhormat yang dirancangan ke Negeri China itu akan merupakan lawatan bercorak "ekonomi" atau "Politik" atau kedua-duanya sekali.

Perdana Menteri: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Sen. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan pada 15-4-85. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

PELANCONG KE MALAYSIA— GALAKAN

55. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan strategi Kementerian beliau untuk menjamin kedatangan pelancong dengan ramai ke negara ini.

Tuan Oo Gin Sun: Strategi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia untuk menarik lebih ramai lagi kedatangan para pelancong ke negara ini merangkumi dua aspek seperti berikut:

- (i) *Penggalakan Pasaran*—Perbadanan Kemajuan Pelancongan mempunyai strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang sebagai langkah untuk menggalakkan lebih

ramai lagi pelancong-pelancong melawat ke negara ini. Strategi jangka pendek memberi keutamaan kepada penggalakan pelancong-pelancong dari pasaran serantau (regional) iaitu negara-negara ASEAN dan pasaran jarak pertengahan (medium-haul) yang meliputi negara-negara Hong Kong, Jepun, Australia dan Taiwan serta menggalakkan para pelancong dari pasaran-pasaran tersebut supaya memanjangkan tempoh lawatan mereka ke negara ini.

Bagi pasaran jarak jauh (long-haul) khususnya United Kingdom, Jerman Barat, Eropah Barat dan Amerika Utara, Perbadanan akan menitikberatkan kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi tahap kesedaran (level of awareness) mengenai negara kita di kalangan rakyat-rakyat negara tersebut dengan tujuan mendorong mereka melancong ke Malaysia.

Strategi jangka panjang ditumpukan kepada pasaran-pasaran serantau, jarak pertengahan dan jarak jauh dengan penekanan khusus di pasaran United Kingdom dan Jerman Barat. Usaha-usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran di pasaran-pasaran Eropah dan Amerika Utara akan diperhebatkan

- (ii) *Pembangunan*— Dari segi pembangunan, Kerajaan akan terus berusaha menggalakkan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan pelancongan di negara ini seperti pusat-pusat rekreasi dan peranginan, kompleks-komplek membeli-belah pengangkutan awam yang lebih selesa dan tempat-tempat penginapan yang

memuaskan. Program-program lawatan yang lebih menarik juga telah disediakan untuk dinikmati oleh para pelancong ke negara ini.

SURAT PERJANJIAN DALAM BAHASA MALAYSIA

56. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan bila masanya:

- (a) bagi Kerajaan — untuk mewajibkan semua urusan surat menyurat dan surat-surat perjanjian menggunakan Bahasa Malaysia; dan
- (b) Firma Guaman boleh diperintahkan untuk menggunakan Bahasa Malaysia di dalam semua urusan termasuk surat menyurat dengan pelanggan-pelanggannya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Mengenai perkara (a) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, semua urusan surat menyurat antara Jabatan-jabatan Kerajaan dengan pihak swasta, dan di antara Kerajaan dengan orang ramai sudah lama dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia. Ada juga tedapat pihak-pihak swasta atau orang ramai yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia apabila menulis kepada Jabatan Kerajaan. Tetapi Jabatan-jabatan Kerajaan telah diarahkan supaya menjawab surat-surat mereka itu dengan menggunakan Bahasa Malaysia.

Kerajaan juga sedar adanya beberapa jenis surat perjanjian yang masih dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun kebanyakan surat perjanjian yang dalam Bahasa Inggeris itu adalah dibenarkan untuk digunakan menurut peraturan atau undang-undang tertentu, terutamanya surat-surat perjanjian antara Kerajaan dengan Kerajaan-kerajaan asing dan

antara Kerajaan dengan pihak-pihak swasta antarabangsa.

Mengenai perkara yang dibangkitkan di (b) pula, penggunaan Bahasa peraturan atau undang-undang yang mewajibkan atau memaksa pihak swasta menggunakan *Bahasa Malaysia sahaja* apabila berurusan dengan orang ramai. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa menyeru dan menggalakkan pihak swasta supaya lebih banyak menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan surat menyurat dan surat perjanjian mereka dengan orang ramai terutama sekali untuk orang ramai yang tidak memahami bahasa-bahasa lain selain Bahasa Malaysia.

Mengenai perkara yang dibangkitkan di (b) pula, penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua urusan di sektor kehakiman dan kepeguaman, termasuk urusan surat-menyurat dengan pelanggan-pelanggan, adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam perbicaraan di mahkamah sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 serta peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan kehakiman dari masa ke semasa. Dalam hubungan ini semua surat-menyurat rasmi antara firma-firma guaman dengan mahkamah-mahkamah adalah menggunakan Bahasa Malaysia.

RAKYAT MALAYSIA KE SINGAPURA—KESAN

57. **Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada dapat dikesan tentang rakyat Malaysia yang sentiasa keluar masuk ke Singapura dan sama ada dapat dipastikan yang mereka tidak mempunyai dua kerakyatan iaitu Malaysia dan Singapura.

Dato Musa Hitam: Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengesan rakyat Malaysia yang memiliki dua kerakyatan di antara mereka yang sentiasa keluar masuk Malaysia ke Singapura. Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri mengalukan maklumat dari orang ramai mengenai rakyat Malaysia yang memiliki taraf kerakyatan negara lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut Perkara 24 Perlembagaan Malaysia, Kerajaan boleh melucutkan taraf kerakyatan seseorang warganegara Malaysia yang mendapat taraf kerakyatan negara lain.

PERTUKARAN MILIK LADANG— PENAMATAN PEKERJA

58. **Dato' S. Govindaraj** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan kesukaran yang dialami oleh pekerja-pekerja ladang yang telah dibuang kerja oleh kerana pertukaran pemilik ladang-ladang yang sering berlaku sekarang dan sekiranya sedar, nyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk melindungi kebajikan pekerja-pekerja ladang yang terlibat dan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengadakan undang-undang sewajarnya untuk melindungi pekerja-pekerja yang terlibat dengan pertukaran hakmilik ladang-ladang.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Mak Hon Kam): Pertukaran milik ladang-ladang tidak sering mengakibatkan pekerja-pekerja ditamatkan kerja sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pekerja-pekerja yang ditamatkan kerja akibat daripada pertukaran milikan sesuatu perniagaan adalah diberi perlindungan di bawah Peraturan-peraturan Kerja

(Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara), 1980. Di bawah undang-undang ini, pekerja-pekerja yang hilang kerja mereka berhak menerima faedah-faedah penamatan yang berasas kepada bilangan tahun seorang itu telah bekerja dengan majikan tersebut.

KEMPEN ANTI DADAH— PELANCARAN

59. Puan Rokiah Zainuddin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan dadah sudah diisytiharkan musuh utama negara kita, sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu ahli jawatankuasa Penyelaras anti-dadah di peringkat Kebangsaan yang mana akan dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan, PEMADAM dan badan-badan sukarela seperti belia, Wanita dan Biro Dadah UMNO Malaysia bagi mengujudkan kerjasama antara Kerajaan dan rakyat untuk memerangi masalah ini.

Dato Musa Hitam: Berikutan dari pelancaran Kempen Anti Dadah Kebangsaan pada bulan Februari, 1983, Kerajaan telah mengisytiharkan Dadah sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara. Dengan demikian Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Anti Dadah Kebangsaan, di bawah Majlis Keselamatan Negara, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengganti Jawatankuasa Kabinet. Jawatankuasa ini dianggotai oleh enam Menteri-menteri lain. Di antara bidang tugas jawatankuasa ini ialah:

- (a) Menggubal dan menentukan pelaksanaan dasar-dasar berhubung dengan semua aspek pengawalan dan pencegahan dadah; dan
- (b) Menggerak menyelaras dan mengawasi semua aktiviti agensi-agensi Kerajaan dan

bukan Kerajaan yang terlibat dengan tindakan anti dadah.

KAD PENGENALAN MERAH—PENGELUARAN

60. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kad pengenalan merah yang telah dikeluarkan setiap tahun dari tahun 1982 hingga tahun 1984.

Dato Musa Hitam: Jumlah kad pengenalan merah yang dikeluarkan dari-tahun 1982 hingga 1984 ialah seperti berikut:

(a) Tahun 1982	10111
(b) Tahun 1983	20689
(c) Tahun 1984	27697

MENGHIDU GAM BAGI MURID SEKOLAH

61. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar tentang bahaya "Menghidu Gam" (Glue Sniffing) yang merebak di kalangan belia di negara ini; jika ya, nyatakan jumlah rakyat yang terlibat; dan
- (b) tindakan yang diambil untuk mencegah perbuatan ini, dan sama ada Kerajaan akan menimbang kawalan pengeluaran barang-barang gam dengan memperketatkan undang-undang yang berkenaan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) Kerajaan memangsedar tentang terdapatnya beberapa kes penghiduan gam terutamanya di kalangan murid-murid sekolah. Mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun 1983, masalah ini cuma melibatkan seramai 68 orang sahaja, dan bagi tahun 1984 seramai 50 orang sahaja.

- (b) Untuk mencegah kegiatan ini, Jawatankuasa Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, telah mengarahkan sekolah-sekolah di mana terdapat murid-murid terlibat supaya mengambil tindakan bersama-sama Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri masing-masing untuk mengawal dan mencegah keadaan supaya tidak merebak.
- (c) Kerajaan setakat ini belum menimbangkan sebarang sistem kawalan ke atas pengeluaran barang-barang tersebut. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa bahan-bahan pelarut tersebut sangat diperlukan dalam kehidupan sehari-hari. Adalah tidak menasabah jika sekiranya penggunaan bahan-bahan itu diharamkan sama sekali, kerana ianya digunakan secara meluas dan sangat mudah diperolehi di pasaran dalam berbagai bentuk dan jenis. Adalah juga tidak praktik dan tidak berkesan untuk mendaftarkan semua penjualan dan import gam dan bahan pelarut di negeri ini untuk tujuan mencegah penyalahgunaan.

PERANAN PEMADAM

62. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji peranan Peadam dan sama ada ia akan diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Dato Musa Hitam: PEMADAM adalah sebuah Peraturan Sukarela. Ianya adalah sebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang ditubuh khusus untuk mendapatkan penyertaan masyarakat umum secara sukarela dalam aktiviti-aktiviti:

- (i) pencegahan dadah, iaitu untuk menyedarkan masyarakat

umum mengenai bahaya dan ancaman dadah, menawan sikap membencikan dadah dan melibatkan semua sektor masyarakat dalam usaha-usaha mencegah dan mengawal masalah dadah di seluruh negara; dan

- (ii) membantu Kerajaan dalam urusan jagaan lanjutan kepada bekas-bekas penagih dadah yang bertujuan untuk menyerap mereka semua ke dalam masyarakat.

Semua aktiviti PEMADAM adalah diselaraskan oleh Jawatankuasa Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara melalui Pasukan Petugas Anti-Dadah. Dengan demikian tidaklah perlu PEMADAM diserapkan ke dalam mana-mana Kementerian, termasuk Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga ini aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PEMADAM adalah memuaskan. Walau bagaimanapun usaha-usaha sedang dijalankan bagi meningkatkan lagi prestasi dan aktiviti-aktiviti PEMADAM di dalam membantu Kerajaan mengawal dan mencegah dadah.

ANGGOTA POLIS/TENTERA DIBUANG KERJA

63. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota Polis dan Tentera yang telah dibuang kerja dan nyatakan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

Dato Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah anggota Polis yang telah dibuang kerja sejak tahun 1982 hingga 1984 ialah seramai 873 orang. Manakala jumlah anggota tentera yang telah dibuang kerja dalam tempoh yang sama ialah seramai 3381 orang.

Di antara sebab-sebab utama yang telah mengakibatkan pembuangan kerja itu ialah atas kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah dan tatatertib."

PERKESO—PAMPASAN YANG DIBAYAR

64. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Buruh menyatakan jumlah caruman yang diterima oleh SOSCO sejak ia ditubuhkan dan jumlah pampasan yang telah dibayar setakat bulan Disember, 1984 dan sama ada beliau sedar bahawa kadar pampasan SOSCO adalah sangat rendah dan tidak menguntungkan pekerja-pekerja.

Dato Mak Hon Kam: Jumlah caruman (bersih) yang diterima dan jumlah pampasan yang telah dibayar oleh PERKESO sejak dari penubuhannya sehingga ke bulan Disember 1984 adalah seperti berikut:

Jumlah Caruman	\$616,867,210
Jumlah Pampasan	\$74,320,007

Adalah tidak benar bahawa kadar pampasan PERKESO sangat rendah dan tidak menguntungkan pekerja-pekerja.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984, telah pun dikuatkuasakan mulai 1hb, Januari, 1985. Melalui pindaan ini, kadar harian minimum faedah hilangupaya sementara atau faedah hilangupaya langsung yang kelak telah dinaikkan dari \$2.50 kepada \$8.00. Kadar harian minimum ini juga telah diperluaskan kepada kes-kes bayaran berkala faedah hilangupaya kekal dan faedah orang tanggungan yang masih dalam bayaran pada 1 hb Januari, 1985. Disamping itu beberapa faedah yang lain telah juga dipertingkatkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengulangkaji faedah-faedah yang dibayar oleh PERKESO

supaya ia sesuai dengan keadaan semasa.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI DENGAN PRESIDEN SUHARTO

65. Tuan Ahmad bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kejayaan perbincangan beliau dengan President Suharto mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa semasa lawatan beliau ke Indonesia baru-baru mi.

Perdana Menteri: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Sen. Mohd. Yusof bin Kassim pada 15-4-85. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

USUL

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO. 3) 1984

3.34 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawasanya mengikut fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan undang-undang yang sedia ada di Negeri Terengganu berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga diperuntukkan selainnya oleh Enakmen Badan Perundangan Negeri itu yang diluluskan dan dipersetujui seperti yang diperihalkan dalam Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan;

Dan bahawasanya Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984 bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada undang-undang Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Bilangan 17 Tahun 1360) iaitu undang-undang yang ada sekarang berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu di Negeri Terengganu telah diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri itu mengikut perenggan (a) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan pada 29 hb November, 1984;

Maka, oleh yang demikian, menurut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan, Dewan ini menetapkan, mengikut perenggan (b) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984 yang tersebut di atas itu, yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan St. 56 tahun 1985, diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang ada di Terengganu mengenai tanah-tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus menerus berkuatkuasa sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri itu dengan suatu Enakmen yang diluluskan dan dipersetujui seperti tersebut dalam Fasal (1) Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Undang-undang Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Bil. 17 Tahun 1360) berkenaan telah pun dibawa ke persidangan kali kedua pada 26hb hingga 29hb November, 1984 Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Keenam dan diluluskan pada 29hb November, 1984. Undang-undang pindaan berkenaan itu dikehendaki dibawa ke persidangan

Parlimen bagi dipersetujui mengikut kehendak Perkara 89 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan ini telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 56 Tahun 1985.

Pindaan-pindaan Undang-undang Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu adalah bertujuan untuk mengadakan kawalan yang berkesan dan membangunkan tanah-tanah orang Melayu di Terengganu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah mengenai takrif baru bagi "lease" dan "Malay holding company". Skop pajakan diperluas supaya meliputi tenansi mengikut minggu, bulan, tahun atau mengikut apa-apa asas berkala yang lain atau mengikut kehendak.

Dalam pindaan ini konsep syarikat pegangan Melayu adalah konsep baru. Ini kerana pada masa ini sesuatu tanah orang Melayu boleh diurusniagakan hanya oleh orang Melayu sebagai orang semulajadi atau "natural person", dengan izin. Sebaliknya dengan pindaan-pindaan ini sesuatu tanah orang Melayu boleh diurusniaga juga oleh sesuatu syarikat yang mana ahli-ahli hendaklah 100% terdiri dari orang-orang Melayu yang- artikel-artikel persatuannya melarang pemindahan saham-sahamnya kepada orang bukan Melayu dan satu daripada tujuan-tujuannya ialah untuk mengurusniagakan tanah-tanah orang Melayu. Akibat daripada memasukkan syarikat-syarikat pegangan Melayu di dalamnya, Undang-undang itu dipinda untuk memasukkan juga syarikat yang sedemikian di dalam berbagai-bagai peruntukan Undang-undang itu di mana sehingga kini hanya perkataan "Malay" sahaja terdapat.

Pindaan-pindaan bagi Fasal 3 adalah bagi memperolehi rujukan-rujukan kepada Undang-undang Tanah dengan menggantikan perkataan "Land Enactment" dengan perkataan "National Land Code or any previous land laws".

Bagi pindaan Fasal 3 dan 4 adalah membezakan orang semulajadi dengan pertubuhan perbadanan dari segi hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah syarat 4 dan 5 Fasal 6 dan syarat 3 Fasal 7 Undang-undang itu atau meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan itu. Manakala Fasal 6 pindaan dibuat bagi membuat peruntukan-peruntukan supaya daftar dan catatan surat keterangan milik mengenai tanah-tanah orang Melayu dicatatkan dengan perkataan "Tanah Orang Melayu" untuk memudahkan kawalan tanah-tanah orang Melayu.

Bagi Fasal 8 cadangan pindaan ini adalah bertujuan bagi meminda Fasal 9 Undang-undang itu dengan menambahkan kepada 4 syarat baru yang membolehkan tanah orang Melayu dipindahmilik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain itu akan terus kekal tarafnya sebagai tanah orang Melayu.

Bagi Fasal 12 cadangan pindaan Undang-undang ini bertujuan memasukkan Fasal 21A sehingga 21F baru. Fasal-fasal baru ini menetapkan prosedur bagi melucut hak sesuatu tanah orang Melayu yang dipunyai, digadai atau dipajak kepada, atau yang dipegang dengan cara lain dalam nama, sesuatu syarikat yang telah terhenti menjadi syarikat pegangan Melayu.

Bagi fasal 21E (ii) memperuntukkan bahawa mana-mana tanah sedemikian yang kembali kepada Pihak Berkuasa Negeri atas sebab lucut hak akan kekal sebagai tanah orang Melayu dan tidak boleh diberi milik atau dilupuskan selainnya kecuali kepada orang Melayu atau syarikat pegangan Melayu. Kedudukan yang sama ini akan dipakai di bawah Fasal 21F dan kesan-kesan di mana tanah pegangan Melayu diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Kanun Tanah Negara.

Fasal 12 dan 14 adalah membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Borang B dan menambahkan Borang

D, E dan F yang baru kepada Jadual Pertama. Borang-borang B, E dan F adalah perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan mengenai lucut hak dalam Fasal 21A hingga 21E baru yang dicadangkan.

Dengan adanya pindaan-pindaan kepada Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu, Negeri Terengganu, yang saya sebutkan tadi, tanah-tanah orang Melayu di Terengganu dapat dibangunkan lebih bebas dan terkawal dan ianya menjadi model (contoh) kepada negeri-negeri lain untuk melaksanakan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masalah ini terbuka untuk dibahas.

3.42ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang telah dibawa oleh Menteri tadi.

Saya telah berkesempatan melihat Usul yang telah dibawa oleh Menteri tadi dan saya rasa gembira dengan diluluskan Usul ini maka suatu era baru telah kita masuki di dalam masalah-masalah Tanah-tanah Rizab Melayu di seluruh negara.

Sebenarnya masalah ini bukan sahaja timbul di Negeri Terengganu tetapi di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia ini yang mempunyai Enakmen Rizab Melayu terutama sekali pada masa ini kita dapati Tanah-tanah Rizab Melayu ini perlu dibangunkan untuk kemajuan bangsa kita dan negara kita, terutama sekali di Negeri Kelantan ini adalah masalah yang besar.

Di dalam masalah rancangan perumahan yang ada pada hari ini iaitu yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan di negara ini, Tanah-tanah Rizab Melayu ini mempunyai banyak masalah terutama sekali oleh kerana definisi ataupun takrif yang ada hari ini mengenai orang Melayu adalah dikhususkan kepada Orang Melayu Asli ataupun Natural Person dan oleh kerana itu projek-projek perumahan di kawasan-kawasan Rizab Melayu ini mempunyai masalah.

Sebagai contohnya saya suka menyebutkan iaitu di bawah takrif Melayu itu sebelum Usul ini diluluskan tidak termasuk sebuah syarikat walaupun ianya dipunyai 100% oleh orang Melayu. Oleh kerana itu di Tanah-tanah Rizab Melayu ini kalau hendak dibangunkan menjadi rancangan perumahan terpaksa kita menggunakan suatu cara perjanjian tiga pihak iaitu tuan tanah, pemaju dan pembeli. Pemaju biasanya adalah sebuah syarikat yang kebanyakannya adalah dianggotai oleh pemunya tanah itu sendiri tetapi oleh kerana tegahan-tegahan yang ada di dalam peruntukan Malay Reserve Enactment yang ada sekarang ini maka syarikat itu tidak dapat didaftarkan sebagai tuannya. Maka tanah yang hendak dimajukan itu kekal kepada nama tuan asalnya, maka diadakan perjanjian iaitu tuan asal, tuan punya yang didaftarkan syarikat sebagai pemaju dan pembeli.

Ada masalah iaitu jika tuan-punya itu meninggal sebelum didaftarkan nama pembeli sebagai tuan punya dan kebanyakan ini berlaku apabila pinjaman telah diluluskan kepada pembeli terutamanya pinjaman di bawah pinjaman Kerajaan. Pinjaman diluluskan berdasarkan kepada perjanjian jual-beli. Kemudian sebelum dapat dibuat pindah milik tuan punya meninggal dunia maka sebelum dapat diselesaikan maka terpaksa diselesaikan hal pesaka tuan punya dahulu. Jadi, ini

menyebabkan banyak kesusahan kepada pembeli-pembeli perumahan kerana kebanyakan kes untuk menyelesaikan pesaka mengambil masa dua, tiga tahun, kadang-kadang sampai lima tahun.

Yang menjadi masalahnya setengah daripada orang yang meminta pinjaman untuk pembelian rumah ini telah dipotong gajinya tetapi tanah tidak dapat dipindah milik kepada pembeli. Dengan adanya pindaan yang ada di Negeri Terengganu ini, saya rasa ini merupakan suatu titik permulaan bagi menyelesaikan masalah Tanah-tanah Rizab Melayu dan dengan ini jua memberi peluang kepada Orang-orang Melayu yang mempunyai tanah dalam kawasan Malay Reserve untuk membuka syarkatnya sendiri dan membangun tanah-tanah tersebut. Saya harap supaya Enakmen seperti yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu itu dapat segera dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain di negara kita ini terutama sekali Negeri Kelantan yang mempunyai Kawasan Simpanan Melayu begitu luas yang meliputi hampir semya kawasan utara negeri itu, kawasan yang telah dibangunkan. Kalau Enakmen seperti ini diluluskan maka ianya akan menyelesaikan banyak masalah. Saya harap Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan mengambil d aya usahanya supaya Enakmen yang seperti ini dapat diluluskan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Sekian.

3.48ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmod: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap dalam masalah Enakmen Tanah ini yang dibentangkan oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebentar tadi.

Saya rasa inilah satu perkara yang patut kita beri pujian kerana masalah tanah ini ialah masalah yang besar

terutama sekali bagi orang Melayu. Kalau pihak yang berkuasa tidak mengawasi lebih awal maka saya rasa tanah ini akan terhilang begitu sahaja dan ini akan memberi kesusahan ataupun masalah kepada penduduk-penduduk khususnya orang Melayu di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan fasal 8 iaitu untuk meluluskan supaya tanah orang Melayu ini dapat dipindah milik ataupun digadai atau dilupuskan dengan cara lain kepada suatu syarikat pegangan orang Melayu.

Jadi ini ialah satu perkara yang dapat mengelakkan daripada tanah yang digadai itu terlepas kepada pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang boleh orang-orang Melayu khususnya tidak dapat menggunakan tanah mereka ini untuk tujuan berniaga dan sebagainya kerana ada syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak yang berkenaan. Misalnya sekarang ini tanah rizab Melayu di negeri-negeri lain tidak boleh digadai atau dipajak atau sebagai guarantor kepada manarhana bank. Oleh kerana yang demikian maka orang Melayu apabila hendak berniaga ataupun hendak menceburkan diri dalam perniagaan apabila pergi ke bank maka bank berkehendakkan syarat-syarat ini. Orang Melayu ini mempunyai tanah iaitu rizab Melayu tidak boleh digadai kepada bank.

Jadi ini adalah salah satu yang tidak secara langsung menyekat orang Melayu daripada meneruskan kegiatan mereka itu dalam lapangan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya syorkan supaya tiap-tiap negeri bukan sahaja di Negeri Terengganu supaya tanah rizab Melayu ini boleh digadai ataupun disandar kepada bank-bank tetapi dengan kita ketatkan

syarat-syaratnya apabila tuan tanah itu tidak boleh mengambil balik tanah ini maka pihak bank boleh gadai ataupun boleh dilelong, boleh dijual kepada orang Melayu sahaja ataupun syarikat-syarikat kepunyaan Melayu tidak boleh dijual tanah yang disandar atau yang digadai oleh orang Melayu itu kepada orang yang bukan Melayu.

Saya rasa perkara ini tidak akan hilang tanah rizab Melayu, kalau kita sekat kerana takut kata tanah ini akan digadai ataupun orang Melayu yang menggadai tanah itu tidak dapat membayar balik wang itu, mungkin tanah itu akan pergi kepada orang lain. Kita buat syarat supaya kalau bank hendak jual tanah itu kerana orang yang menggadai tanah itu tidak dapat ambil balik tanah itu, jual sahaja tanah itu kepada orang-orang Melayu juga ataupun kepada syarikat-syarikat orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang negara kita negara membangun, kadangkala Kerajaan kita menggunakan tanah rizab Melayu ataupun tanah orang Melayu. Apabila Kerajaan ambil tanah ini diubah syarat menjadikan hak umum. Apabila hak umum bermakna di atas tanah itu misalannya dibuat kedai, kita buat perumahan dan sebagainya, berbagai-bagai kaum boleh duduk di atas itu oleh kerana kita ubah syarat, ubah milik. Tanah itu dijadikan hak awam. Pada ketika itu berbagai-bagai jenis bangsa boleh duduk di atas tanah ini, jadi untuk tidak menghilangkan tanah itu maka Kerajaan ambil di tempat lain tambah balik tanah yang diambil untuk kegiatan Kerajaan itu.

Kalau kita jaga keadaan yang macam itu, saya rasa tanah rizab orang Melayu tidak akan rugi ataupun tidak akan kurang satu ke satu masa tetapi pada masa sekarang ini kita tengok di negeri-negeri yang tertentu apabila Kerajaan mengambil tanah itu untuk membuat pembangunan, membuat perkara-perkara yang bersangkutan dengan

Kerajaan tetapi Kerajaan tidak menggantikan balik tanah yang diambil daripada orang Melayu itu maka pada satu ketika nanti anak-anak Melayu ataupun tanah orang Melayu itu akan berkurangan daripada satu masa ke satu masa.

Jadi sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Kementerian yang telah sedar bahawa perkara ini patut diperkemaskan dan kita rasa kalau kita luluskan Rang Undang-undang ini walau bagaimanapun mungkin ada berlaku penyelewengan walaupun ia termaktub di dalam undang-undang ini tetapi saya rasa pihak-pihak Kementerian ataupun pegawai-pegawai berkenaan mestilah berhati-hati supaya undang-undang atau Enakmen yang kita luluskan pada hari ini kita berharap akan dapat berjalan dengan baik dan bukan termaktub di atas kertas sahaja tetapi mestilah dipraktikkan supaya tanah yang kita hajatkan itu supaya tidak hilang tanah-tanah orang Melayu kepada pihak-pihak yang lain maka hasrat kita akan tercapai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada lagikah yang hendak mengambil bahagian sebelum diminta Yang Berhormat Meneri menjawab.

3.57 *ptg.*

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Enakmen (Pindaan) Kanun Tanah 1985 ini di samping untuk melahirkan perasaan sukacita dan terima kasih kepada pihak Kerajaan terutama kepada Kementerian Tanah yang telah mengambil perhatian yang begitu teliti terutama bagi mengekalkan keindahan Kanun Tanah di negara kita ini khususnya di dalam Fasal tanah-tanah kepunyaan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kanun Tanah kita ini demikian indah susunannya sehingga gambaran indah meletakkan rasa ideal penjagaan Kerajaan terutama kepada golongan-golongan yang tertentu bagi menerima hak-hak asasi yang ideal sehingga dengan Kanun Tanah yang ideal ini ada kalanya boleh menimbulkan perasaan-perasaan yang tidak seimbang maknanya sehingga berpandukan kepada Kanun Tanah yang ideal ini boleh menimbulkan perasaan-perasaan rupa taraf kerakyatan di negara ini sehingga pernah diambil kesempatan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab terutama kalangan-kalangan yang sengaja hendak mengambil kesempatan meletakkan bahawa masyarakat ataupun warganegara di negara ini mempunyai peningkatan warganegara kelas 1, kelas 2 dan kelas 3 berlandaskan kepada beberapa Fasal-fasal yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya jika dibaca apa yang terbaca sahaja, barangkali pandangan-pandangan dan tohmahan-tohmahan yang seperti ini boleh diterima dengan sebegitu mudahnya tetapi sebaliknya saya suka mengambil perhatian sedikit ucapan saudara Yang Berhormat Fadzil baru sekejap tadi dalam masalah hak-hak asasi di dalam Kanun Tanah yang memberi hak kepada tanah orang-orang Melayu ini. Tanah ini memang digelar tanah kepunyaan Melayu di bawah rizab Melayu tetapi apakala tanah ini diubah tarafnya terutama menjadikan tanah-tanah awam. Umpamanya tanah-tanah yang telah diambil balik oleh pihak pemerintah kerana mendirikan hospital maka hospital itu tidak diperuntukkan hanya hospital untuk orang-orang Melayu sahaja, atau tanah-tanah Melayu yang diambil balik kerana mendirikan sekolah dan sekolah itu bukan diperuntukkan kepada anak-anak Melayu sahaja, atau tanah yang

diambil balik kerana membuat jalan, jalan-jalan itu bukan diperuntukkan kepada orang-orang Melayu sahaja maka mahu tidak rnhu sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa hak asasi tanah kepunyaan Melayu ini telah berubah, sudah terkeluar daripada hak yang ditentukan kepadanya telah menjadi hak umum dan tidak lagi menjadi hak kepunyaan Melayu.

Barangkali di dalam Kanun ini juga telah termaktub andainya tanah-tanah Melayu yang terpaksa diambil perlu diganti keluasannya supaya hak Melayu, hak asasi Melayu yang ideal itu tidak akan berkurangan dan tercatat. Saya membangkitkan ini sekadar untuk mengingatkan kepada pihak Kerajaan, saya tidak tahu sama ada bagi pihak Kerajaan sudah mengumpulkan berapa luas sudah tanah-tanah di bawah rizab Melayu ini yang telah diambil balik oleh pihak pemerintah untuk melaksanakan pembangunan bagi kepentingan umum di negara kita ini.

Kita menyokong, kita rela dan kita bersetuju kerana kita juga inginkan kepada pembangunan di negara ini, kerana pembangunan di negara ini akan menjadi salah satu faktor pembangunan masyarakat di negara ini. Tetapi adakah tanah ini sudah diganti untuk mengembalikan semula hak-hak Melayu yang sengaja dipelihara oleh Kanun Tanah Negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong pindaan Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu, 1984 ini dan menyokong ucapan sahabat saya Ahli Yang Berhormat Senator Fadzil, saya suka mengingatkan kepada pihak Kerajaan apakala sudah termaktub di dalam Kanun ini tindakan hendaklah dilakukan, kalau tindakan pengambilan balik telah dilakukan, maka tindakan pengantiannya juga

hendaklah dilakukan, bukan sahaja sekadar termaktub di dalam Kanun ini sahaja.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apakah sebabnya, tetapi ada sedikit benarnya apakala disebut di dalam soal rupa kerakyatan negara ini, ada kelas satu, kelas dua atau kelas tiga, terutama dengan keadaan yang disalah tafsirkan tetapi sering berlaku apakala kawasan-kawasan tanah yang terletak di bawah hak-hak tanah Melayu biasanya apakala tanah itu perlu dinilai sama ada oleh pihak Penilai Rasmi Kerajaan ataupun Valuer bagi pihak Jabatan berkenaan, biasanya tanah-tanah kepunyaan Melayu itu dinilai lebih rendah daripada tanah-tanah yang bukan kepunyaan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kalau hendak ditanya buktinya, saya pernah mengalami hal ini, saya sendiri pernah mengalaminya, walaupun mungkin saya tidak dapat membuktikan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini, tetapi ini ternyata berlaku kerana sudah beberapa kali saya sendiri terpaksa menghadapi masalah-masalah seperti ini.

Oleh yang demikian, dengan pindaan ini, saya kira nilainya yang harus dinilai oleh Jabatan Penilaian hendaklah dinilai tanpa memperhitungkan sama ada tanah itu terletak di bawah Rezab Melayu ataupun tidak di bawah Rizab Melayu, tetapi hendaklah dinilai dengan kesesuaian keadaan kegunaan dan kedudukan setempat di kawasan-kawasan yang harus dinilai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini sesungguhnya suatu pindaan yang melahirkan betapa bertanggungjawabnya bagi pihak Kerajaan kita, bagi pihak pemerintah untuk mengekalkan hak-hak asasi, hak-hak ketuanan, hak-hak rakyat yang ideal di negara kita ini walaupun

pada lahirnya, pada bunyinya pindaan-pindaan ini seolah-olah berat sebelah, tetapi pada hakikatnya akan dikenali oleh setiap warganegara yang memahami dan menginsafi keadaan dan kedudukan negara ini yang sebenarnya, maka saya rasa setiap rakyat di negara kita ini pasti akan menyokong -Rang Undang-undang Tanah Simpanan Orang-orang Melayu. Maka saya sekati lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan dan menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

4.23 ptg.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi berhubung dengan Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu di Negeri Terengganu, saya menyokongnya dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar tujuan usul yang dibawa ini adalah hakikatnya untuk mengekalkan Tanah Simpanan Melayu ini supaya tidak bertukar milik kepada orang lain dari semasa ke semasa, khususnya sebagaimana yang tercatat di dalam Fasal 2 yang dibentangkan ini. Dan saya cuma ingin menarik perhatian bahawa Tanah Simpanan Melayu ini adalah diwujudkan oleh pemerintah pada masa yang lalu, maka ini kita merasai pemerintah iaitu Kerajaan British pada masa yang lalu memikirkan mereka nampak disebabkan untuk mengekalkan tanah bagi orang-orang Melayu, maka Kerajaan British dapat mewujudkan satu Tanah Simpanan Melayu.

Di sini saya cuma ingin menarik perhatian kepada Menteri yang berkenaan dan selaras dengan pandangan Ahli Yang Berhormat yang berucap sebentar tadi, apakah undang-undang yang berlainan di antara tiap-tiap buah negeri berhubung dengan tanah itu tidak dapat diselaraskan di

antara negeri-negeri dalam Malaysia ini? Di sini saya cuma menarik perhatian berhubung dengan tanah-tanah di negeri Melaka yang tidak ada wujud Tanah Simpanan Melayu. Dengan itu saya suka menarik perhatian kepada Menteri yang berkenaan dan juga pada Kerajaan Negeri apakah tidak dapat dirundingkan di masa-masa yang akan datang supaya di negeri Melaka juga dapat diwujudkan suatu jenis tanah yang dinamakan "Tanah Simpanan Melayu".

Saya merasai untuk mewujudkan Tanah Simpanan Melayu bagi negeri Melaka, pada hemat saya boleh dilaksanakan kerana banyak tanah-tanah Kerajaan di negeri Melaka yang masih dimiliki oleh Kerajaan sendiri yang tidak dipunyai oleh sesiapa pun, maka ini adalah satu langkah yang baik bagi Menteri yang berkenaan supaya menggubal satu dasar Tanah Negeri Melaka bagi mewujudkan suatu Tanah Simpanan Melayu Melaka dan dapat berkekalan dari masa ke semasa sebagaimana negeri-negeri yang lain.

Ini saya cuma ingin menarik perhatian di dalam Dewan ini sebagaimana yang dijelaskan pada tahun sudah, berhubung dengan Tanah-tanah Melayu yang dikatakan tanah "Geran Kecil" dan sebagainya, hampir-hampir 70%-80% tanah itu telah tidak lagi dapat dikuasai oleh orang-orang Melayu sendiri kerana tanah itu telah disewakan dengan begitu mudah dan apabila si empunya tanah atas namanya telah meninggal dunia, maka sampai bila-bila masa sehingga hari ini dan di masa-masa yang akan datang, tidak ada kuasa lagi orang-orang Melayu untuk mengambil tanah-tanah itu.

Jadi dengan ini saya menyarankan supaya suatu usaha daripada Kementerian yang berkenaan dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka khususnya dapat diwujudkan

suatu undang-undang ataupun suatu kawasan tanah atas nama Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu Negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sampaikan mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan dengan itu saya menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

4.10 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama membahaskan usul yang dibawa oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengenai pindaan Kanun Tanah Negara mengenai Enakmen Tanah Simpanan Melayu khasnya bagi Negeri Terengganu.

Di dalam masalah yang dibentangkan ini, saya turut menyokong bersama-sama pandangan yang telah diberikan oleh sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu. Di dalam masalah ini, saya kira ada dua kategori yang diriamakan Tanah Simpanan Melayu ini. Pertama, ialah Tanah-tanah Kerajaan yang telah diwartakan di dalam pelan, dengan izin, digezet sebagai Tanah Simpanan Melayu.

Yang kedua, ialah Tanah-tanah yang telah dimiliki dan telah dicataterakan kepada hakmilik-hakmiliknya sama ada hakmilik di Pejabat Tanah ataupun yang dipanggil "Registrar Document Title" dan juga hakmilik "The Issue of Document Title" yang telah dicatatera, dengan izin, diendorse di dalam hakmilik-hakmilik itu. Tetapi bagi tanah-tanah umum, tanah Kerajaan yang diwartakan sejaka zaman penjajahan dahulu, kebanyakan tanah-tanah ini bertaraf bukan pegangan Melayu tetapi hanya diwartakan sebagai Tanah Simpanan Melayu.

Tanah-tanah seperti ini banyak terdapat pembangunan-pembangunan seperti yang berlaku di atas Tanah Simpanan Melayu di Hulu Perak yang kira-kira beribu-ribu ekar, lebih kurang 50 batu persegi telah ditenggelami dan diambil oteh Lembaga Letrik Negara sebagai kawasan, dengan izin, "catchment area" dan untuk tujuan perancangan Elektrik Hydro di kawasan itu. Walau ini suatu perkara yang tidak dapat dielakkan tetapi Kerajaan-kerajaan Negeri kebanyakannya terutama sebagai contoh, Kerajaan Negeri Perak sendiri walaupun telah beberapa kali diusulkan ada pihak-pihak Kerajaan Negeri yang tidak begitu mengendahkan peruntukan-peruntukan di bawah Perlembagaan yang mana setiap Tanah Simpanan Melayu yang dilupuskan hendaklah diganti dengan sama taraf dan sama keluasannya di negeri itu juga. Jadi ini tidak dilakukan, sebagaimana kata sahabat saya daripada Kelantan tadi, Kementeriari dan Kerajaan Pusat seharusnya mengambil kira perkara ini supaya peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan itu dilaksanakan. Jikalau tidak semakin hari semakin pupuslah Tanah Simpanan Melayu ini di dalam peta dan dari segi praktikal, tidak ada langsung tanah-tanah ini lagi.

Yang keduanya yang menjadi masalah, semasa kaum penjajah dahulu mewartakan Tanah-tanah Simpanan Melayu ini terdapat juga sebilangan kecil tetapi sungguhpun kecil, amat mustahak, di kawasan-kawasan perbandaran seperti kawasan perbandaran Ipoh, ada terdapat diwartakan Tanah Simpanan Melayu tetapi diduduki oleh orang-orang bukan Melayu dan ini tidak dapat diendorse, dengan izin, hakmilik-hakmilik yang diduduki oleh kaum bukan bumiputera ini, kaum bukan Melayu ini tidak dapat diendorsekan ke dalam pemegang Melayu. Jadi, sekiranya undang-undang ataupun

Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang Melayu di Terengganu ini telah kita pinda, barangkali Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini patutlah menggesakan Kerajaan-kerajaari Negeri yang lain seperti Negeri Perak juga untuk meminda dan mengubahsuaikan peruntukan-peruntukan di dalam enakmen bagi negeri-negeri berkenaan supaya pindaan-pindaan seperti fasal baru 7A ini dapat dikanunkan iaitu untuk menyelesaikan masalah-masalah di mana pegangan Melayu itu dapat di catat atau dengan izin diendorse di dalam hakmilik yang dipegang oleh pemilik-pemilik tanah berkenaan.

Dari segi untuk memajukan tanah-tanah ini, sudah sampai masanya mengikut kemajuan dan pembangunan perbandaran. Tetapi dengan adanya sekatan-sekatan dan juga halangan-halangan yang sensitif ini tidak dapat dijalankan, tidak ada suatu peruntukan di bawah mana-mana enakmen yang membolehkan supaya Kerajaan Negeri mengambil alih Tanah Simpanan Melayu ini yang diduduki oleh orang bukan Melayu ini untuk diambil alih dan dimajukan terutama dari segi perumahan dan sebagainya, industri tidak dapat dan tanah ini menjadi beku. Walhasil kesemua pembangunan terhenti di sekitarnya. Ini ada berlaku dan kita berharap dengan adanya dikemukakan usul untuk meminda Enakmen Tanah Simpanan Melayu Bagi Terengganu dan mungkin akan diikuti oleh Negeri-negeri lain. Kita berharap suasana dan juga harapan ini dapat diselesaikan dengan secara aman, dengan secara berpelembagaan, dengan tidak menyentuh perkara-perkara sensitif dan tidak membangkitkan suasana tidak baik di antara hubungan kaum. Maka dengan kebijaksanaan ahli-ahli pelaksana penggubal undang-undang ini dan juga ahli-ahli undang-undang ini dan juga pihak pembangun-pembangun kita dapat menyelesaikan masalah yang

sensitif ini dengan tidak meretakkan hubungan antara kaum yang terdapat di negara kita. Maka kebijaksanaan inilah kita berharap langkah-langkah yang sesuai dan perlu dijalankan oleh pihak Kementerian.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dan menyokong sepenuhnya di atas pindaan ini.

4.13 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini di mana usul telah dibentangkan secara procedure iaitu Perlembagaan memerlukan enakmen yang dipinda di Terengganu dibawa ke Parlimen ini mengikut Fasal 89 dan 90. Dah ini menunjukkan betapa mustahaknya kedudukan Tanah-tanah Simpanan Melayu dalam Negeri ini sehingga procedure ini terpaksa dibuat dan dikawal begitu ketat. Maka pada hari ini kita hadapkan dengan usul ini dan perbahasan-perbahasan mengenai Tanah Simpanan Melayu ini nampaknya rancak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang pentingnya sebelum saya sentuh, perbahasan yang telah dikemukakan yang menarik ialah pada pokoknya tujuan usul ini ialah untuk memeterikan pindaan yang telah dibuat oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi pindaan Enakmen Tanah Simpanan Melayu, terutamanya dari segi membolehkan Tanah-tanah Simpanan Melayu, kalau dahulunya hanya boleh dipegang oleh manusia biasa iaitu manusia asal, "natural person", macam kita yang di Dewan ini, tetapi pada hari ini dengan adanya pindaan ini Tanah Simpanan Melayu

sudah boleh juga dipegang oleh syarikat-syarikat iaitu corporate person, dengan syarat syarikat-syarikat ini mestilah patuh seperti fasal 21A iaitu syarikat (Malay holding company) itu mestilah 100% dimiliki oleh orang-orang Melayu dan juga articles dan memorandumnya menyatakan bahawa dia tidak boleh dipindah pada orang lain kecuali orang-orang Melayu dan sebagainya. Dan dengan adanya peruntukan ini maka Tanah-tanah Rizab Melayu kini dapat menyelesaikan dari segi pembangunan secara beramai-ramai ataupun secara individu, satu lot demi satu lot dengan menggunakan syarikat-syarikat dengan syarat syarikat itu dimiliki oleh seratus peratus orang Melayu.

Selain daripada itu juga syarikat-syarikat ini ataupun Enakmen Tanah Rizab Tanah Melayu juga telah memperakukan beberapa institusi sebagai institusi-institusi Melayu iaitu bank-bank terutama institusi kewangan seperti Bank Bumiputera dan sebagainya diakui sebagai institusi bumiputera yang membolehkan tanah-tanah ini yang dipunyai sama ada oleh orang perseorangan (natural person) ataupun oleh syarikat dipajak, digadai dan sebagainya kepada institusi-institusi yang dijadualkan dalam Enakmen itu.

Tuan Yang di-Pertua, maka ternyata perbincangan-perbincangan ini mengambil berat terhadap Tanah Rizab Melayu sebagai ketuanan Melayu dalam negara ini. Saya ucapkan terima kasih boleh dikatakan semuanya menyokong bahkan memerlukan beberapa tindakan-tindakan lanjut supaya diperkemas lagi Enakmen yang telah diutarakan.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof memangnya seratus peratus menyokong perkara ini kerana ini dapat menyelesaikan banyak masalah.

Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood dari Perlis mempersoalkan

masalah Fasal 8 di mana tidak boleh digadai, ini tidaklah betul kerana peruntukan-peruntukan telah dibuat seperti yang saya katakan tadi, bahawa sebenarnya Tanah-tanah Rizab Melayu ini boleh digadai dengan syarat ia digadai kepada institusi-institusi yang telah diiktiraf, telah dijadualkan sebagai institusi Melayu atau bumiputera. Walaupun ada negeri-negeri yang belum mengemaskinikan Kanun ataupun Enakmen Rizab Melayunya seperti misalnya negeri Kelantan sendiri sebenarnya tanah pegangan Melayu boleh dicagar, digadai, dipajak. Di Kelantan sebenarnya tanah pegangan Melayu boleh dimiliki oleh bukan Melayu dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan orang bukan anak Kelantan boleh juga memiliki tanah Melayu holding dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Maka nyatalah bahawa peraturan-peraturan pentadbiran tanah bagi tiap-tiap negeri masih ada yang belum diselaraskan. Dengan adanya Kementerian, Jawatankuasa dan Jawatankuasa Petugas Khas untuk menyelaraskan, kita harap dapat kita selaraskan nanti.

Dari segi tanah rizab Melayu diambil oleh Kerajaan ini nampaknya boleh dikatakan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Tuan Haji Husein Ahmad, Tuan Fadzil bin Mahmood sendiri, Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar semua menimbulkan kerunsingan, kebimbangan terhadap Tanah-tanah Rizab Melayu yang telah dimajukan sebagai projek Kerajaan dan mestilah diganti. Saya terima kasih kerana pandangan berat yang diambil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya peruntukan sudah sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan supaya Tanah Rizab Melayu yang diambil balik diganti dengan sama luasnya. Data-data mengenai keluasan Tanah Rizab Melayu yang telah digantikan adalah seperti berikut:

Bagi Johor, luas ekar iaitu kedudukan Tanah Rizab Melayu

mengikut Negeri pada 1-4-84, sumber daripada Jabatan Ukur. Johor luas negeri ialah 4,661,200 ekar, luas Tanah Rizab Melayu ialah 657,034.774 ekar, luas Tanah Rizab Melayu yang dibatal kerana pembangunan ialah 1,127.0 ekar. Luas Tanah Rizab Melayu yang diganti ialah 30,665.072 ekar. Jadi, baki ada 686,572.84 ekar.

Bagi Negeri Kedah, luas negeri ialah 2,328,960 ekar dan luas Tanah Rizab Melayu ialah 1,606,391.028 ekar, luas Tanah Rizab Melayu yang telah dibatalkan 19,406.4 ekar, luas Tanah Rizab Melayu yang diganti ini belum digantikan lagi. Tindakan-tindakan sedang diambil dan baki 1,586,984.628 ekar.

Bagi Negeri Kelantan ada 3,689,600 dan luas Tanah Rizab Melayu ialah 3,013,161 ekar dan tidak ada yang diambil—dibatalkan.

Negeri Sembilan ada 1.6 juta dan luas Tanah Rizab Melayu telah dibatal 326.25 ekar belum lagi diganti.

Jadi, angka-angka yang ada pada kita lengkap, hanya masalah menggantikan tanah-tanah yang diambil itu belum cukup sempurna, ada short fall, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mesti dibuat dan ini sedang kita ingatkan Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada secara terus, mengingatkan menerusi Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian ataupun dalam Majlis Tanah Negara kita sentiasa mengingatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menggantikan dengan segala Tanah-tanah Rizab Melayu yang telah diambil.

Masalah penilaian yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Husein Ahmad bahawa penilaian Tanah Rizab Melayu ini sebenarnya kita juga ucapkan terima kasih kerana ini telah menjadi masalah bahkan menjadi saranan kepada Tanah-tanah Rizab

Melayu. Syukur alhamdulillah, bahawa pada tahun 1983 kita telah meminda Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 supaya pampasan tanah bagi Tanah Rizab Melayu adalah sama dengan tanah-tanah bukan Tanah Rizab Melayu dan telah pun dipinda pada tahun 1983.

Penyelarasan Undang-undang Tanah untuk semua negeri, ini memanglah harapan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dari segi Kanun Tanah Negara sendiri ialah membuktikan hasrat Kerajaan Persekutuan dalam usaha-usaha penyelarasan ini manakala kita juga sedar bahawa kuasa pentadbiran tanah terletak kepada Kerajaan Negeri, dalam pada itu kuasa perundangan semakin hari semakin diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan kita telah pun menyelaraskan Kanun Tanah Negara hanya tinggal aspek-aspek yang lain seperti aspek Enakmen Tanah Rizab Melayu ini masih lagi di Kerajaan Negeri dan juga perlu diselaraskan dan beberapa buah undang-undang lagi yang perlu kita sesuaikan bahkan bagi negeri Melaka baru-baru ini Kerajaan Persekutuan telah meminda undang-undang yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Nasir bin Manap tadi mengenai tanah yang tergadai kepada orang bukan Melayu.

Sebenarnya dari segi ini kita telah ketatkan dan kenyataan Yang Berhormat bahawa tidak ada Enakmen Tanah Rizab Melayu di Melaka, sebenarnya ada tetapi dia tidak dipanggil Tanah Rizab Melayu tetapi dipanggil sebagai Malacca Customary Land. Bagi negeri Melaka, Tanah Adat Melaka telah diwujudkan di bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dan kedudukan Tanah Adat Melaka adalah sama dengan Tanah Rizab Melayu

negeri-negeri lain kecuali kelemahan-kelengahan Yang - Berhormat timbulkan tadi telah pun diperketatkan tetapi terlalu ketat sehingga menimbulkan masalah orang Melaka sendiri kerana takrif "Melayu" itu hanya Melayu Melaka. Jadi pemaju-pemaju di Melaka bila hendak mengisi kuota bumiputera ataupun Melayu di Melaka hanya mencari orang Melayu Melaka dan orang Melayu Melaka sudah banyak tinggalkan Melaka dan ini masalah untuk pemaju-pemaju yang hendak jual rumah kepada orang Melayu kerana orang Melayu luar daripada Metaka tidak terjatuh dalam takrif "Melayu Dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 ini. Maka kita telah putuskan dalam Majlis Tanah Negara untuk meminda semula atas pindaan untuk melonggarkan supaya Melayu yang ditakrifkan dalam Akta itu termasuklah mana-mana Melayu dari segi tafsiran Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan memberikan pandangan-pandangan berat memanglah sewajarnya kerana sensitivity orang-orang Melayu terhadap tanah ini amat nyata dan kita yakin bahawa dengan adanya pindaan-pindaan serupa ini dan penyelarasan-penyelarasan, seminar-seminar bahkan seruan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Majlis Tanah Negara untuk mewujudkan satu Kanun Tanah yang progresif yang mesti mengambil kira aspirasi orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain apabila kita merombak dan menggubal satu Kanun Tanah Negara yang progresif ala-Malaysia. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Perkara 89 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, Usul ini hendaklah dipersetujui oleh Majlis dengan

ketetapan yang diluluskan oleh sebilangan besar daripada bilangan semua Ahli Majlis Dewan Negara dan dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga- daripada Ahli-ahli yang mengundi.

Bagi maksud-maksud pengundian, saya mengarahkan Majlis hendaklah mengadakan Belah-bahagian iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 45 (4). Saya minta lebih daripada 8 orang Ahli berdiri untuk minta diadakan Belah-bahagian.

(Lebih daripada 8 orang Ahli-ahli berdiri).

Tuan Yang di-Pertua: Ada lebih daripada 8 orang Ahli-ahli yang berdiri, saya arahkan supaya diadakan Belah-bahagian. Setiausaha sila bunyikan loceng selama 2 minit.

Loceng dibunyikan.

Tuan Yang di-Pertua: Penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing dan undi dijalankan sekarang.

Dewan berbelah-bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan pengundian ialah Ahli-ahli Yang Bersetuju, 46 orang; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

Datuk G. Pasamanickam.

Tuan Abdul Wahab Abu Bakar.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom.

Tuan Haji Abdul Jalil Abdul Rahman.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Puan Sri Janaki Athi Nahappan.

Tuan Paramjit Singh.

Dato' S. Govinda Raj.

Puan Hafsah Othman.
 Puan Nen Abidah Abdullah.
 Tuan Jaafar Harun.
 Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.
 Puan Rokiah Maimun Zainuddin.
 Tuan Abdul Hamid Ibrahim.
 Datuk Ishak Abdul Rahman.
 Tuan Loo Swee Mok.
 Puan Hasanah Haji Mohd. Kassim.
 Tuan Kenneth Kanyan Temenggong Koh.
 Tuan Fadzil Mahmood.
 Tuan Kee Yong Wee.
 Tuan Haji Mohamed Yahya.
 Tuan Mohamed Yusoff Kassim.
 Tuan Ahmad Othman.
 Tuan Nasir Manap.
 Dato Haji Zakaria Haji Yahya.
 Tuan Haji Ibrahim Haji Ujang.
 Tuan Haji Mohd. Noor Haji Abdullah.
 Tuan Lim Sean Lean *alias* Lim Hiang Nai.
 Datuk Abang Ahmad Urai D.H.A.
 Hj. Mohideen.
 Tuan Mohd. Noor Bedah.
 Tuan Tay Chee King.
 Tuan Ng Ah Poi.
 Tuan M. Nyanapandithan.
 Tuan Mohd. Yusoff *alias* Yusof Haji Md. Nor.
 Tuan Hassan Nam.
 Dato Kamaruzaman Ahmad.
 Tuan Hj. Abu Bakar Lajim.
 Tuan Abdul Ghani Haji Othman.
 Tuan Haji Abdul Hamid Haji Latif.
 Tuan Haji Hussein Ahmad.
 A. Shaik Dawood Abu Bakar.
 Tuan Haji Shuaib Lazim.

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Bilangan ini adalah lebih daripada separuh daripada bilangan semua Ahli-ahli Majlis Dewan Negara dan bilangan ini juga lebih daripada dua pertiga daripada Ahli-ahli yang mengundi. Oleh yang demikian, Usul ini diluluskan. (*Tepuk*)

Diputuskan,

Bahawasanya mengikut Fasal (2) Perkara 90. Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang sedia ada di Negeri Terengganu berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga diperuntukkan selainnya oleh Enakmen Badan Perundangan Negeri itu yang diluluskan dan dipersetujui seperti yang dibekalkan dalam Fasal (1) Perkara 189 Perlembagaan Persekutuan; dan

Bahawasanya Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3), 1984 bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Undang-undang Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu (Bilangan 17 Tahun 1360) iaitu undang-undang yang ada sekarang berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu di Negeri Terengganu telah diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri itu mengikut perenggan (a) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan pada 29 hb November, 1984.

Maka oleh yang demikian menurut Fasal 2 Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan, Dewan ini menetapkan, mengikut Perenggan (b) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3), 1984 yang tersebut di atas itu yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST. 56 tahun 1985, diluluskan.

**RANG UNDANG
KANUN TANAH NEGARA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.45 *ptg.*

Dato Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat ini pada 6 April, 1984 dan seterusnya dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 25 April, 1984. Rang Undang-undang tersebut telah mendapat perkenan Di-Raja dan diwartakan sebagai Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 pada 28 Jun, 1984. Ianya dirujuk sebagai Akta A587/1984. Akta ini mengandungi 12 seksyen yang merangkumi 72 pindaan-pindaan penting yang telah diperakukan berasaskan empat falsafah penting iaitu: untuk menyesuaikan dengan kehendak pembangunan; bagi keperluan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru; untuk kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri, dan untuk memperbaiki sistem serta prosedur pentadbiran tanah.

Bagi melaksanakan peruntukan peruntukan Akta A587/1984 ini Tuan Yang di-Pertua, satu mesyuarat khas Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri telah diadakan pada 7 Mei, 1984. Di mesyuarat khas ini telah dipersetujui syor supaya sebuah Pasukan Petugas dilantik untuk mengkaji masalah-masalah dan menentukan garis pelaksanaan Akta tersebut. Berikutan dengan itu sebuah Pasukan Petugas telah ditubuhkan dan

bidang tugasnya ditentukan seperti berikut:

- (i) mengkaji implikasi pindaan-pindaan tersebut dari segi pelaksanaannya bagi mengesan dan menentukan peruntukan-peruntukan yang mempunyai masalah untuk dikuatkuasakan serta merta;
- (ii) mengemukakan syor-syor mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang dikesan; dan
- (iii) mencadangkan satu tarikh atau tarikh-tarikh yang sesuai untuk dikuatkuasakan Akta atau peruntukan-peruntukan tertentu Akta tersebut.

Pasukan Petugas tersebut telah mengkaji dan meneliti semua peruntukan-peruntukan Akta itu dalam hubungannya dengan peruntukan Akta induk iaitu Kanun Tanah Negara. Laporan Pasukan Petugas ini telah disiapkan pada bulan September, 1984. Di antara syor-syor yang dibuat bagi melicinkan pelaksanaan perundangan tanah secara keseluruhan, termasuklah membuat pindaan-pindaan susulan kepada Akta A587/1984 serta pindaan-pindaan susulan kepada Kanun Tanah Negara, yang telah tertinggal semasa Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 itu digubal.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menghuraikan beberapa perakuan dan syor-syor penting yang diutarakan sebagai justifikasi kepada keperluan pembentangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan mengenai pengwujudan 4 kategori penggunaan tanah dikaji semula dengan mendalam dan telah diperakukan supaya dikembalikan

kepada keadaan asal, demi kepentingan semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa, pindaan yang mewujudkan 4 kategori kegunaan tanah mempunyai implikasi-implikasi di sisi undang-undang serta masalah-masalah lain dalam penadbiran tanah. Menurut pindaan itu, kategori "bangunan" telah pun digantikan dengan kategori-kategori "komersial" dan "kediaman". Oleh yang demikian, apabila dikuatkuasakan nanti, kategori asal "bangunan" serta syarat-syarat tetapnya tidak lagi wujud.

Masalah yang timbul adalah mengenai kedudukan tanah-tanah yang tertakluk kepada kategori "bangunan" atau syarat-syarat tetap bagi kategori "bangunan". Tanah-tanah yang diberimilik sebelum 1-1-1966 atau telah diluluskan untuk diberimilik sebelum 1-1-1966 yang tertakluk kepada syarat-syarat tetapi bagi "bangunan", tidak boleh dijeniskan semula sama ada kepada kategori "komersial" atau "kediaman" kerana ini adalah bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Demikian juga dengan kes tanah-tanah yang diberimilik di bawah Kanun Tanah Negara sebelum pindaan mengenai 4 kategori berkuatkuasa, yang mempunyai kategori "bangunan".

Di samping itu, masalah akan dihadapi oleh Pentadbir-pentadbir Tanah sama ada tindakan perampasan boleh diambil terhadap tanah-tanah yang berkenaan sekiranya berlaku pelanggaran syarat. Ini adalah kerana syarat-syarat tetap bagi kategori "bangunan" di bawah seksyen 116 telah diganti dan tidak wujud lagi dalam Kanun Tanah Negara.

Walaupun mengikut seksyen 13 dalam Interpretation And General Clauses Ordinance, 1948 seksyen 116

yang asal, (iaitu yang merujuk kepada syarat tetap bagi tanah kategori "bangunan") masih terpakai kepada tanah-tanah kategori "bangunan", adalah dikhuatiri bahawa masalah berbagai pentafsiran akan timbul di peringkat Pejabat Tanah. Tambahan pula, sekiranya dikekalkan pindaan mengenai empat kategori kegunaan tanah, banyak pindaan-pindaan susulan perlu dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kanun Tanah Negara. Oleh itu, memandangkan kepada masalah yang dihadapi, adalah wajar bagi pindaan-pindaan berhubung dengan empat kategori kegunaan tanah dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengenai pengwujudan satu jenis hakmilik juga telah disyorkan supaya ditarik balik. Mengikut pindaan yang dibuat, semua pemberimilikan baru akan dikeluarkan hakmilik Pejabat Tanah sahaja. Akan tetapi, masalah akan dihadapi di peringkat pelaksanaan kerana terdapat kesukaran dalam mendaftarkan hakmilik Pejabat Tanah bagi tanah-tanah bandar dan pekan. Tanah-tanah tersebut perlu diperihalkan mengenai mukim di mana ianya terletak. Akan tetapi, penyelesaian kepada masalah ini tidak dapat juga dicapai.

Di samping itu, banyak pindaan-pindaan susulan perlu dibuat kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kanun Tanah Negara. Ini akan melibatkan rombakan besar kepada Kanun Tanah Negara. Seksyen-seksyen yang perlu dipinda adalah seksyen-seksyen 5, 81, 159, 165, 170, 173, 175c, 179, 180 dan 192. Tambahan pula, pindaan tersebut akan mewujudkan jenis-jenis hakmilik baru dan ini akan menambahkan lagi kepada jenis-jenis hakmilik sedia ada, yang sudah begitu banyak. Memandangkan bahawa masalah dihadapi di peringkat pelaksanaan, dan juga banyak pindaan susulan perlu

dibuat, maka disyorkan supaya pindaan yang terkandung dalam seksyen 26 Akta A587/1984 dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengeluaran hakmilik sementara secara automatik selepas kelulusan pemberimilikan, beberapa pindaan susulan telah diperakukan. Pindaan yang terkandung dalam seksyen 70 Akta A87/1984 itu mewajibkan pendaftaran dan pengeluaran hakmilik sementara, selepas sahaja kelulusan pemberimilikan diberikan dan segala butir hasil tanah di bawah seksyen 81 dijelaskan.

Pindaan tersebut dibuat supaya Pentadbir Tanah tidak perlu menunggu permohonan daripada bakal tuanpunya tanah yang mutigkin tidak sedar bahawa permohonan perlu dibuat untuk hakmilik sementara. Bagi melicinkan pelaksanaan pindaan ini, beberapa pindaan susulan perlu dibuat kepada Kanun Tanah Negara supaya selaras dengan peruntukan seksyen 180 sebagaimana yang telah dipinda. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah seksyen-seksyen 56, 177, borang-borang 11A, 11B dan Jadual Kesepuluh.

Tindakan susulan juga perlu dibuat mengenai pendaftaran hakmilik sambungan akibat pengwujudan daerah baru. Seksyen 62 Akta A587/1984 memperuntukkan antara lain, pengeluaran hakmilik sambungan akibat pengwujudan daerah baru. Mengikut peruntukan tersebut, hanya hakmilik tetap akan dikeluarkan hakmilik sambungan. Akan tetapi, terdapat juga hakmilik-hakmilik sementara yang terlibat dan perlu didaftarkan hakmilik sambungan. Oleh yang demikian, peruntukan baru perlu diadakan untuk merangkumi hakmilik-hakmilik sementara juga. Peruntukan yang dimaksudkan itu adalah seksyen baru 187AA.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang terkandung dalam seksyen 77 Akta A587/1984 bertujuan untuk menentukan supaya pemilikan tanah pertanian oleh seseorang individu tidak kurang daripada 275 hektar (atau satu ekar). Sekatan ini adalah perlu memandangkan bahawa terdapat banyak tanah pertanian yang dipegang secara lot-lot kecil dan tidak ekonomik dari sudut pertanian. Akan tetapi, pindaan tersebut tidak dapat mencapai tujuan yang diharapkan. Setelah diteliti dengan mendalam, adalah didapati bahawa menurut seksyen 205 (4), tanah-tanah sedia ada yang kurang dari 2/5 hektar boleh terus diurusniagakan hingga kepada syer-syer yang lebih kecil lagi.

Oleh yang demikian, bagi mencapai tujuan pindaan tersebut, pindaan susulan perlu dibuat dengan menambahkan proviso kepada subseksyen baru (4) yang membawa maksud bahawa tanah-tanah yang kurang dari 2/5 hektar boleh diurusniagakan secara keseluruhannya kepada hanya seorang atau satu badan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati perlu diadakan satu peruntukan baru untuk melindungi suratcara-suratcara urusniaga yang telah disempurnakan dan disetem dalam tempoh sebulan dari tarikh kuatkuasa pindaan tersebut. Suratcara-suratcara sedemikian boleh didaftarkan walaupun sekatan dalam seksyen 205 ini telah berkuatkuasa. Subseksyen baru (5) di tambahkan untuk mencapai maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Akta A587/1984 juga telah memperuntukkan pengecualian dari bayaran ukur jikalau pengukuran dilakukan oleh Juruukur Berlesen. Pindaan mengenai pengecualian dari bayaran ukur bagi kes-kes pengukuran oleh Juruukur Berlesen ini terkandung dalam seksyen-seksyen 50, 54, 57, 70 dan 72

Akta A587/1984. Peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara yang terlibat adalah seksyen-seksyen 138, 143, 149, 180 dan 183. Cara yang lebih kemas dan sesuai untuk mencapai maksud tersebut tanpa keperluan meminda setiap peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang ada kaitan, adalah dengan mengadakan satu peruntukan am dalam bahagian mengenai pengukuran, iaitu seksyen 409A. Oleh itu peruntukan sedemikian diadakan sewajarnya.

Dalam membuat pindaan-pindaan susulan ini. Tuan Yang di-Pertua, di samping mengambil pertimbangan ke atas masalah dan kesulitan pentadbiran, turut juga diambil kira penelitian-penelitian yang lebih rapi dari sudut perundangan. Seksyen 94 Akta A587/1984 bertujuan menambahkan pungutan hasi) Kerajaan Negeri dengan mengenakan bayaran tertentu bagi memotong kaveat atas perintah Mahkamah. Telah dibawa ke perhatian Kementerian saya bahawa tindakan itu tidak sesuai, kerana perintah Mahkamah perlu dilaksanakan serta-merta tanpa diletakkan sebarang syarat. Demi menghormati pandangan perundangan tersebut maka seksyen itu dipinda supaya kembali kepada bentuk asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya nyatakan bahawa perakuan-perakuan pindaan kepada Akta A587/1984 dan juga pindaan-pindaan susulan kepada Kanun Tanah Negara itu, secara langsung melibatkan pindaan-pindaan tertentu kepada semua borang-borang yang berkaitan. Oleh yang demikian, Fasal 28 dan 29 Rang Undang-undang ini diperuntukkan bagi tujuan meminda borang-borang dan Jadual yang berkaitan. Semua Fasal-fasal lain yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah merupakan pindaan-pindaan kecil, yang bermaksud bagi memperkemas lagi peruntukan-peruntukan yang telah

dipinda oleh Akta A587/1984, dan juga sebagai pindaan susulan bagi melengkapkan pindaan-pindaan yang telah dibuat dahulu. Penerangan yang lebih jelas mengenai kesemua Fasal dalam Rang Undang-undang ini secara terperinci, adalah sebagaimana terdapat di dalam Huraian yang dikemukakan.

Berasaskan kepada perakuan-perakuan yang dikemukakan itu, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Tanah Negara dalam mesyuaratnya yang ke 39 telah bersetuju dengan pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Walaupun ada tanggapan-tanggapan yang menyatakan bahawa masalah pindaan semula kepada sesuatu pindaan itu tidak harus berbangkit, tetapi pengalaman dalam konteks ini menampakkan hakikat kenapa ianya harus terjadi. Hakikat atau faktor yang saya maksudkan itu ialah latarbelakang sejarah perundangan tanah itu sendiri, yang telah menjadikan Kanun Tanah Negara sebagai salah sebuah undang-undang yang paling kompleks.

Atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

5.03 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya-bangun mohon izin

bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah adalah suatu masalah yang utama, yang dihadapi oleh manusia yang hidup di atas muka bumi ini, manusia yang hidup dalam negara kita ini tanpa bumi ataupun tanpa tanah, kita tidak dapat berjejak untuk membina penghidupan dan sebagainya, demikian juga sesuatu pembangunan ataupun kemajuan perindustrian dan segala-galanya mestilah nyata terletak di atas muka bumi ini. Oleh itu saya mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuari Wilayah kerana telah mengkaji dan memberikan pindaan-pindaan pengubahsuaian dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Walaupun Undang-undang Kanun Tanah Negara ini telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya kira dalam masa yang agak tidak berapa lama dahulu dengan dibentangkan semula lagi dalam persidangan Dewan Negara kita pada kali ini, jadi ini menunjukkan betapa perlu dan betapa pentingnya Undang-undang Kanun Tanah Negara ini disemak, dikaji dan diubahsuaikan bagi kepentingan negara dan rakyat. Ini menunjukkan Kerajaan, hendak menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit, masalah-masalah yang tertinggal beberapa lama dengan tujuan supaya dapat Kerajaan menyelesaikan dan mengemaskinikan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Fasal 3 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 52 Kanun dengan mengurangkan bilangan kategori kegunaan tanah daripada 4 kepada 3 sahaja. Walaupun kegunaan tanah sebelum dibawa ke dalam Rang Undang-undang ini pada hari ini

kategori kegunaannya 4, tetapi sebelum itu saya difahamkan kategori kegunaan tanah ini adalah 3 juga. Sebagaimana yang dibentangkan oleh Menteri pada hari ini kerana dalam jenis-jenis kegunaan tanah seperti yang dapat kita fahamkan tertumpu kepada perkara-perkara yang besar iaitu:

- (i) tanah digunakan untuk kemajuan pertanian;
- (ii) tanah digunakan untuk perumahan atau tempat kediaman;
- (iii) tanah kita gunakan untuk perniagaan; dan
- (iv) tanah digunakan untuk perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebenarnya dalam surat hakmilik tanah ada dicatatkan kegunaan-kegunaan tanah yang dimiliki oleh seseorang itu, kalaulah kategori kegunaan tanah 4 perkara seperti yang disebutkan tadi dicatat dalam surat hakmilik tanah seseorang itu, maka saya fikir tentulah boleh mengelirukan dan tak boleh juga menyelesaikan masalah tanah yang sebenarnya, sebabnya kegunaan tanah itu banyak, meskipun kita catatkan kegunaan tanah itu 4, mungkin ditambah menjadi 5 ataupun 6 dan seterusnya, sebab barangkali pemilik hendak menggunakan tanahnya untuk perniagaan ataupun pemilik hendak menggunakan tanahnya untuk membuat pondok dan bermacam-macam lagi, sebab kegunaan tanah itu banyak, jadi memanglah merumit dan mengelirukan. Oleh itu dengan adanya pindaan Fasal 3, Seksyen 52 ini kegunaannya daripada 4 kepada 3 ini sebagaimana yang saya difahamkan dan ketahui telah berbalik kepada yang asal dahulu.

Pada pendapat saya ini adalah satu pindaan yang Sesuai dan boleh memenuhi kehendak-kehendak kegunaan tanah sama ada pemiliknya bagi tujuan pembangunan ataupun

perusahaan dan perniagaan, kerana dalam milik hak tanah itu ada ruang untuk menyatakan syarat-syarat nyata yang boleh menentukan khusus yang hendak dibangunkan bagi kegunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ini sekarang terdapat banyak saiz tanah ataupun bentuk-bentuk tanah yang satu ekar atau kurang telah pun dimiliki oleh beberapa orang. Kalaupun sekeping tanah itu seluas satu ekar dimiliki oleh empat orang sudah tentu tidak ekonomi bagi mereka. Apa lagilah kalau sekeping tanah yang seluas seekar itu hendak ditukar nama kepada empat orang lagi, lagi tidak ekonomik, mungkinlah sebabnya Kerajaan tidak membenarkan tanah yang satu ekar itu ditukarkan nama kepada 4 orang kerana tidak ekonomik kegunaannya. Jadi dengan adanya undang-undang Fasal 24 pindaan Seksyen 205 Kanun ini, pada pendapat saya adalah memberi kelonggaran untuk tanah yang satu ekar itu boleh ditukar nama, walaupun hanya kepada satu orang sahaja. Jadi Rang Undang-undang ini adalah memberi peluang kepada salah seorang daripada mereka itu memiliki tanah itu, dan ini boleh menyelesaikan tentang masalah-masalah penukaran nama tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Fasal 6 bertujuan memansuhkan Seksyen 77A Kanun Yang memperuntukkan pemberimilikan tanah baru di bawah hak milik Pejabat Tanah sahaja. Sebelum pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan pada hari ini, pentadbiran tanah yang saya tahu ialah terbahagi kepada dua jenis sahaja:

- (i) mereka yang memiliki tanah dalam bandar dan tanah desa yang melebihi 10 ekar pendaftarannya adalah dibuat di Ibu Pejabat Tanah negeri; dan

- (ii) mereka yang memiliki tanah-tanah kampung sama ada jenis tanah pertanian atau lainnya yang kurang daripada 10 ekar pendaftarannya dibuat di Pejabat-pejabat Tanah ataupun di Pejabat-pejabat Tanah Daerah sahaja.

Jadi sekarang ini telah berjalan semenjak beberapa lama dahulu hinggalah ke hari ini, tetapi dalam mesyuarat tahun yang lepas, kalau tidak salah bulan April, 1984 telah dipinda supaya pentadbiran pemberi milik tanah itu diwujudkan kepada Pejabat Tanah Daerah sahaja. Ini tentulah merumitkan pentadbiran tanah kerana pentadbiran yang dahulu telah dapat membahagi-bahagikan tugas dan jenis-jenis tanah yang dimiliki oleh rakyat. Jadi pindaan yang dibuat pada hari ini ialah untuk membolehkan semula pentadbiran Pejabat Tanah berhubung dengan pemberi hakmilik tanah dibuat kepada dua cara seperti yang telah berjalan beberapa lama dahulu. Sistem ini memanglah baik kerana cara yang telah dijalankan itu akan lebih melicinkan lagi berhubung dengan pemberi hakmilik tanah kepada rakyat. Demikian juga rakyat tidak menyusahkan pula kerana mereka telah biasa dengan cara pentadbiran yang lalu sementelahan pula sebilangan kecil rakyat sahaja yang ada mempunyai tanah-tanah yang lebih 10 ekar untuk menguruskan ke Pejabat Pendaftar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Fasal 7, bertujuan meminda Seksyen 80 Kanun dengan memperuntukkan bahawa jikalau butir-butir hasil yang dinyatakan di bawah Seksyen 81 tidak dibayar, maka kelulusan pemberimilikan akan luput.

Sebagaimana yang saya tahu bahawa setiap rakyat yang memohon tanah di bawah undang-undang lama yang telah diluluskan permohonannya itu

kalaulah mereka itu telah membayar segala bayaran-bayaran yang dituntut dan diperlukan. Jadi dengan adanya pindaan Rang Undang-undang yang baru ini maka rakyat tidak diperlukan lagi membayar tambahan kerana mereka itu sudah ada akuan kelulusan memiliki tanah itu. Jadi, ini satu kebaikan dan keadilan kepada rakyat.

Dengan pindaan yang baru ini juga saya berpendapat Kerajaan kita menggalakkan rakyat yang telah mempunyai kelulusan tanah-tanah mereka untuk lebih berminat lagi kepada mendapatkan hakmilik yang baru, di samping mengerjakan dan memajukan tanah-tanah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 180 dengan membuat pindaan-pindaan susulan kepada subseksyen (1) dan dengan memotong proviso kepada subseksyen (2) berhubung dengan sijil oleh Lembaga Juru Ukur Tanah jika kerja-kerja pengukuran akan dibuat oleh Juru Ukur yang berlesen. Pada masa yang sudah-sudah ini seseorang pemohon tanah kepada Kerajaan, pemohon terpaksa membayar bukan sahaja bayaran premium, bayaran batu dan lain-lain, tetapi juga termasuk bayaran ukuran sekali dan pihak Kerajaan kita akan menguruskan segala-galanya termasuk soal pengukuran sempadan- sempadan tanah dan menanam batu-batu sempadan. Oleh kerana ramai pemohon-pemohon tanah dan Kerajaan mengalami kekurangan barangkali pegawai-pegawai, maka kerja-kerja pengukuran tanah itu lambat dijalankan, oleh itu masalah tanah lambat diselesaikan sebab segala-galanya itu terbeban kepada Kerajaan. Oleh itu, dengan adanya Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 180 Kanun ini, maka kerja-kerja pengukuran tanah tidak lagi dijalankan oleh Kerajaan dan dibuat oleh Juru Ukur Berlesen, maka ini akan

mengurangkan beban Kerajaan dan tuan-tuan tanah boleh menguruskan sendiri mendapatkan Juru Ukur Berlesen bagi mengukur tanah itu sendiri. Ini menolong rakyat menyelesaikan tanahnya masing-masing dan rakyat tidak merungut seperti yang sudah-sudah ini menyatakan Kerajaan lambat mengukur tanahnya masing-masing sedangkan bayaran telah lama dibuat.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi masalah tanah ini satu masalah yang rumit kerana bermacam-macam jenis tanah ada dalam negara kita ini dan ada di antara satu negeri dengan negeri yang lain itu mengandungi beberapa perbezaan yang tidak sama cara dan pentadbirannya, maka menjadikan beberapa kerumitan. Kadang-kadang dalam soal mendapatkan geran tanah, pemilik-pemilik geran lambat mendapat geran masing-masing, ini kerana kerja-kerja yang rumit dan masalah kakitangan pejabat. Oleh itu, saya suka buat pandangan untuk mengesyorkan kepada Kerajaan supaya penulisan geran ini pun kita berikan kepada penulisan geran berlesen. Penulisan geran berlesen ini yang mana tugas-tugasnya untuk mendapat dan menulis geran-geran tanah. Kerajaan hendaklah memberikan tauliah kepada mereka itu berikan lesen untuk menuliskan geran-geran tanah ini dan didaftarkan di Pejabat-pejabat Tanah. Kalau Juru Ukur Tanah boleh kita adakan sebagai Juru Ukur Berlesen, maka untuk mendapatkan geran tanah ini juga saya fikir kita boleh mengadakan penulisan geran berlesen untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah tersebut dan ,pemilik tanah boleh cepat mendapatkan geran tanahnya masing-masing. Barangkali kita boleh memberikan tugas ini untuk percubaan dahulu kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri

misalnya dan lain-lain pihak untuk menuliskan geran-geran tanah di tiap-tiap negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hanya setakat itu yang dapat -saya berikan pandangan dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap? Kalau tidak ada, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.15 ptg.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberikan dalam perbahasan oleh Tuan Jaafar Harun, bahawasanya masalah kategori tanah seperti yang saya sebutkan tadi asalnya daripada 3 dan dicadangkan kepada 4, kemudian dibawa balik kepada 3. Ini adalah hasil daripada yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi satu Jawatankuasa Petugas yang telah dibentuk selepas pindaan pada tahun 1984 itu di mana Jawatankuasa ini mengkaji implikasi-implikasi pindaan-pindaan tersebut dari segi pelaksanaannya bagi mengesan dan menentukan peruntukan-peruntukan yang mempunyai masalah untuk dikuatkuasakan serta-merta ataupun syor-syor untuk meminda semula dan sebagainya. Ini adalah satu kes antara kes-kes yang banyak yang mana kita terpaksa bawa keadaan asal kerana tujuan Jawatankuasa menyelaraskan pindaan dahulu ialah dengan niat untuk melicinkan lagi pentadbiran tanah dengan memperuntukkan satu lagi kategori, terutama sekali dari segi kategori bangunan ini dibahagikan kepada 2, iaitu commercial dan kediaman. Oleh kerana walaupun ia menyelesaikan masalah pentadbiran yang sedikit, tetapi memerlukan

pindaan yang begitu "extensive", yang banyak, maka telah diputuskan untuk ditarik balik.

Masalah seksyen 205 di mana peruntukan ini ialah bagi menentukan bahawa lot-lot pertanian tidak boleh kurang daripada 2/5 hektar atau 1 ekar untuk dimiliki oleh seseorang. Ini ialah tujuan jangka panjang dan langkah pertama untuk mengatasi masalah fragmentasi yang rata-rata berlaku di kalangan tanah-tanah orang Melayu di luar bandar hingga akhirnya agensi-agensi seperti RISDA menghadapi pemulihan tanah-tanah pekebun kecil yang rata-rata hitung panjang nasionalnya 2.4 ekar bagi satu keluarga yang tidak mampu kalau ditanam dengan getah untuk menampung satu keluarga, apatah lagi kalau ada peruntukan-peruntukan yang longgar yang boleh diurusniagakan tanah ini bagi dipecahbagagikan kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil.

Dalam pada itu, seksyen 205 ini tidak pula menyekat dari segi "transmission" ataupun penurunan kuasa hasil daripada bicara kuasa yang diperuntukkan dalam Small Estate Distribution Ordinance, di mana peruntukan-peruntukan membahagi mengikut faraid dibolehkan. Tetapi dalam hal ini kita memang sebenarnya kalau boleh menggalakkan waris-waris membahagikan dalam nilai wang daripada nilai tanah itu sendiri kerana sudah ada panduan fatwa bagi Pejabat-pejabat Tanah bahawa yang difaraidkan tidak semestinya tanah, tetapi juga boleh bentuk-bentuk lain yang sama nilainya dengan tanah, seperti wang atau sebagainya. Maka seksyen 205 ini memanglah niatnya baik, iaitu untuk menyekat pemecahan tanah yang lebih kecil yang tidak ekonomik, tetapi dalam pada itu mengambil kira juga masalah-masalah semasa di mana adanya bicara kuasa oleh orang-orang kampung dan sentimen mentality land holding itu amat kuat sehingga walaupun agaknya

akhirnya dia memiliki hanya sebatang pokok kelapa diberikan 10 orang adik beradik dia hendak juga memiliki sebatang pokok kelapa itu. Mentality ini kita sedar ada dan itulah sebabnya kita khususnya kepada satu ekar tanah-pertanian dahulu dan mungkin agaknya 50 tahun kemudian atau tahun 2,000 mungkin diperluaskan kepada sekurang-kurangnya 5 atau 10 ekar satu economic holding sebagai asas tidak menggalakkan pemecahan tanah.

Masalah pemberian hak milik, masalah hasil dan juga masalah juruukur dan cadangan yang baik, saya rasa ialah penulisan geran berlesen. Ini satu perkara yang baru yang saya terima tetapi yang lain-lain itu ialah seperti, misalnya masalah juruukur tanah ini ialah untuk mempercepatkan lagi pentadbiran tanah.

Pada hari ini tanah-tanah pemberian Kerajaan selalunya diukur oleh Juruukur Kerajaan. Tetapi kita memperuntukkan juga bahawa kalau tuan tanah ini hendak cepat dapat geran terutama sekali dari segi hakmilik tetap (final title) maka tuannya tanah itu tidak payah menunggu Juruukur Kerajaan untuk mengukur tanah bagi mendapatkan geran secepat mungkin. Dia boleh memakai juruukur berlesen untuk mengukur supaya dapat dipercepatkan proses ini.

Dalam peruntukan undang-undang ini, tidak ada memperuntukkan yang boleh mempercepatkan atau boleh dikira bahawa bayaran itu sudah dibuat maka bolehlah dikeluarkan hakmilik dengan serta-merta, kerana mengikut peraturan yang telah dibuat di mana Majlis Juruukur Negara ini diperuntukkan di mana pemilik-pemilik tanah boleh bayar duit ataupun bayaran (fees) ini kepada Majlis Ukur Negara supaya dengan sendirinya pembayaran mereka itu terjamin oleh satu majlis yang diakui oleh Kerajaan kalau apa-apa berlaku

kepada juruukur berlesen ini. Jadi, peruntukan am ini dapat membantu dari segi mempercepatkan lagi proses pentadbiran tanah terutama sekali dalam masalah pengeluaran hakmilik.

Ini adalah satu cadangan yang baik, iaitu penulisan geran berlesen. Sungguhpun ini satu perkara baru tetapi ia hanya membawa balik kepada cara pentadbiran tanah sebelum Merdeka, iaitu di mana kita menggunakan conveyancing, satu sistem yang dilakukan oleh British di mana masalah tanah atau urusbeli dan urusan tanah tidak ada kaitan dengan Pejabat Tanah, hanya dia bertumpu kepada keperluan undang-undang, berhadapan dengan peguam ataupun mereka yang ditauliahkan oleh pihak berkuasa untuk menyaksikan urusan tanah itu—itu dipanggil sistem conveyancing.

Kita sebenarnya telah beralih daripada Sistem Conveyancing itu kepada sistem Torrens di mana kita mesti ada pendaftaran pusat (central registry) untuk menentukan bahawa tanah-tanah itu ataupun segala urusan tanah itu dapat ditepati dari segi aspirasi negara terutama sekali dari segi Dasar Ekonomi Baru, apatah lagi dari segi memelihara hakmilik Tanah Rizab Melayu dan sebagainya. Hanya dengan central system atau system Torrens ini dapat kita mengawal bahawa tanah-tanah hak Melayu tidak tergadai ataupun tanah-tanah orang miskin tidak terlepas kepada orang kaya dengan adanya beberapa sekatan-sekatan tertentu terutama sekali menerusi sistem Torrens ini.

Saya yakin kalau misalnya, kita adakan penulisan geran berlesen dan sebagainya, kita akan menuju kepada sistem dahulu yang kini masih diamalkan di England dan ini mungkin agaknya setelah rakyat cukup maju untuk tidak lagi memerlukan kawalan oleh pejabat-pejabat Kerajaan seperti

Pejabat Tanah dalam urusan tanah ini, maka bolehlah agaknya kemudian dalam tahun 2,000 sistem ini dikenalkan kembali di mana rakyat yang berkepentingan antara dua pihak hendak jual-beli tanah, bawa ini di hadapan lawyer, diselesaikan, dan ini tidak perlu dibawa atau didaftarkan kepada central registry. Ini ialah futuristic yang boleh difikirkan kemudian tetapi pandangan-pandangan ini agaknya menarik sebagai sepintas lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun atas perhatiannya dan saya yakin walaupun tidak ada pandangan-pandangan lain, ini tidak bermakna bahawa pandangan berat tidak diberikan oleh Dewan yang mulia ini, kerana saya percaya bahawa pindaan-pindaan ini wajar maka pandangan-pandangan itu tidak perlu. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK-STRATA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5-27 *ptg.*

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya . mohon mencadangkan bahawa suatu Kang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk memudahkan pecah bahagian bangunan kepada petak-petak dan pelupusan hakmilik-hakmilik dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira setahun yang lalu di Dewan yang mulia ini, sebuah Rang Undang-undang telah dibentangkan bagi meminda Kanun Tanah Negara Akta 56 tahun 1965. Syor bagi meminda Kanun tersebut telah diperakukan oleh Jawatankuasa Penyemakan Kanun Tanah Negara yang telah dibentuk oleh Jawatankuasa Perhubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam tahun 1980. Rang Undang-undang yang dibentangkan itu telah mendapat sambutan di semua peringkat dan diluluskan sebulat suara. Kalaulah dapat saya menyingkap kembali akan asas-asas perakuan kepada pindaan-pindaan tersebut maka ianya bekisar ke arah melahirkan sebuah Undang-undang Tanah yang berorientasikan pernbangunan semasa di mana melaluinya Kerajaan dapat melaksanakan dengan berkesan beberapa objektif dasar sosio-ekonomi negara dengan sistem dan prosedur yang teratur dan mudah. Senafas dan senada dengan itu, Jawatankuasa Penyemakan tersebut telah juga mengesyorkan supaya sebuah Undang-undang yang berasingan digubal

berhubung dengan urusan pecah bahagian bangunan berbilang tingkat dan pengeluaran hakmilik berasingan yang kini dikenali sebagai hakmilik strata. Dengan penggubalan Rang Undang-undang hakmilik strata ini adalah diharapkan perundangan tanah akan melangkah setapak lagi ke arah pembaharuan dalam usaha-usaha bagi memperlengkapkan bidangnya untuk menyambut cabaran pembangunan. Kelahiran Rang Undang-undang ini merupakan satu usaha ke arah memperluaskan skop pecah bahagian bangunan yang sedia kedapatan di dalam Kanun Tanah Negara sejak ianya dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1966.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan-peruntukan mengenai pecah bahagian bangunan berbilang tingkat bagi mengeluarkan hakmilik berasingan telah sedia ada di dalam Kanun Tanah Negara tetapi tidak ramai di kalangan awam yang menyedari akan kewujudannya. Hakikat ini jelas terbukti dengan adanya anggapan-anggapan dan rungutan-rungutan yang menyatakan bahawa hakmilik pecahan bagi petak-petak bangunan berbilang tingkat tidak dapat dikeluarkan sekarang kerana tidak mempunyai peruntukan undang-undang. Keadaan sedemikian, mungkin timbul kerana aspek pecah bahagian bangunan dan konsep perbadanan pengurusan adalah merupakan perkara-perkara yang jarang ditemui. Di samping itu, peruntukan-peruntukan mengenai perkara ini terselit di beberapa bahagian, bab dan jadual di dalam Kanun Tanah Negara. Keadaan ini menyulitkan rujukan dan pemahaman.

Walau apapun keadaan-keadaan yang dinyatakan itu, Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang merangsangkan hasrat untuk menggubal Rang Undang-undang ini ialah kelemahan-kelemahan dan

kekurangan-kekurangan peruntukan-peruntukan itu sendiri. Kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang dimaksudkan itu tidak memungkinkan ianya menghadapi perkembangan yang pesat dalam pembinaan bangunan berbilang tingkat sebagai ciri-ciri lumrah di zaman ini. Tidaklah dinafikan bahawa kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan peruntukan tersebut dapat diatasi dengan meminda Kanun Tanah Negara. Jika ini dilakukan maka ianya akan melibatkan rombakan dan pengubahsuaian yang besar ke atas komposisi Kanun Tanah tersebut. Kalaulah dalam keadaan sekarang pun terdapat kesulitan dan kekeliruan dalam rujukan dan pemahaman peruntukan-peruntukan yang sedia ada, maka tentunya pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan itu akan menambahkan masalah. Justeru adalah difikirkan wajar sebuah undang-undang khas yang berasingan diwujudkan berhubung dengan pengurusan bangunan-bangunan berbilang tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya usaha-usaha penelitian dan penggubalan Rang Undang-undang ini telah dimulakan sejak tahun 1981 lagi dan telah melalui pertimbangan yang sewajarnya di berbagai peringkat. Usaha-usaha ini telah menarik minat dan sokongan berbagai pihak. Pertimbangan-pertimbangan yang ikhlas dan sewajarnya telah dibuat ke atas usul-usul dan pandangan-pandangan yang dikemukakan.

Selain dari mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Penyemakan dan Persidangan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri turut juga diambil kira semua pandangan dan teguran yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang berminat dan berkepentingan. Pihak-pihak ini termasuklah Kementerian Perumahan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan

Malaysia. Persatuan Jurukur-jurukur Malaysia, Majlis Peguam dan individu-individu yang menyumbangkan pendapat. Pihak-pihak swasta yang disebutkan itu telah dibawa berbincang bersesuaian dengan hasrat dan semangat persyarikatan Malaysia. Rang Undang-undang ini akhirnya diluluskan secara sebulat suara oleh Majlis Tanah Negara di mesyuaratnya yang ke 39 pada 23hb Februari, 1985 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menggubal' Rang Undang-undang ini beberapa undang-undang berkaitan di negara-negara lain seperti di Singapura dan New South Wales, Australia telah turut dikaji. Beberapa konsep baharu yang praktikal dan sesuai dengan persekitaran Malaysia telah dikesan dan diteliti. Konsep-konsep baru tersebut seperti blok provisional dan petak aksesori (provisional blocks and accessory parcels) telah diserapkan di dalam Rang Undang-undang. Walau bagaimanapun, konsep pecah bahagian bangunan sebagaimana yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara sekarang terus dikekalkan bagi mempertahankan ciri-ciri asal Kanun tersebut sebagai undang-undang tanah utama negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hakmilik Strata 1985 iui diperbuat bagi mewujudkan sebuah undang-undang berasingan untuk hakmilik strata dan memansuhkan serta meminda peruntukan-peruntukan berhubung dengan pecah bahagian bangunan dan pendaftaran hakmilik pecahan di dalam Kanun Tanah Negara. Rang Undang-undang baru ini pada hakikatnya mengandungi peruntukan-peruntukan yang diambil dari Kanun Tanah Negara dengan tambahan-tambahan dan pindaan-pindaan tertentu yang bermatlamat untuk mengatasi kekurangan-kekurangan dan memperkemaskan prosedur-prosedur pemerosesan

permohonan hakmilik strata dan pengurusan bangunan berbilang tingkat.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini mengandungi 83 fasal yang terkandung di dalam 10 bahagian. Di bahagian akhirnya terdapat empat jadual yang mengandungi Borang-borang dan peruntukan-peruntukan mengenai Perbadanan Pengurusan, Undang-undang Kecil dan Peraturan-peraturan serta diikuti dengan fasal mengenai pemansuhan dan pindaan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu panjang untuk saya menghuraikan satu persatu fasal-fasal yang disebutkan di atas. Penjelasan terperinci bagi setiap fasal tersebut adalah sebagaimana yang terkandung dalam huraian yang dilampirkan bersama-sama Rang Undang-undang ini. Oleh yang demikian, izinkanlah saya menyentuh sebahagian daripada peruntukan-peruntukan penting yang diutarakan dalam Rang Undang-undang Hakmilik Strata ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu para pentadbir tanah dan orang awam perlu menyemak Kanun Tanah Negara bagi merujuk peruntukan-peruntukan mengenai pecah bahagian bangunan yang terselit di merata bahagian, bab dan jadual; kini Rang Undang-undang ini mempermudahkannya dengan fasal-fasal yang tersusun dan lebih sistematik. Walaupun ianya sebuah perundangan baru namun pentafsiran dan penguatkuasaanya tidak harus menimbulkan masalah, kerana konsep asas mengenai pecah bahagian bangunan terus diperuntukkan dan pertahankan. Oleh kerana itulah maka fasal 5 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa ianya seolah-olah sebahagian dari Kanun Tanah Negara itu sendiri.

Bahagian II kepada Rang Undang-undang ini menggariskan prosedur-prosedur yang jelas berhubung dengan permohonan pecah bahagian bangunan, segala keperluan dan syarat-syarat permohonan diperuntukkan dengan nyata. Permohonan-permohonan yang menepati keperluan dan syarat tersebut akan diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Kalau dahulu permohonan akan dikurniakan dengan hakmilik-hakmilik pecahan atau, dengan izin, subsidiary titles kini ianya dikenali sebagai hakmilik strata.

Prosedur-prosedur mengenai pendaftaran dan pengeluaran hakmilik hakmilik strata ini diperuntukkan di dalam Bahagian III kepada Rang Undang-undang. Apabila sahaja buku daftar hakmilik strata dibuka, maka secara automatik akan wujudlah Perbadanan, Pengurusan, atau dengan izin, Management Corporation. Dengan nama sebagaimana yang dikemukakan oleh tuanpunya tanah, semua pemilik-pemilik petak adalah ahli Perbadanan Pengurusan ini.

Serentak dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, semua harta bersama bagi skim strata berkenaan akan terletak hak kepada Perbadanan Pengurusan ini. Sebagai badan yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan skim strata berkenaan, Perbadanan Pengurusan tersebut mempunyai kedudukan yang istimewa di mana ianya wujud dengan, kuatkuasa Rang Undang-undang ini tanpa perlu didaftarkan dengan pihak Pendaftar Pertubuhan. Walaupun begitu, kuasa, peranan dan tanggungjawabnya diperuntukkan dengan nyata dan terperinci di dalam Bahagian VII dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan peruntukan Kanun Tanah Negara bukan sahaja dari sudut

tatacara dan prosedur pelaksanaan tetapi juga kekurangan kemudahan bagi melaksanakan konsep-konsep baru bangunan berbilang tingkat. Peruntukan-peruntukan khas seperti petak aksesori dan blok provisional telah digabungkan di dalam Rang Undang-undang ini bagi memenuhi tuntutan pembaharuan. Petak aksesori adalah istilah yang digunakan bagi petak-petak yang digunakan bersama-sama dengan petak yang di diami tetapi terletak di luar petak berkenaan ataupun di luar dari bangunan berkenaan, seperti tempat letak kereta, setor, tempat kediaman orang gaji dan sebagainya. Terdapat banyak bangunan-bangunan bertingkat sekarang yang diperlengkapkan dengan petak-petak letak kereta khas untuk petak-petak kediaman masing-masing, tetapi ianya tidak digambarkan dalam hakmilik pecahan. Catatan mengenainya tidak dibuat dalam dokumen hakmilik pecahan kerana tidak ada peruntukan sedemikian di dalam perundangan sekarang. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kedapatan pula keadaan di mana penghuni terpaksa menyewa petak-petak letak kereta yang mungkin akan membebankan mereka.

Sesuai dengan ciri-ciri bangunan moden yang diperlengkapkan dengan berbagai-bagai kemudahan, maka Rang Undang-undang ini memperuntukkan supaya petak-petak aksesori itu dianggap sebagai sebahagian dari petak kediaman. Catatan mengenai petak aksesori, jikalau ada, akan dibuat atas dokumen hakmilik strata bagi petak kediaman yang berkenaan. Adalah disyaratkan di bawah Fasal 69 bahawa sebarang pindahmilik ke atas petak-petak kediaman akan melibatkan juga petak aksesori bagi petak kediaman tersebut. Petak aksesori tidak boleh diurusniagakan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV digubal khas untuk membolehkan

pembangunan berperingkat dengan menerapkan konsep baru blok provisional, atau provisional block, dengan izin. Peruntukan yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negara menentukan supaya sesebuah skim strata itu perlu disiapkan terlebih dahulu sebelum dipecah bahagian. Dalam ertikata yang lain, kalau sesuatu skim itu mengandungi banyak bangunan, maka pemaju tersebut perlu menyiapkan semua bangunan tersebut sebelum membuat permohonan pecah bahagian bangunan. Di dalam konsep sekarang telah banyak dirancangkan skim-skim strata berbagai bentuk seperti kondominium di mana kepadatan beberapa bangunan bertingkat yang menggunakan kemudahan-kemudahan awam di dalam satu kawasan yang sama. Untuk menyiapkan kesemua bangunan tersebut, pemaju mungkin menghadapi masalah kewangan. Keadaan timbul di mana pemaju perlu menjualkan bangunan-bangunan yang telah siap untuk mendapatkan tambahan modal pusingan bagi pembinaan bangunan dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, sering kedengaran rungutan-rungutan orang ramai yang telah memasuki bangunan-bangunan tersebut tetapi belum mendapat hakmilik masing-masing. Mengikut peruntukan sekarang, pemaju diwajibkan memohon bagi mendapatkan hakmilik pecahan dalam tempoh yang ditetapkan, sama ada 6 bulan dari tarikh perjanjian penjualan petak-petak dalam bangunan itu, ataupun 6 bulan dah tarikh kuatkuasa Seksyen 151A yang diwajibkan permohonan dibuat.

Di pihak pemaju pula, permohonan pecah bahagian bangunan tidak dapat dikemukakan sebelum semua bangunan dalam skim berkenaan siap dibina. Dalam keadaan ini, kedua-dua pihak akan menghadapi masalah. Bagi

mengatasi masalah itu peruntukan-peruntukan mengenai pembangunan berperingkat (atau dengan izin, phased development) diadakan di dalam Rang Undang-undang ini dengan memperkenalkan konsep blok provisional.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan ini diadakan sedemikian rupa bukan sekadar membolehkan pembangunan berperingkat, tetapi yang lebih penting ialah menentukan dan mengawal hak-hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak yang terlibat. Ianya, membolehkan dan menggalakkan pembinaan skim-skim komprehensif yang mempunyai bangunan-bangunan bertingkat bentuk kondominium yang sesuai dengan aspirasi kejiranan dan muhibah.

Mengikut peruntukan ini, bangunan-bangunan yang belum siap akan dikeluarkan hakmilik "provisional" yang tidak boleh diurusniagakan. Apabila pembinaan siap kelak, pemilik yang berdaftar boleh membuat permohonan untuk hakmilik strata berasingan bagi petak-petak yang telah siap. Seterusnya, tindakan sewajarnya akan diambil oleh Pendaftar untuk mengubahsuaikan buku daftar strata, mendaftarkan hakmilik-hakmilik strata kepada petak-petak yang siap dan mengeluarkan kepada pemilik tersebut. Pemilik-pemilik itu kemudiannya akan memindah milik petak-petak berkenaan kepada pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal bangunan-bangunan berbilang tingkat kos rendah, undang-undang sekarang tidak membezakan di antara bangunan berbilang tingkat yang bukan kos rendah dengan bangunan bertingkat kos rendah. Setelah bangunan yang berkenaan dipecah bahagian, Perbadanan Pengurusan diwujudkan secara automatik dan perbadanan ini dianggotai oleh

pemilik-pemilik petak yang dipertanggungjawabkan dengan tugas pentadbiran dan pengurusan bangunan tersebut.

Masalah kegagalan Perbadanan Pengurusan melaksanakan tanggungjawabnya sering dihadapi. Masaah ini lebih ketara bagi bangunan-bangunan bertingkat kos rendah, kerana pemilik-pemilik petak yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah kurang berkeupayaan dan tidak berpengalaman dalam aspek pengawalan dan pengurusan sebuah organisasi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Sembilan Rang Undang-undang ini diadakan khas untuk mengatasi masalah ini. Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk mengklasifikasikan sesebuah bangunan itu sebagai bangunan kos rendah berasaskan kepada faktor-faktor seperti lokasi, keadaan pembinaan dan kos pembinaannya.

Sebelum semua petak-petak dijual, tuannya asal bangunan berkenaan bertanggungjawab memainkan peranan pengurusan ke atas bangunan tersebut. Setelah semua petak telah dipindah milik oleh tuannya asal atau, dengan izin, "original proprietor" dengan Perbadanan Pengurusan tertubuh, maka penghuni-penghuni diberi pilihan untuk memutuskan sama ada mahu meneruskan tanggungjawab mereka menerusi Sebuah Perbadanan Pengurusan atau meminta Pihak Berkuasa Negeri melantik seorang Pentadbir atau sebuah badan asing bagi mengambil alih kuasa, tanggungjawab dan peranan Perbadanan Pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Lima, Enam dan Lapan Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan-peruntukan bagi memudahkan urusan-urusan pihak pemilik petak-petak skim strata. Bahagian Lima menentukan

hak dan peraturan bagi memecah petak-petak dan penyatuan petak-petak yang berdampingan. Bagi mengelakkan pertikaian dan menyenangkan pengurusan, Bahagian Enam menggariskan hak-hak dan tanggungjawab semua tuannya petak. Di dalam keadaan di masa bangunan tersebut telah termusnah atau akan diruntuhkan ataupun bilamana semua petak-petak di dalam bangunan itu dimiliki oleh seorang tuannya sahaja.

Bahagian Lapan mengadakan peruntukan bagi menamatkan pecah bahagian bangunan. Tanah tersebut seterusnya akan terletak hak kepada Perbadanan Pengurusan dan hak bekas pemilik petak adalah dijamin berasaskan nilai unit syer yang telah pun ditetapkan apabila hakmilik strata didaftarkan dahulu. Nilai unit syer inilah yang menentukan hak-hak dan tanggungjawab setiap pemilik petak atau ahli Perbadanan Pengurusan dalam segala perkara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Sepuluh memperlengkapkan Rang Undang-undang ini dengan peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan sekatan-sekatan terhadap urusan-urusan, pengeluaran hakmilik sambungan, masalah-masalah tindakan undang-undang dan seterusnya kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam membuat kaedah-kaedah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. Semua peruntukan-peruntukan ini diadakan bagi membendung kemungkinan timbulnya pertikaian di kalangan pihak-pihak yang terlibat, dan andainya pertikaian tidak dapat dielakkan, maka penyelesaian perundangan akan menentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan adalah sesuatu yang ditempa dan bukanlah sesuatu yang mahu dihindari. Dalam konteks ini, kepesatan kemunculan bangunan-bangunan

berbilang tingkat adalah suatu fenomena lumrah yang tidak dapat dielakkan. Hakikat ini menimbulkan keperluan kepada suatu sistem pengurusan dan pentadbiran yang lengkap dan kemas. Peruntukan-peruntukan pecah bahagian bangunan di dalam Kanun Tanah Negara yang wujud lebih lapan belas tahun yang lalu, tidak lagi berupaya menampung keperluan ini.

Di samping kekurangan dan kelemahan-kelemahan peruntukan tersebut, kewujudannya di dalam Kanun Tanah Negara juga sukar dirujuk. Tambahan-tambahan peruntukan baru dan pindaan-pindaan kepada peruntukan-peruntukan tersebut akan menyulitkan lagi rujukan dan pemahaman bukan sahaja di kalangan awam tetapi juga di kalangan Pentadbir-pentadbir Tanah. Oleh yang demikian, wajarlah sebuah undang-undang yang berasingan diwujudkan berhubung dengan hakmilik strata.

Dengan perakuan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memudahkan pecah bahagian bangunan kepada petak-petak dan pelupusan hakmilik-hakmilik dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bcrsidang sebagai Jawatankuasa

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 83 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Keempat diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Uli): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah termaklum bahawa Dewan ini telah meluluskan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 pada bulan Februari 1980 yang bertujuan untuk menubuhkan Majlis Peperiksaan Malaysia. Fungsi utama Majlis ini ialah untuk mengendalikan peperiksaan STPM iaitu satu peperiksaan menggantikan Higher

School Certificate, dengan izin, yang dikelola dan ditadbirkan oleh Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge.

Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang berkuatkuasa sekarang telah digubal sewaktu Majlis Peperiksaan Malaysia belum lagi menjalankan tugas-tugasnya. Pada ketika itu kehendak-kehendak sebenar Majlis tersebut belum diketahui sepenuhnya. Oleh itu apa yang telah dibuat pada masa itu ialah merujuk kepada badan-badan peperiksaan yang mempunyai fungsi eakan-akan sama apabila menentukan kehendak-kehendak Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan badan-badan peperiksaan yang dirujuk itu adalah dari konteks negara-negara luar. Sehingga kini Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengendalikan tiga peperiksaan STPM iaitu pada tahun 1982, 1983 dan 1984. Dalam bidang penggubalan kertas soalan, pada tahun 1982 cuma 18 kertas soalan sahaja telah dibenarnya sendiri dan kini telah meningkat kepada 46 kertas soalan. Ini menunjukkan peningkatan tanggungjawab yang amat besar untuk dipikul oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Dalam melaksanakan kesemua tanggungjawab ini, banyak pengalaman telah diperolehi. Hasil dari pengalaman Majlis ini membuktikan bahawa kelicinan dan kecekapan jentera pentadbiran boleh terjejas kerana adanya beberapa kelemahan dalam pembekalan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang berkuatkuasa sekarang. Ini berikutan dengan peristiwa kebocoran kertas soalan STPM pada tahun 1983. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kelemahan-kelemahan ini boleh menjejaskan keselamatan dan keesahan peperiksaan STPM itu sendiri jika kelemahan-kelemahan tersebut tidak diatasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah dibuat dan di antaranya termasuklah penyemakan semula peruntukan atau perbekalan dalam Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dengan memberi perhatian khusus kepada pemeliharaan keselamatan peperiksaan. Hasil dari kajian ini adalah diperakukan bahawa beberapa seksyen dalam Akta tersebut hendaklah dipinda di samping mewujudkan beberapa peruntukan tambahan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada sekarang. Pindaan dan tambahan ini menyentuh empat bidang iaitu yang berkaitan dengan takrif, keselamatan dan pengurusan dan fungsi Majlis dan juga perkara-perkara yang ada kaitannya dengan faedah pendidikan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya seterusnya mengulas dan menjelaskan tambahan dan pindaan utama yang dibuat dalam Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980.

Takrif mengenai "rekod", dengan izin ialah satu takrif yang baru yang ditambah pada seksyen 2 dalam Akta ini. Tambahan ini khas diadakan untuk memelihara bahan-bahan sulit yang digunakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dalam urusannya menggubal kertas-kertas soalan. Takrif draf atau salinan tidak lagi mencukupi untuk merangkumi bahan-bahan sulit, terutama di zaman-zaman teknologi moden sekarang. Kini Majlis menggunakan bahan-bahan seperti pita dan mikrofilem untuk menyimpan maklumat-maklumat sulitnya dan orang ramai boleh menggunakan berbagai kaedah untuk melakukan penyelewengan. Oleh itu, rekod hendaklah ditakrifkan supaya meliputi semua bahan yang digunakan iaitu maklumat dalam apa jua bentuk di atas apa-apa bahan, benda, artikel atau apa barang pun sama ada kekal ataupun sementara. Takrif baru ini apabila dikaitkan dengan tambahan dalam

seksyen 28 akan mengukuhkan lagi peruntukan Akta Majlis ini.

Perkara kedua ialah pindaan kepada perbekalan dalam seksyen 4 (1) Akta sekarang. Pindaan ini diadakan untuk membolehkan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dan Ketua Pengerah Pelajaran Malaysia diwakili dalam mesyuarat Majlis Peperiksaan Malaysia. Mengikut peraturan sekarang mereka tidak boleh diwakili langsung oleh sesiapa sekiranya mereka tidak dapat hadir di mesyuarat-mesyuarat Majlis itu. Dengan peruntukan tambahan ini adalah dijangkakan bukan sahaja Kementerian Pelajaran tidak kerugian kerana tidak diwakili dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis itu tetapi juga pengurusan tugas-tugas Majlis dapat dikendalikan dengan licin dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, butiran 12A (1) merupakan satu seksyen kecil baru dan tambahan ini juga bertujuan untuk membolehkan Majlis Peperiksaan Malaysia mengendalikan fungsi-fungsinya berterusan tanpa apa-apa rintangan. Disebabkan perkembangan yang begitu pesat dan peningkatan beban kerja yang bertambah maka peruntukan mestilah ada bagi Majlis menurunkan kuasanya agar kelicinan perjalanan tugas-tugas hariannya tidak tergendala. Penurunan kuasa ini adalah dengan kawalan iaitu dihadkan kepada Setiausaha Agong atau pegawai-pegawai yang dilantik dan jika perlu, kuasa ini diturunkan kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh Majlis itu sendiri. Akta yang berkuatkuasa sekarang tidak ada peruntukan ini dan ini adalah satu kelemahan yang boleh mengganggu kelicinan perjalanan harian Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Majlis yang berkuatkuasa sekarang memperuntukkan begitu kuat sekali pemeliharaan sulit mengenai

maklumat seseorang calon ataupun markah-markahnya. Ini sangatlah baik tetapi ia juga menjadi suatu kelemahan. Di bawah peraturan sekarang markah calon atau skrip jawapan calon, tidak boleh dizahirkan. Walau bagaimanapun, kita perlu mengakui bahawa sesuatu ujian atau peperiksaan itu ialah juga satu proses penilaian dan apa-apa maklumat yang dihasilkan dari penilaian tersebut hasilnya disalurkan kembali kepada sistem pelajaran kita bagi maksud memajukan sistem itu sendiri. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu membuat penyelidikan ke atas prestasi calon-calon dan dalam urusan ini markah calon dan juga perangkaan tertentu terpaksa digunakan. Hasil dari penyelidikan dan penilaian ini ada baiknya jika diumumkan. Untuk membolehkan proses penilaian dan penyelidikan ini digunakan, maka penzahiran data statistik peperiksaan STPM haruslah dibenarkan tetapi dengan syarat maklumat yang dizahirkan itu tidak membolehkan seseorang calon itu dikenalpasti. Seksyen kecil 12 (2) ialah suatu peruntukan baru yang diwujudkan bagi maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang sekarang iaitu seksyen 28 (1) dan (2) seseorang yang tidak diberi kuasa dengan sah oleh Majlis Peperiksaan Malaysia menyebarkan atau menggunakan mana-mana bahan-bahan sulit kepunyaan Majlis adalah metakukan suatu kesalahan. Pembekalan ini didapati tidak mencukupi kerana keselamatan peperiksaan adalah satu perkara yang patut diberi keutamaan dalam pengendalian peperiksaan awam. Penyelewengan atau sesiapa sahaja yang berniat jahat untuk membocorkan soalan-soalan peperiksaan hendaklah dianggap sebagai musuh utama kita. Perbuatan ini hendaklah dianggap satu kesalahan

yang serius kerana ia bukan sahaja menjejaskan imej dan keesahan peperiksaan tetapi ia akan menggugat kepercayaan orang awam terhadap peperiksaan yang kita kendalikan. Dengan hasrat untuk menjaga kepentingan orang ramai, segala langkah perlu diambil agar kebocoran atau jenayah ini tidak berlaku. Maka atas alasan-alasan inilah suatu peruntukan baru seksyen kecil 28 (3) diwujudkan untuk mengatasi masalah ini.

Di bawah peruntukan baru ini kesalahan yang dilakukan di jadikan kesalahan yang berjenis "seizable offence", dengan izin. Ini amatlah perlu kerana dengan perbekalan ini pihak polis diberi kuasa menahan seseorang yang disyaki tanpa "warrant of arrest, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dari mahkamah. Kemudahan ini membolehkan, Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis bertindak dengan cepat kerana daripada pengalaman yang lepas telah membuktikan bahawa sekiranya pihak Polis lewat bertindak mereka yang melakukan jenayah dapat bernafas dan boleh memusnahkan sebarang bukti terhadap jenayah yang dilakukan. Hukuman berat yang dikenakan ini hendaklah juga dilihat sebagai suatu "deterent", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang akhir sekali dibuat pada perenggan 4 (2) dalam jadual kedua yang mengecilkan korum bagi mesyuarat Majlis daripada sembilan orang kepada tujuh orang. Korum seramai sembilan orang dari empat belas orang ahli Majlis adalah terlalu besar dan kerap kali menimbulkan masalah kerana ahli-ahli Majlis terdiri dari orang-orang yang menyandang jawatan penting seperti Naib Canselor atau wakilnya iaitu Timbalan Naib Canselor dan dua orang dari ahli-ahli Majlis adalah dari Sabah dan Sarawak. Dengan pindaan ini adalah diharapkan

Majlis Peperiksaan Malaysia dapat mengadakan mesyuaratnya walaupun tujuh daripada empat belas orang ahlinya sahaja yang dapat hadir.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985 ini diwujudkan khususnya untuk mengatasi beberapa kelemahan dalam perbekalan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 yang dipakai sekarang. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa Kementerian Pelajaran dan semua pihak yang berkenaan telah mengkaji dan meneliti setiap tambahan dan pindaan yang telah saya huraikan sebentar tadi. Urusan mengadakan peperiksaan, mentadbir dan mengendalikannya adalah satu proses yang panjang. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan memerlukan penglibatan pakar-pakar tertentu dari luar dan juga dari pegawai-pegawai Majlis sendiri. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peperiksaan Malaysia sentiasa menghadapi risiko terhadap keselamatan peperiksaan. Sungguhpun mereka yang bertugas biasanya menandatangani Sijil Akta Rahsia Kerajaan tetapi risiko terhadap keselamatan peperiksaan seperti yang banyak diperkatakan tetap ada. Oleh itu, saya merasakan demi untuk menjaga keutuhan dan keselamatan peperiksaan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1982 perlulah dipinda supaya imej dan nama baik peperiksaan STPM yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia sentiasa terpelihara dan terjaga. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sijil STPM bukanlah sahaja digunakan untuk kelayakan masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri tetapi ia juga digunakan untuk mendapatkan pekerjaan baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Kita harus berbangga kerana dapat membuktikan terutama kepada dunia luar bahawa kita dapat mewujudkan satu sistem peperiksaan dengan menggunakan Bahasa

Malaysia sebagai bahasa pengantar dan sijil yang dikeluarkan pula mendapat pengiktirafan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengakhiri ulasan saya ini dengan menekankan sekali lagi bahawa kita tidak boleh bertolak ansur mengenai mutu, imej dan nama baik peperiksaan STPM kita dan berdasarkan kepada pendirian inilah maka Rang Undang-undang Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985 ini diwujudkan untuk memperkemas dan mengukuhkan lagi peraturan-peraturan keselamatan dan cara-cara pengurusan peperiksaan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia tahun 1980 dibacakan kali kedua dan terbuka untuk dibahas.

6.06 ptg.

Tuan Nasir bin Manap: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan ini iaitu berhubung dengan suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980. Saya berdiri di sini menyokong penuh Akta yang dibentangkan. Walau macam mana pun, saya suka menarik perhatian kepada Akta yang dibentangkan ini iaitu saya berpendapat Akta ini dibentangkan adalah untuk mengemaskinkan pengurusan peperiksaan supaya tiap-tiap peperiksaan dijalankan tidak menimbulkan satu kebocoran bagi tiap-tiap mata pelajaran yang

diperiksa. Selain daripada itu, sepertimana yang dicatatkan di dalam seksyen 26 (1) ini adalah menarik perhatian kepada kita yang menekankan, "tiada seorang pun berhak terhadap penzahiran markah yang didapati atau skrip jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon." Ini adalah satu perkara yang sangat sesuai sebagaimana yang dicatat di dalam seksyen 26 (1).

Selain daripada itu, berhubung dengan orang-orang yang memiliki kertas-kertas soalan sama ada sebelum atau semasa peperiksaan yang dijalankan dan kesalahan-kesalahan ini dikenakan denda sebanyak \$10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, maka itu saya rasa mencukupi sebagaimana yang dicatat di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah peperiksaan ini sama ada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Sijil STPM, kita selalu kedengaran kebocoran bagi kertas-kertas peperiksaan dan kebocoran ini agak sukar kita dapat menentukan dari mana datangnya kerana benda ini disenaraikan di dalam satu soalan yang begitu banyak terdapat beberapa soalan adalah soalan yang akan diperiksa bagi calon-calon yang tertentu. Dengan sebab adanya demikian maka kita selalu dengar kadangkala peperiksaan-peperiksaan dalam sesuatu mata pelajaran itu walaupun sudah diperiksa oleh sebab timbul masalah yang begini maka peperiksaan itu dijalankan semula. Maka ini kalau berlaku dari semasa ke semasa, kepercayaan daripada pelajar-pelajar ataupun kepercayaan daripada orang ramai kepada Majlis Peperiksaan Malaysia semakin lama semakin menurun dan perkara ini perlu diambil perhatian supaya tidak menimbulkan benda-benda begini terjadi dari semasa kesemasa. Dan satu lagi kita ketahui juga apabila soalan-soalan

dikeluarkan dan kita sedar orang ramai mengetahui soalan itu adakah soal yang tepat atau boleh dipertikaikan atau kesahihannya boleh dipersoalkan. Kalau soalan-soalan yang dikeluarkan tidak tepat dan boleh dipertikaikan oleh orang ramai dan kesahihan soalan itu juga boleh dipersoalkan ini saya merasai pihak Majlis Peperiksaan Malaysia yang menentukan orang-orang yang membuat soalan itu tidak begitu sesuai ataupun tidak tepat orangnya untuk menyediakan soalan-soalan sama ada di mana-mana peperiksaan, dan kadangkala kita dengar istilah-istilah yang dikeluarkan itu tidak sama seperti murid-murid yang belajar di sekolah, sama ada bentuk ejaan atau sebagainya. Dan benda ini, saya rasa perlu diambil perhatian supaya perkara ini tidak akan berlaku dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan saluran murid-murid yang belajar daripada Sekolah Menengah hingga ke peringkat Universiti. Sebagai contoh, murid-murid yang belajar dari aliran Kebangsaan, apabila murid-murid ini sampai di peringkat peperiksaan STPM maka dengan kebaikan markahnya mereka boleh belajar di universiti sama ada dalam negeri atau luar negeri.

Perkara yang harap diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran, murid-murid daripada aliran Kebangsaan ini yang belajar sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia terus dihantar ke luar negeri sama ada di Amerika atau England. Apakah bahasa penghantar yang dipelajarinya? Tidak syak lagi kita tahu murid yang belajar daripada STPM ini penghantar Melayu terus belajar di universiti Amerika ataupun England dalam bahasa pengantar Inggeris. Apakah ini satu dasar yang baik kerana murid-murid yang telah tidak begitu fasih, tidak begitu cekap dalam pelajaran bahasa Inggeris mereka terus dihantar

belajar di universiti luar negeri dalam bahasa Inggeris. Walau macam manapun kita sedar sebahagian daripada murid-murid kita mendapat kejayaan yang baik tetapi adakah ini suatu aliran pelajaran yang boleh kita katakan aliran yang baik., daripada peringkat STPM dalam penghantar Melayu terus belajar di universiti dalam bahasa Inggeris? Cuma apa yang kita fahamkan sebelum murid-murid ini atau pelajar-pelajar ini pergi ke universiti luar negeri, mereka diberi kursus dalam bahasa Inggeris agak dua tiga bulan. Adakah dalam masa dua tiga bulan ini pelajar-pelajar yang hendak belajar di peringkat universiti kita agak mencukupi.

Di sini saya suka menyarankan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya menitikberatkan saluran murid-murid daripada aliran Kebangsaan ini untuk pergi belajar di peringkat universiti dalam penghantar Inggeris dapat diubahsuai semula supaya tahap pelajaran bahasa Inggerisnya tidak akan tercemar semasa mereka belajar di universiti.

Dalam masalah ini, saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri, sebagai contoh, di Malaysia ini ada 2 aliran sekolah: satu, aliran Sekolah Kebangsaan dan satu lagi aliran Jenis Kebangsaan yang bahasa penghantarnya bahasa Tionghua dan bahasa Tamil. Maksudnya, di sekolah rendah ada aliran Jenis Kebangsaan Bahasa Tionghua dan Bahasa Tamil. Apabila murid-murid yang belajar di sekolah Jenis Kebangsaan Bahasa Tionghua ini sampai Darjah VI mereka hendak belajar ke Tingkatan 1 penghantar Kebangsaan, mereka tidak terus belajar dalam Tingkatan I, mereka diberi satu tahun mempelajari ataupun memahirkan bahasa mereka, dinamakan Darjah Peralihan. Begitu juga kepada murid-murid yang belajar di Sekolah Tamil. Kalau murid-murid di sekolah ini apabila mereka hendak

memasuki peajaran bahasa penghantar berlainan daripada sekolah rendah diberi satu tahun tempoh untuk mengukur pelajaran bahasa mereka, apakah ini kita tidak dapat laksanakan cara macam mana supaya pelajar-pelajar STPM ini yang bahasa penghantarnya Bahasa Melayu atau Bahasa Mataysia supaya dapat diubahsuai sama ada diperingkat awal ataupun semasa mereka hendak mempelajari atau hendak belajar di universiti luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan ini. Dengan ini saya menyokong penuh Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Yang Berhormat Senator Dato K. Kumaran.

6.16 ptg.

Dato K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan atas pembentangan Rang Undang-undang ini yang kena tepat pada masa dan keadaannya. Seperti kita semua sedia maklum, negara kami telah menghadapi satu gempar pada tahun 1983 semasa peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dijalankan. Kebocoran kertas-kertas soalan dengan seluas-luasnya semasa itu telah mengancam kepercayaan dan integriti sistem pengukuran dan penilaian yang kami sanjung tinggi itu. Kerajaan terpaksa membelanjakan beratur-ratus ribu ringgit untuk mengadakan semula peperiksaan tersebut. Lebih-lebih lagi Kerajaan juga terpaksa mengambil beberapa langkah untuk memulihkan

kepercayaan terhadap sistem pengukuran dan Majlis Peperiksaan Malaysia. Salah satu daripada langkah itu adalah memperketatkan lagi sistem kawalan dan pemilikan dokumen-dokumen yang dianggap rahsia itu melalui pembentangan Rang Undang-undang ini.

Sebelum saya menyentuh beberapa perkara tentang Majlis Peperiksaan Malaysia, saya ingin menyentuh satu dua perkara tentang pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seksyen 26 Akta Ibu adalah dipinda sama sekali dan digantikan dengan syarat-syarat baru, khususnya Fasal 26 (1) mengenai merahsiakan markah, skrip jawapan dan data statistik.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya melalui pindaan ini, Majlis Peperiksaan memberikan kuasa yang luas dan lebihan di mana sesiapa pun termasuk mahkamah-mahkamah di negara ini tidak boleh bertanya Majlis Peperiksaan untuk memberitahu skrip jawapan atau markah yang diperolehi oleh seseorang calon. Pada pendapat saya, kuasa ini adalah berkelebihan dan juga menjejaskan kuasa," dengan izin, "equity jurisdiction" mahkamah-mahkamah kita. Untuk menjaga imej pengecualian Majlis Peperiksaan dan juga untuk mewujudkan confidence rakyat jelata terhadapnya, saya bercadang mahkamah-mahkamah itu terus diberikan kuasa yang sedia ada pada mereka sckarang.

Lagi satu pindaan yang ingin saya menyentuh adalah Fasal 28 (c). Pindaan ini didapati adalah diketatkan lagi untuk menjaga keselamatan perjalanan peperiksaan. Ini adalah baik dan saya menyokong penuh pindaan ini. Dalam konteks ini, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tugas-tugas yang dijalankan oleh Nazir-nazir Sekolah Persekutuan sewaktu peperiksaan.

Pada pengetahuan saya, pegawai-pegawai ini melawat Pusat-pusat Peperiksaan STPM mahupun SPM dan SRP dan berpeluang untuk membaca, menyelia dan menyibar tentang isi kandungan kertas-kertas soalan sewaktu kertas-kertas itu sedang diadakan. Adakah pegawai-pegawai ini juga dirangkumi oleh Akta ini? Sekiranya ya, bagaimanakah gerak-geri mereka sewaktu musim peperiksaan itu boleh dipercayai atau dikawal? Umpamanya, seorang pegawai boleh melawat lebih dari satu pusat pada masa satu mata pelajaran sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh dalam seksyen ini ialah berkaitan dengan denda. Manakala saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya tidak begitu setuju dengan denda yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini, bagi orang-orang yang melanggarnya. Saya berpendapat denda yang dicadangkan itu tidak langsung mencerminkan dan tidak sejajar dengan keberatan jenayah yang dilakukan itu. Saya mencadangkan bahawa denda yang dicadangkan itu dinaikkan lagi supaya menjadi lebih berat lagi serta menjadi suatu penghalang dan pengajaran kepada mereka yang ingin melanggarnya. Denda yang dicadangkan itu, hendaklah dinaikkan kepada \$15,000 atau \$20,000 dan sekurang-kurangnya 7 tahun penjara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara adalah berkaitan dengan Laporan Tahunan Majlis Peperiksaan. Saya difahamkan Kementerian Pelajaran mengeluarkan laporan tahunan yang merangkumi prestasi serta aspek-aspek setiap mata pelajaran SRP dan SPM. Laporan-laporan ini, tidak langsung memberikan sebarang maklumat tentang mata pelajaran Bahasa Tamil dan Kesusteraan Tamil di peringkat SPM. Menyusul tentang ini, saya suka

bertanya sama ada kedua-dua mata pelajaran ini dijalankan oleh Majlis Peperiksaan atau oleh pihak yang lain di Kementerian Pelajaran? Tambahan pula, adakah kedua-dua mata pelajaran ini diiktirafkan oleh Kementerian atau tidak kerana kejadian ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan ibu-bapa yang anaknya mengemabill peperiksaan kedua-dua mata pelajaran itu pada peringkat SPM. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan menghadapi kesulitan untuk memperolehi bakal guru-guru Tamil yang berkualiti dalam Bahasa Tamil kerana dengan ketiadaan panduan, maka banyak calon akan gagal dalam peperiksaan Bahasa Tamil dan Kesusteraan Tamil. Saya rasa kejadian ini menjejaskan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan saya merayu kepada pihak yang tertentu untuk membetulkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang tidak meliputi dalam Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan pengawasan peperiksaan di peringkat pelaksanaan iaitu di pusat-pusat peperiksaan. Kita mesti memahami hakikat pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan menjalankan peperiksaan haruslah mempunyai kewibawaan dan kejujuran yang tidak boleh dipersoalkan. Kita pernah mengalami situasi di mana penyelewengan pernah berlaku di pusat-pusat peperiksaan akibat ketidakjujuran Pengawas-pengawas Peperiksaan di pusat-pusat tertentu. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa Pengawas-pengawas Peperiksaan termasuk Ketua-ketua Pengawas menjalankan sumpah kejujuran di hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah atau Majistret agar mereka menjalankan peperiksaan dengan jujur tanpa sebarang penyelewengan. Saya berpendapat, menandatangani borang akan menjalankan peperiksaan dengan jujur seperti yang diamalkan

sekarang tidak langsung mencukupi dan tidak mempunyai, dengan izin, "checks and balances" yang baik. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengatur sumpah kejujuran ini di hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah atau Majistret kepada setiap pegawai dari peringkat atas hinggalah ke budak pejabat yang terlibat dalam menjalankan peperiksaan. Dalam hubungan ini saya juga ingin mengutarakan beberapa kelemahan dalam pengeluaran keputusan. Terdapat suatu situasi di mana seorang pelajar dari Kuala Lumpur yang memperolehi keputusan gagal dalam peperiksaan SRP mendapat keputusan kelulusan setelah ibubapanya meminta menyemak semua kertas jawapan murid itu. Begitu juga seramai 1300 orang murid yang mendapat pangkat "X" dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM mendapat keputusan yang baik beberapa minggu kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa-peristiwa begini pasti akan menjejaskan, dengan izin, "integrity and credibility" Majlis Peperiksaan. Saya mengaku kesilapan yang tidak sengaja begini akan berlaku dalam pengeluaran keputusan beratus ribu pelajar memandangkan konstrain dan target yang sedia ada. Akan tetapi, saya berharap ahli-ahli Majlis Peperiksaan Malaysia akan lebih berwaspada dalam mengeluarkan keputusan agar tidak ada pembedaan kelak. Ini adalah kerana sistem pendidikan negara ini yang berkesedaran kepada perlunya senjata utama iaitu Sijil Tinggi Pelajaran untuk melayakkan diri memperbaiki tarap hidup semakin ketara di kalangan pelajar kita. Tindakan begini akan lebih menyakinkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penilaian dan pengukuran Majlis Peperiksaan Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin menyentuh sedikit

tentang kemerosotan keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia baru-baru ini. Jika kita meneliti dengan sedalam-dalamnya cara soalan-soalan di kertas STPM, kita mendapati bahawa beberapa soalan diulangi setiap tahun kerana anggapan mungkin topik-topik ini mustahak. Cara pembentukan soalan begini menggalakkan murid teka (spot) soalan dan mereka bergantung kepada jawapan contoh (model). Mereka tidak memahami sesuatu topik dalam perspektif keseluruhannya. Ini telah mengakibatkan jawapan yang standard dan kemerosotan keputusan STPM.

Satu lagi faktor yang mengakibatkan kemerosotan keputusan STPM adalah kegagalan murid-murid menguasai Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya seperti yang disarankan oleh Professor Diraja Ungku Aziz, Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia. Jika keadaan ini benar, maka ini adalah suatu tragedi yang menyedihkan kerana pelajar-pelajar kini juga tidak begitu mahir dalam bahasa Inggeris dan taraf bahasa Inggeris telah merosot. Kita menghadapi dilema di mana standard Bahasa Malaysia dan standard bahasa Inggeris jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sistem peperiksaan di tingkatan dan darjah bawah di mana semua penilaian dibuat dalam bentuk objektif telah mengakibatkan situasi di mana murid-murid sukar menguasai bahasa dengan cara yang efektif. Oleh yang demikian, tibalah masanya Kementerian Pelajaran bersama-sama dengan Majlis Peperiksaan menilai semula sistem peperiksaan di peringkat bawah dalam perspektif keseluruhan sistem pelajaran negara ini. Masalah-masalah seperti pembentukan soalan bagi peperiksaan awam menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan-peperiksaan secara objektif di tingkatan dan darjah bawah. Keselamatan kertas soalan, pembedaan jawapan pelajar dan sebagainya adalah

masalah yang patut diatasi dengan segera agar menimbulkan kepercayaan integrity dan credibility terhadap sistem penilaian oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah positif dan segera untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta

untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980. Sekian, terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 23hb April, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.